



PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA
SENATE

PARLIMEN KEENAM
Sixth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

MENGANGKAT SUMPAAH:

Puan Rokiah *alias* Maimon binti Zainuddin [Ruangan 3193]
Datuk Haji Mohamad Din bin Jaafar [Ruangan 3193]
Tuan Haji Mohamad bin Yahya [Ruangan 3193]

PENGUMUMAN TUAN YANG DIPERTUA:

Mengalu-alukan Ahli Baru [Ruangan 3193]
Memperkenankan Akta-akta [Ruangan 3193]
Perutusan daripada Dewan Rakyat [Ruangan 3195]

Ucapan Takziah kepada Keluarga Allahyarham Y. B. Tuan Haji Eban bin Haji
Salleh dan Y. B. Tok Pangku Pandak Hamid bin Puteh Jali [Ruangan 3196]

URUSAN MESYUARAT [Ruangan 3196]

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 3197]**

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Paten [Ruangan 3285]
Rang Undang-undang Taman Negara (Pindaan) [Ruangan 3305]
Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Ternakan Negara (Pembubaran)
[Ruangan 3310]

MALAYSIA
PARLIMEN KEENAM—DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

- Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, TAN SRI ISMAIL KHAN, P.S.M., P.N.B.S.,
B.K.T., P.P.T. (Dilantik).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO HAJI MOHAMED BIN
NASIR, S.P.M.K., J.M.N., J.P. (Kelantan).
- „ Timbalan Yang Dipertua, DATO' SULAIMAN BIN NINAM SHAH,
S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N., B.S.I., P.I.S., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABDUL JALIL BIN ABDUL RAHMAN (Dilantik).
- „ TUAN ABDUL RAZAK BIN HAJI ABU SAMAH, A.M.N., P.J.K.
(Dilantik).
- „ TAN SRI DATO HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSAIN, P.S.M.,
D.S.W., D.S.A.P., J.S.M., S.M.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N.
(Dilantik).
- „ TUAN ABDULLAH BIN SALLEH (Perlis).
- „ TOH MUDA DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN (Dilantik).
- „ TUAN ALEXANDER Y. L. LEE (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ARIFFIN BIN HAJI SALLEH, K.M.N., S.M.K. (Dilantik).
- „ TUAN BASHARON BIN HANAPIAH (Dilantik).
- „ DATO CHIN KIM YOONG, D.P.C.M., A.M.P., P.P.T. (Perak).
- „ DATUK CHOO CHING HWA, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K., P.P.N.,
P.M.K., J.P. (Dilantik).
- „ DATUK CHUA SONG LIM, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., J.M.N., P.I.S.,
B.S.I., J.P. (Johor).
- „ TUAN HAJI FADZIL BIN AHMAD, A.M.N. (Kedah).
- „ TUAN FADZIL BIN MAHMOOD, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Perlis).
- „ DATO S. GOVINDARAJ, D.P.M.S. (Dilantik).
- „ PUAN HAFSAH BINTI OTHMAN (Dilantik).
- „ PUAN HASNAH BINTI HAJI MOHD. KASIM *alias* HASNAH FATIMAH
BINTI HAJI MOHD. KASIM, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Terengganu).
- „ TUAN H'NG HUNG YONG (Dilantik).

- Yang Berhormat TUAN HAJI IBRAHIM BIN ABDULLAH, A.M.N., A.M.P., P.J.K., J.P. (Perak).
- „ TUAN IBRAHIM BIN SALLEH, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN ISHAK BIN ABDUL RAHMAN, A.M.N., P.J.K. (Pulau Pinang).
- „ DATO ISMAIL BIN HASHIM, D.P.S.M., K.M.N., A.M.N., P.B.M., J.P. (Melaka).
- „ TUAN JAAFAR BIN HARUN (Dilantik).
- „ DATUK JAMES BERNARD WILLIE, P.G.D.K. (Sabah).
- „ PUAN SRI JANAKI ATHI NAHAPPAN (Dilantik).
- „ TUAN R.M. JASNI, B.K. (Dilantik).
- „ DATO KAM WOON WAH, D.I.M.P., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN SYED KAMARULZAMAN BIN SYED BAHALDIN ALJAMLUD, K.M.N., A.M.N. (Selangor).
- „ TUAN KEE YONG WEE (Dilantik).
- „ TUAN KENNETH KANYAN ANAK TEMENGGONG KOH, K.M.N., J.B.S. (Sarawak).
- „ DATO KHOO KAY POR, D.M.P.N., J.M.N., J.P. (Pulau Pinang).
- „ TUAN K. KUMARAN, K.M.N., P.M.P., P.P.T., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI LATIP BIN HAJI DRIS (Dilantik).
- „ TUAN LOH KEE PENG, P.J.K., J.P. (Melaka).
- „ TUAN LOO SWEE MOK, A.M.N., P.P.N. (Pahang).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN YAHYA, P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Johor).
- „ DATIN HAJJAH MAHIMON BINTI HAJI HARUN, S.M.P., A.M.N., J.P. (Pahang).
- „ DATO HAJI MAHMOUD *alias* MAHMOUD SALIM BIN HAJI MOHAMAD, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Terengganu).
- „ DATUK HAJI MOHD. DIN BIN JAAFAR, P.G.D.K., A.D.K., B.K. (Dilantik).
- „ DATO HAJI MOHD. NOR MOHAMAD, D.P.M.S., J.M.N., S.M.T., S.M.S., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN M. K. MUTHUSAMY, K.M.N., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Dilantik).
- „ PUAN NEN ABIDAH BINTI ABDULLAH (Dilantik).
- „ TUAN HAJI NORDIN BIN PESAH, K.M.N., A.M.N., P.J.K., J.P. (Negeri Sembilan).
- „ DATO HAJI OTHMAN BIN HAJI ABDULLAH, D.P.M.J., P.C.M. (Dilantik).
- „ TUAN PARAMJIT SINGH (Dilantik).

- Yang Berhormat DATO G. PASAMANICKAM, S.P.M.J., D.P.M.J., D.S.I.J., P.I.S.,
B.S.I., J.S.M., A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ PUAN RAGAYAH BINTI ARIFF, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ PUAN ROKIAH *alias* MAIMUN BINTI ZAINUDDIN (Dilantik).
- „ TUAN HAJI SHAHAROM BIN MAASOM (Dilantik).
- „ TAN SRI DATUK DR C. SINNADURAI, P.S.M., P.S.D., P.N.B.S.,
D.P.M.P., J.M.N., S.M.K., C.M.B., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN STEPHEN TIMOTHY WAN ULLOK (Dilantik).
- „ TUAN TAN CHANG SOONG, A.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN TING MING HIA *alias* Ting Ming Hoi (Sarawak).
- „ TUAN D. P. VIJANDRAN (Dilantik).
- „ TUAN WONG KIE NAI (Dilantik).
- „ DATO WONG SENG CHOW, A.M.N., J.P. (Negeri Sembilan).
- „ TUAN HAJI TUAN YAACOB BIN HAJI ENSKU YUNUS, P.P.N.
(Kelantan).
- „ DATO YAP PENG *alias* YAP PIANG TAU, D.P.M.S. (Selangor).
- „ TAN SRI DATUK YEH PAO TSU, P.S.M., P.G.D.K., A.M.N. (Sabah).
- „ TAN SRI ZAITON IBRAHIM BIN AHMAD, P.S.M. (Dilantik).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Haji Ahmad Hasmuni bin Haji Hussein.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA
DEWAN NEGARA

Isnin, 8hb Ogos, 1983

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang Dipertua *mem-*
pengerusikan Mesyuarat)

MENGANGKAT SUMPAAH

Ahli-ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat Sumpah seperti yang disebutkan dalam Perlembagaan:

1. Puan Rokiah *alias* Maimon binti Zainuddin
2. Datuk Haji Mohamad Din bin Jaafar
3. Haji Mohamad bin Yahya

**PENGUMUMAN
TUAN YANG DIPERTUA**

**MENGALU-ALUKAN
AHLI BARU**

Tuan Yang Dipertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan selamat datang dan tahniah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang baru mengangkat Sumpah sebentar tadi. Saya berharap semoga Ahli-ahli yang baru dilantik dan dipilih itu dapat memberikan sumbangan yang berguna dan berfaedah kepada Dewan ini dan kepada negara seterusnya dan semoga beliau dapat berkhidmat dengan cemerlang.

MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA

Tuan Yang Dipertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu iaitu Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka

Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah berkenan mempersetujui Akta-akta yang telah diluluskan oleh Parlimen dalam mesyuarat yang lalu seperti berikut:

1. Akta Audit (Pindaan) 1983;
2. Akta Kerajaan Tempatan (Pindaan) 1983;
3. Akta Bahasa Kebangsaan (Pindaan dan Perluasan) 1983;
4. Akta Perbekalan Tambahan (1982) 1983;
5. Akta Lembaga Pelabuhan (Pindaan) 1983;
6. Akta Pertubuhan (Pindaan) 1983;
7. Akta Dadah Berbahaya (Pindaan) 1983;
8. Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983;
9. Akta Racun (Pindaan) 1983;
10. Akta Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka 1983;
11. Akta Mahkamah Kehakiman (Pindaan) 1983;
12. Akta Kumpulan Wang Biasiswa Pengajian Tinggi Raja-raja dan Yang di-Pertua-Yang di-Pertua Negeri 1983;
13. Akta Perempuan Bersuami (Pindaan) 1983;
14. Akta Perkapalan Saudagar (Pindaan) 1983;
15. Akta Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia (Pindaan) 1983 dan

16. Akta Lalulintas Jalan (Pindaan) 1983.

**PERUTUSAN DARIPADA
DEWAN RAKYAT**

Tuan Yang Dipertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara mempersetujui Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan tersebut.

Saya jemput Setiausaha membacakan perutusan itu sekarang.

(Setiausaha membacakan Perutusan)

“5hb Ogos, 1983.

Tuan Yang Dipertua Dewan Negara,

Dewan Rakyat telah meluluskan Rang Undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara mempersetujukannya:

1. Rang Undang-undang Paten;
2. Rang Undang-undang Taman Negara (Pindaan);
3. Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Ternakan Negara (Pembubaran).
4. Rang Undang-undang Probet dan Pentadbiran (Pindaan);
5. Rang Undang-undang Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (Pindaan);
6. Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan);
7. Rang Undang-undang Profesion Undang-undang (Pindaan); dan
8. Rang Undang-undang Penyelarasan Pencen (Pindaan).

Yang ikhlas,

t.t.

**YANG DIPERTUA
DEWAN RAKYAT”**

URUSAN MESYUARAT

Timbalan Yang Dipertua (Dato' Sulaiman bin Ninam Shah): Tuan Yang Dipertua, saya akan mencadangkan supaya Rang Undang-undang yang tersebut di dalam perutusan itu dibacakan kali yang kedua dan ketiganya di mesyuarat ini:

1. Rang Undang-undang Paten;
2. Rang Undang-undang Taman Negara (Pindaan);
3. Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Ternakan Negara (Pembubaran);
4. Rang Undang-undang Probet dan Pentadbiran (Pindaan);
5. Rang Undang-undang Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (Pindaan);
6. Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan);
7. Rang Undang-undang Profesion Undang-undang (Pindaan); dan
8. Rang Undang-undang Penyelarasan Pencen (Pindaan).

Tuan Yang Dipertua: Baiklah.

**UCAPAN TAKZIAH KEPADA
KELUARGA ALLAHYARHAM
Y.B. TUAN HAJI EBAN BIN
HAJI SALLEH DAN Y.B. TOK
PANGKU PANDAK HAMID
BIN PUTEH JALI**

Tuan Yang Dipertua: Dengan dukacitanya saya memberitahu Ahli-ahli Yang Berhormat iaitu kita telah kehilangan dua orang ahli dengan kembalinya ke Rahmatullah Allahyarham Y.B. Tuan Haji Eban bin Haji Salleh pada 6hb April, 1983 dan Y.B. Tok Pangku Pandak Hamid bin Puteh Jali pada 22hb Mei, 1983. Pihak Parlimen telah menghantar kawat takziah kepada keluarga Allahyarham-allahyarham itu.

Sekarang saya menjemput Ahli-ahli Yang Berhormat dan hadirin sekalian berdiri bertafakkur bersama-sama saya selama seminit untuk mengenang dan memperingati Ahli-ahli Yang Berhormat itu dan bagi orang-orang Islam diminta menghadihkan Fatihah seberapa ikhlas ke atas roh mereka.

(Majlis bertafakkur selama seminit dan yang beragama Islam membacakan Fatihah).

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

STESEN MINYAK PETRONAS— PENGUSAHA BUMIPUTERA

1. Tuan Abdul Wahab bin Abu Bakar minta Perdana Menteri menyatakan sesuai dengan langkah dan dasar perkembangan petrolium di negara ini, bagaimanakah cara dan dasar yang diambil oleh pihak PETRONAS dalam memilih pengusaha Bumiputera untuk mengendalikan stesen petrolnya yang telah ditawarkan itu.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr James Peter Ongkili): Tuan Yang Dipertua, pada dasarnya PETRONAS Dagangan Sdn. Bhd. (PDSB) iaitu anak syarikat PETRONAS bagi jualan bahan-bahan petrolium di pasaran dalam negeri mempunyai tiga konsep bagi memilih wakil-wakil penjual atau pengedar/pengusaha stesen-stesen minyak.

Konsep-konsep tersebut adalah seperti berikut:

(a) *Stesen Yang Dimiliki oleh PDSB.*

Di bawah konsep ini tanah, bangunan dan segala peralatan

tetap akan disediakan dan dimiliki oleh PDSB sendiri. Pihak PDSB akan menentukan sama ada stesen-stesen tersebut akan diserahkan kepada wakil-wakil penjual atau dikendalikannya sendiri. Sekiranya stesen-stesen tersebut diputuskan untuk diserahkan kepada wakil penjual, ianya akan diiklankan dalam akhbar-akhbar tempatan. Pemohon pemohon mestilah terdiri daripada penduduk-penduduk yang tinggal di daerah tempat stesen dibina dan berupaya menyediakan wang cagaran kepada PDSB berjumlah \$50 ribu dan juga modal pusingan sebanyak \$70 ribu. Keutamaan akan diberikan kepada Bumiputera-bumiputera yang berpengalaman dan akan mengendalikan stesen tersebut sepenuh masa di atas dasar milik perseorangan (sole proprietorship);

(b) *Stesen Sebahagian Dimiliki oleh PDSB (Partially company-owned Station).*

Bagi Bumiputera yang mempunyai tanah yang sesuai dan ingin dimajukan sebagai tapak stesen servis minyak, mereka bolehlah mengemukakan kepada PDSB untuk dibuat kajian dan pertimbangan selanjutnya. Sekiranya diterima PDSB akan memajak tanah tersebut selama 30 tahun dengan peruntukan untuk menyambung pajakan selama 5 tahun. Bangunan stesen dan peralatan tetap akan disediakan oleh PDSB. Keutamaan akan diberi kepada tuan-tuan tanah untuk mengendalikan stesen tersebut dan tertakluk kepada budibicara PDSB, bayaran pajakan pendahuluan selama 30 tahun

akan diberi untuk dijadikan sebagai modal pusingan;

(c) *Stesen Dibina Sendiri oleh Wakil Penjual.*

Tanah dimiliki oleh wakil penjual dan bangunan stesen tersebut akan didirikan sendiri mengikut spesifikasi PDSB. Dalam konsep ini PDSB hanya menyediakan dan meminjamkan peralatan asas yang diperlukan oleh sesebuah stesen servis tetapi tidak termasuk peralatan mudahalih di garage stesen-stesen itu.

Tuan Yang Dipertua, sehingga 31-7-83 PDSB—saya ulangi—PETRONAS Dagangan Sdn. Bhd., telah pun mendirikan sebanyak 10 buah stesen-stesen servis minyak yang dimiliki olehnya sendiri. Daripada stesen-stesen tersebut 7 buah stesen dikendalikan oleh wakil-wakil penjual Bumiputera dan yang bakinya pula dikendalikan oleh PDSB sendiri.

Walau bagaimanapun, PDSB telah pun mengenalpasti 135 tapak-tapak yang sesuai untuk dibina stesen-stesen servis. Kebanyakan darinya akan dikendalikan di bawah konsep yang kedua tadi iaitu stesen-stesen sebahagian dimiliki oleh PDSB sendiri.

Dengan ini nyatalah bahawa dasar PDSB adalah untuk menggalakkan penyertaan golongan Bumiputera mengendalikan stesen-stesen servis PETRONAS.

Dato' Ismail bin Hashim: Tuan Yang Dipertua, saya mengucapkan berbilang terima kasih di atas soalan yang telah dijawab oleh Menteri yang berkenaan.

Soalan saya, Tuan Yang Dipertua, untuk menggalakkan Bumiputera mencebur dalam masalah Petrol Pump (PETRONAS Pump) di seluruh negara kita ini, memandangkan cagaran yang dikehendaki sebanyak \$50 ribu dan

wang pusingan sebanyak \$70 ribu untuk disediakan, adakah berkemungkinan pihak Kerajaan ataupun PDSB untuk mengurangkan daripada had yang telah ditetapkan.

Kedua, sejauh manakah Kerajaan ataupun PDSB telah mengenalpasti seramai mana daripada Bumiputera-bumiputera yang berminat untuk pump yang diwujudkan sama ada diwujudkan dari segi PDSB ataupun daripada tuan-tuan tanah yang telah memohon sejauh ini.

Datuk Dr James P. Ongkili: Tuan Yang Dipertua, untuk menjawab soalan tambahan yang pertama itu, Kerajaan PETRONAS khasnya akan mengambil perhatian tentang pertanyaan kemungkinan mengurangkan cagaran dan wang pusing itu.

Yang kedua, seperti yang saya katakan tadi apabila sahaja PETRONAS mengadakan satu servis stesen minyak yang baru yang difikirkan perlu diwujudkan di mana-mana sahaja, ini akan diiklankan. Itu bererti pihak bumiputera terutama sekali akan diberi peluang sepenuhnya untuk memasuki iklan dan tawaran itu.

Dato' Haji Mohd. Nor Mohamad: Tuan Yang Dipertua, saya ingin sedikit penjelasan. Sekarang kita ada stesen-stesen minyak, tidak berapa lama lagi tentu kita mengadakan banyak stesen-stesen gas cecair untuk kenderaan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri sama ada satu dasar telah dibuat untuk membahagikan perusahaan-perusahaan stesen gas cecair. Jika dibuat, bilakah agaknya pemberian stesen-stesen gas cecair ini akan diberi kepada pengusaha-pengusaha.

Datuk Dr James P. Ongkili: Tuan Yang Dipertua, perusahaan ataupun penghasilan gas cecair ini sedang diusahakan di kompleks PETRONAS

di Terengganu dan apabila gas cecair ini telah mula dikeluarkan dan diedarkan dalam jangka masa tahun 1985, maka pengedarannya itu memanglah memberi keutamaan kepada pasaran tempatan, iaitu pasaran di negara kita.

Dalam soal pengedaran petroleum dan juga gas cecair ini untuk pasaran tempatan, memanglah pihak bumiputera akan diberi keutamaan.

Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah: Soalan tambahan. Tuan Yang Dipertua, apabila kita memperkatakan perkembangan perusahaan petroleum negara, ini amat besar. Saya banyak hendak bertanya hari ini. Bukan saya hendak bertanya fasal mengendalikan stesen berkenaan petrol sahaja, tetapi saya suka bertanya kepada Kerajaan, khususnya kepada Menteri yang berkenaan bagaimana sekarang cara-cara kita mentadbirkan petroleum negara kita ini kepada pegawai-pegawai mengendalikan perusahaan ini daripada serba-serbi yang mengendalikan perusahaan seluruh negara kita khususnya di Terengganu misalnya. Adakah kita sekarang ini hanya memakai pakar-pakar petroleum daripada luar negeri ataupun sekarang sudah kita hantar orang-orang kita berlatih secara lebih cepat dan selaras dengan tujuan Kerajaan mengendalikan supaya anak negeri kita sendiri buat. Saya suka bertanya sudahkah dijalankan perusahaan ini supaya dihantar ke luar negeri supaya pengalaman-pengalaman yang khusus kepada bumiputera dijalankan.

Yang kedua, di negeri mana dihantar orang-orang kita berlatih, di negeri Arab ataupun di Amerika atau di mana?

Datuk Dr James P. Ongkili: Tuan Yang Dipertua, saya boleh menjawab separuh soalan itu yang mana agak terkeluar daripada soalan asal kerana

ini mengenai peranan bumiputera di dalam mengendalikan stesen-stesen petrol dan bukan latihan (training).

Untuk menjawab, Tuan Yang Dipertua, PETRONAS memang telah mewujudkan satu sistem latihan (training) untuk pegawai-pegawai, untuk eksekutif-eksekutifnya, terutama sekali di peringkat bawahan dan menengah untuk diberi kemahiran yang lebih lagi. Dari segi kepakaran (consultancy) pula memang menjadi dasar PETRONAS dari mula lagi agensi ini ditubuhkan supaya pemindahan teknologi (transfer of technology) diwujudkan dengan seberapa cepatnya bagi negara kita ini.

Saya kata saya tak dapat menjawab bahagian yang kedua kerana terkeluar, tempat-tempat di mana pegawai-pegawai kita ini dilatihkan adalah tertakluk kepada keperluan kemahiran dan keperluan teknologi itu.

TOL LEBUHRAYA SEREMBAN— JUMLAH KUTIPAN

2. Dato' Yap Peng minta Menteri Kerjaraya menyatakan jumlah hasil yang telah dibuat atas kutipan-kutipan di Tol Lebuhraya Seremban sehingga 31-7-83 dan jumlah kos sebenar untuk menyiapkan Lebuhraya Seremban tersebut dan sama ada benar beliau akan membuat kutipan-kutipan tol di lebuhraya-lebuhraya lain di negara ini.

Menteri Kerjaraya (Dato' S. Samy Vellu): Tuan Yang Dipertua, kutipan tol di Lebuhraya Kuala Lumpur-Seremban telah dimulakan pada 16hb Jun, 1982. Jumlah hasil kutipan tol yang dibuat di lebuhraya tersebut sehingga 31hb Julai, 1983 ialah sebanyak \$12.5 juta. Kos sebenar untuk menyiapkan Lebuhraya Kuala Lumpur-Seremban tersebut ialah

sebanyak \$93.6 juta. Semua jalan yang dibina dan dipunyai oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia adalah dikenakan tol dan Kementerian saya juga sedang membuat kajian untuk menentukan sama ada jalan-jalan lain patut dikenakan tol.

Tuan Haji Fadzil bin Ahmad: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat sedikit penjelasan daripada Kementerian yang berkenaan adakah cadangan daripada Kerajaan, khasnya Kementerian Yang Berhormat sendiri pada masa hadapan kutipan seperti yang berjalan sekarang akan dikurangkan ataupun dinaikkan lagi. Kalau ada cadangan, apa sebab, begitulah juga sebaliknya, kalau tidak, mengapa?

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang Dipertua, dukacitalah tidak ada cadangan untuk mengurangkan tol yang kita kutip sekarang, tetapi saya ada cadangan untuk menaikkan taraf (*Ketawa*) dan juga menaikkan tol yang kita kutip sekarang, iaitu di toll-gate di Sungai Besi. Perkara-perkara ini sebagai Menteri yang bertanggungjawab saya akan membentangkan perkara ini kepada Jemaah Menteri tidak berapa lama lagi. Saya harap juga dalam tempoh masa 2 bulan agi, saya akan mengumumkan berapakah tol yang kita akan naikan di Sungai Besi Toll-gate di Kuala Lumpur itu.

Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Soalan tambahan. Apakah sebabnya lebuhraya yang sekarang ini tidak kuat, berjalan 1½ tahun sudah mendap. Adakah kerana kurang penyeliaan atau kerana lekas sangat hendakkan duit tol atau apa sebab. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi jawapan apakah sebabnya Lebuhraya Seremban-Kuala Lumpur ini mendap turun baru-baru ini di jalan tersebut.

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang Dipertua, mengenai Lebuhraya Kuala Lumpur-Seremban ada juga beberapa sebab. Sebab-sebabnya bukanlah luar biasa, sebab-sebabnya apa yang saya timbulkan dalam jawapan saya di Dewan Rakyat, suka juga saya memberi sedikit pandangan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, iaitu masalahnya berkenaan dengan tanah runtuh, yang kedua masalah air atau apa yang kita kata, dengan izin dalam bahasa Inggeris, the containing of water in the lower strata of the road, iaitu kandungan air di bawah jalan berlebih dan juga ada perkara-perkara lain, saya tidak boleh memberi penjelasan yang lebih atas perkara ini.

Walau bagaimanapun, saya suka memberi sedikit penjelasan kepada Ahli Yang Berhormat, perkara-perkara ini bukan sahaja berlaku di negara kita, ini kali yang pertama kita menyaksi satu keadaan seperti ini tetapi untuk maklumat Ahli-ahli Yang Berhormat sukalah saya menimbul sedikit kegiatan-kegiatan atau peristiwa-peristiwa seperti ini telah berlaku di banyak negara-negara yang lain iaitu lebuhraya mendak di bawah permukaan bumi di Motorway M-1 di Britain, tahun 1980; penurunan lereng (slope failure) di 'Chow Express' di Jepun, tahun 1982; penambakan iaitu hanyut (embankment) di West Indies, keseluruhan penambakan berlaku, sebab-sebabnya banjir dan juga adalah penambakan tenggelam iaitu embankment slip di West Virginia, Amerika Syarikat negara-negara dengan lebih pengalaman, dengan lebih kejuruteraan dan juga lebih awal daripada kita membina lebuhraya. Sebab-sebabnya kita tidak dapat tahu apakah sebab-sebabnya. Sebabnya engineering failures, bukanlah daripada manusia yang kita boleh tahu dan sebab itu jugalah saya suka memberi sedikit penjelasan atas perkara ini. Walau bagaimanapun, apa yang berlaku di Lebuhraya Seremban/

Kuala Lumpur itu bukanlah terbesar seperti apa yang kita nampak di dalam dunia ini.

Dato Ismail bin Hashim: Soalan tambahan, Tuan Yang Dipertua. Soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri begini. Memandangkan kutipan tol di Lebuhraya Seremban/Kuala Lumpur ini telah bermula pada 16-6-1982 sehingga 31-7-1983 dan pungutan sebanyak \$12.5 juta, ini bermakna satu bulan \$1 juta. Adakah Yang Berhormat pasti dengan pungutan itu tidak ada pungutan-pungutan yang luar biasa dilakukan oleh pegawai-pegawai yang dipertanggungjawabkan. Ini masalah duit. Jadi apa yang kita pastikan, Kerajaan kita hendaklah Bersih, Cekap dan Amanah. Kita telah dengar beberapa perkara yang telah dilakukan oleh pegawai-pegawai itu.

Yang kedua, dari segi bayaran bulanan kepada mereka yang datang daripada Seremban, daripada Kajang ataupun daripada Seremban ke Kuala Lumpur boleh atau tidak diberi bayaran bulanan kepada mereka-mereka yang berkehendak supaya menyenangkan mereka, dengan adanya ditampalkan 'car sticker' ataupun cara yang tertentu supaya menyenangkan mereka ini.

Yang ketiganya, masalah pungutan. Adakah menjadi tanggungjawab ataupun menjadikan satu arahan kepada Kementerian masalah memberikan resit-resit yang telah diperbuat ataupun yang disediakan itu mesti diberikan kepada pembayar-pembayar tol.

Dato' S. Samu Vellu: Tuan Yang Dipertua, untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat, tol yang kita kutip di Lebuhraya Seremban/Kuala Lumpur itu bukanlah luar biasa daripada apa yang kita menyaksi di seluruh dunia.

Saya boleh juga mengumumkan sedikit bukan sahaja kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, kepada rakyat jelata di tanahair kita, mereka bernasib baik sebab Lembaga Lebuhraya Malaysia mengenakan 2.5 sen sahaja satu kilometer di tanah air kita tetapi di Jepun, Kerajaan Jepun mengenakan 18.5 sen satu kilometer, di Korea 5.4 sen satu kilometer, di New York 3.5 sen satu kilometer, di Illinois, iaitu di Amerika Syarikat 3.3 sen satu kilometer. Kita compare, Yang Berhormat, saya minta jikalau boleh saya minta penjelasan, bukan saya memberi penjelasan, saya minta Ahli-ahli Yang Berhormat berilah penjelasan kepada rakyat jelata kita yang bernasib baik mereka bayar murah daripada negara-negara lain.

Jawapan untuk soalan kedua, iaitu untuk mengadakan satu sistem yang mana peserta-peserta boleh juga bayar mengikut bulanan, itu tidak ada dalam cadangan kita.

Dan ketiga, saya suka juga memberitahu kepada Yang Berhormat, di dalam sistem kutipan tol yang kita ada, tol plaza itu semuanya computerised iaitu jikalau siapa yang tidak diberi resit tidak payah bayar tol, tetapi siapa yang tidak ambil kiranya siapa yang kutip wang itu tidak boleh ditipu sebabnya tiap-tiap kereta ada masuk dalam rekod komputer. Selepas mereka menghabiskan kerja mesti bayar mengikut rekod-rekod yang ditunjukkan dalam komputer. Kita tidak mahu kenakan satu syarat kepada semua kereta itu sebab mereka tidak mahu hilang masa dalam bayaran tol. Banyak di antara pengguna-pengguna jalan itu telah mengadakan kepada saya mereka kenakan. Apabila mereka kenakan 50 sen mereka ada masalah untuk menunggu untuk dapat balik 50 sen baki, sebab itu sahaja saya mahu menaikkan tol, tetapi dia marah, tidak payah, ambil balik 50 sen. (*Ketawa*) Itulah, Tuan Yang Dipertua.

TANAH MILIK MELAYU— PINDAH MILIK

3. Tuan Haji Shahrom bin Haji Maasom minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan sama ada beliau sedar bahawa ramai broker dari orang Melayu sendiri yang telah menjadikan banyak tanah milik orang Melayu telah terlepas ketangan orang asing; jika sedar nyatakan:

- (a) sama ada tindakan telah dan akan diambil untuk menyekat aktiviti broker-broker ini; dan
- (b) sama ada suatu undang-undang dapat digubal untuk menghukum broker-broker seperti ini.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato Rais Yatim): Tuan Yang Dipertua, saya sedar bahawa kegiatan seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat itu memang pernah berlaku tetapi jumlahnya tidaklah diketahui. Aktiviti yang menyebabkan keadaan sedemikian yang dilakukan oleh broker-broker Melayu sendiri, walaupun ada, sudah tentu ia dibuat dengan secara senyap-senyap. Kementerian sukar membenterasnya, kerana ia dilakukan dengan persetujuan pihak-pihak yang berkenaan, khususnya tuan punya tanah itu sendiri.

Mana-mana pihak yang mempunyai bukti bahawa aktiviti sedemikian ada dijalankan patutlah membuat laporan.

Bagi menjawab soalan kedua, sama ada satu undang-undang wajar digubal bagi mencegah kegiatan seperti yang ditelahkan oleh Yang Berhormat, itu bergantung kepada jenis-jenis kesalahan yang mereka lakukan di sisi Kanun Tanah Negara atau lain-lain undang-undang bertulis.

Tan Sri Dato Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Soalan tambahan, Tuan Yang Dipertua. Bilakah Kerajaan bercadang membawa kepada Dewan ini atau perubahan yang lain-lain supaya satu undang-undang boleh diwujudkan, atau kanun tanah-tanah negara kita ini dipinda supaya ada undang-undang tidak boleh diberi kepada orang rakyat asing, sama ada Tanah Rizab Melayu atau bukan Melayu. Bila masa agaknya boleh dizahirkan undang-undang itu?

Dato' Rais Yatim: Tuan Yang Dipertua, usaha menggubal beberapa peruntukan Kanun Tanah Negara yang baru sedang dilaksanakan oleh Kerajaan. Isu-isu yang berkaitan dengan perkara-perkara yang diterbitkan oleh Yang Berhormat itu ada mendapat perhatian Jawatankuasa Teknikal dan juga berbagai-bagai bidang yang lain. Sama ada syor seperti sedemikian dapat dibawa ke Dewan ini terpaksa dihalusi oleh pihak Kerajaan dari segi keutamaan dan kepentingan negara. Walau bagaimanapun, pindaan Kanun Tanah Negara yang agak menyeluruh diharap akan dapat dibentangkan ke Dewan yang mulia ini pada akhir tahun 1983 atau Penggal Pertama tahun 1984, bulan Februari atau Mac.

Dato Ismail bin Hashim: Soalan tambahan. Tuan Yang Dipertua. Soalan saya, memandangkan banyaknya tanah-tanah dan tanah kita ini kalau rakyat Malaysia tidak mengapa kerana dia rakyat Malaysia, ini orang asing. Oleh sebab Yang Berhormat Menteri mengatakan hendak buat undang-undang sehingga sampai hujung tahun 1983 ini, apakah cara hendak mempertahankan supaya tanah-tanah yang sekarang ini berleluasa, orang-orang asing, orang-orang bukan warganegara Malaysia sedang membeli tanah-tanah di dalam negara kita. Apakah pandangan Yang Berhormat dalam perkara ini?

Dato' Rais Yatim: Tuan Yang Dipertua, perkara yang dikemukakan oleh Yang Berhormat itu sesungguhnya berbentuk spekulasi terhadap tanah (land speculation) yang telah banyak dilaporkan menerusi media massa di negara kita dari masa ke semasa. Masalah yang sukar bagi Kerajaan menentukan ialah jumlah tanah atau keluasan tanah atau butir-butir tanah di mana-mana negeri yang tertakluk kepada spekulasi ataupun penglibatan jual beli antara pihak-pihak di luar negara kita dengan pihak-pihak di dalam negara kita. Apa yang biasa dijalankan oleh pihak-pihak tertentu ialah menggunakan system nominee ataupun sistem PA (Power of Attorney) yang sentiasa melibatkan pihak tempatan dengan pihak-pihak luar.

Kementerian dengan kerjasama Kerajaan-kerajaan Negeri ada membuat satu kajian untuk menentukan jumlah atau keluasan tanah-tanah yang terlibat sedemikian khususnya tanah-tanah perumahan di kawasan-kawasan tertentu di tanah air kita. Hasil kajian ini belum lagi diselesai. Saya suka menekankan bahawa manakala selesai kajian ini barulah Kerajaan dapat secara pasti menentukan langkah-langkah positif termasuk legislative bagi masa hadapan dan negara kita.

Dato' Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad: Tuan Yang Dipertua, saya ingin mendapat penjelasan lanjut daripada Yang Berhormat Menteri iaitu di negara kita ini ada 2 jenis tanah—satu tanah di dalam bandar dan satu di luar bandar. Maka ada negeri-negeri di dalam Malaysia ini yang mengawal tanah-tanah ini sama ada di dalam bandar ataupun di luar bandar dan kebanyakan negeri tidak ada kawalan langsung melainkan yang ada hanyalah Rezab Melayu sahaja. Dengan adanya Kanun Tanah Negara ini yang hendak diselaraskan di antara negeri-negeri di Malaysia ini, tidakkah

ada cadangan supaya perkara-perkara yang seumpama disebutkan dalam soalan ini dapat dibuat sebagai contoh, katakanlah di dalam negeri Terengganu tanah-tanah yang kurang daripada 10 ekar tidak dibenarkan pindah milik kepada orang yang bukan Melayu ataupun bukan bumiputera. Perkara ini ada terkandung di dalam Kanun Tanah Negara. Ini satu panduan yang bagus. Adakah pihak Kementerian membuat cadangan supaya diselaraskan di seluruh Malaysia supaya tanah-tanah di luar bandar yang kurang daripada 10 ekar tidak dibenarkan dipindah milik kepada orang yang bukan Melayu dan tanah-tanah di dalam bandar pula takkanlah boleh dibiarkan 100% dijual dengan tidak ada kawalan. Kalau tidak begitu, tentulah bandar-bandar baru yang akan didirikan itu akan merupakan bandar-bandar yang bukan Melayu. Tidakkah boleh dibuat sebagaimana di Kuala Lumpur ini iaitu diadakan satu kawasan seumpama Rezab Melayu di Kampung Baharu dikhaskan tidak boleh dijual kepada bangsa-bangsa lain. Ini boleh mengekalkan identiti orang Melayu di dalam bandar. Kalau tidak dibuat begitu penyelarasan yang seumpama ini di seluruh Malaysia maka Malaysia ini nama sahaja Malaysia, yang sebenarnya tak patut nama Malaysia lagi, patut dinamakan orang Asia—orang baiknya begitu. Jadi saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat ini, adakah cadangan yang seumpama ini sedang difikirkan untuk diselaraskan Kanun Tanah Negara itu di seluruh Malaysia tak terkecuali di mana negeri sekalipun.

Dato' Rais Yatim: Tuan Yang Dipertua, panjang juga soalan Ahli Yang Berhormat itu, termasuk hendak menukarkan nama negara. Perkara itu, saya fikir biarlah saya tidak jawab, cuma saya pusatkan jawapan ini kepada masalah Yang Berhormat nyatakan sebagai usaha penyelarasan

tentang transeksi tanah terutama 10 ekar ke bawah antara pihak-pihak Melayu dan bukan Melayu.

Ada dua bahagian kepada persoalan ini. Pertama, ialah sama ada kita boleh di sisi undang-undang menghalang transeksi tanah pegangan Melayu kepada bukan Melayu. Kedua, ialah transeksi tanah Rezab Melayu atau tanah Simpanan Melayu dan bukan Melayu. Yang pertama tadi tidak ada undang-undang yang menghalang transeksi atau pelupusan tanah daripada satu pihak kepada pihak yang lain sekiranya ia berupa Malay holding semata-mata, tetapi sekiranya tanah itu merupakan Tanah Simpanan Melayu, maka undang-undang di negeri masing-masing telah menghadkan bahawa pelupusan ataupun cagaran, lien dan lain-lain memang dihalang oleh undang-undang berkenaan.

Perkara yang menjadi masalah sebenarnya ialah kita tidak dapat menentukan cara penggunaan tanah itu dan bukan semata-mata peralihan hak milik geran. Setelah menentukan masalah ini maka Kementerian Kemajuan Tanah telah mewujudkan Jawatankuasa pengkajian pegangan tanah terutama tanah-tanah kepunyaan orang-orang Melayu dan juga Tanah Simpanan Melayu bagi menentukan nasihat yang perlu diberi kepada mereka. Kerajaan-kerajaan Negeri memang dihubungi menerusi Sekretariat Majlis Tanah Negara untuk menentukan dasar-dasar yang lebih nyata dan tegas terhadap pelupusan dan hal-hal yang melibatkan transeksi tanah yang lain.

SEKOLAH KEBANGSAAN KAMPUNG NANGKA— KELEWATAN PEMBINAAN

4. Dato' Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad minta Menteri Pelajaran menyatakan seba-sebab mengapa

projek pembinaan Sekolah-sekolah Kebangsaan di Negeri Terengganu terlalu lembab dan lambat seperti yang berlaku di Besut di mana projek pembinaan sekolah Kebangsaan Pengkalan Nangka yang diluluskan dalam tahun 1974 masih baharu sahaja dimulakan dengan cara gotong-royong orang kampung terpaksa mendirikan sebuah bangunan untuk tiga buah kelas untuk memenuhi kepentingan pelajaran anak-anak mereka.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Mohamed Khalil Yaakob): Tuan Yang Dipertua, projek pembinaan sekolah-sekolah di Negeri Terengganu yang lembab dan lambat seperti yang berlaku di Besut adalah disebabkan oleh kegagalan pemborong berkenaan untuk menyiapkannya mengikut jadual yang telah ditentukan dalam kontrak pembinaan bagi sekolah-sekolah yang ditawarkan. Sebenarnya sekolah yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat ialah Sekolah Kebangsaan Kampung Nangka dan bukan Sekolah Kebangsaan Pengkalan Nangka. Projek gantian yang mengandungi 6 bilik darjah sebenarnya diluluskan dalam tahun 1976 dan bukan dalam tahun 1974. Projek ini telah dimulakan pembinaan pada bulan Julai tahun 1978 dan kontrak ini telah dibatalkan kerana kegagalan pemborong menyiapkan pembinaan dalam tempoh kontrak asal dan tempoh lanjutan yang dibenarkan. Kemajuan pembinaan sehingga kontrak ini dibatalkan adalah 34%. Walau bagaimanapun tawaran semula telah pun dibuat pada 18-7-1983 dan dijangka kerja-kerja akan bermula tidak lama lagi.

Dalam usaha untuk menjaga kepentingan pelajaran murid-murid di sekolah ini, Jabatan Pelajaran Terengganu telah pun membina dan menyiapkan 6 bilik darjah sementara memandangkan kepada keuzuran bangunan yang sedia ada dan kelewatan pembinaan bangunan kekal yang telah diluluskan itu. Di samping

itu, pihak Persatuan Ibu-Bapa dan Guru sekolah juga telah memberikan kerjasama membina 3 bilik darjah secara gotong-royong dalam usaha untuk mengatasi masalah ini.

Tan Sri Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Soalan tambahan, Tuan Yang Dipertua. Soal lembab mendirikan bangunan sekolah ini bukan di Terengganu sahaja, Tuan Yang Dipertua. Saya hendak bertanya sekarang, bagaimanakah pandangan Kerajaan tentang adanya sekolah latihan di Tanjong Malim di kawasan Maktab Perguruan Sultan Idris (MPIS) sedangkan sekolah itu dalam kawasan MPIS. Jadi penuntut-penuntut di situ terasa rendah diri, sebab mereka menumpang kepada MPIS, tak ada padang, tak ada kemudahan dan sebagainya. Adakah Kerajaan bercadang hendak memindahkan sekolah itu ke tempat lain sedangkan tanahnya sudah ada, tetapi peruntukan Kerajaan sahaja tidak mencukupi. Adakah Kerajaan bercadang hendak memberi peruntukan dan membangunkan sekolah kebangsaan Tanjong Malim itu di tempat lain selain daripada di kawasan Maktab Perguruan Sultan Idris dengan sebab-sebab yang saya katakan tadi iaitu mendidik rakyat di tempat itu berasa rendah diri.

Dato' Mohamed Khalil Yaakob: Tuan Yang Dipertua, maksud asal soalan yang dikemukakan ialah sekolah-sekolah yang lembab di Terengganu. Walau bagaimanapun, saya faham Ahli Yang Berhormat ingin mengambil peluang dalam masalah pelajaran ini untuk bertanyakan apa telah terjadi kepada sekolah yang berada di dalam kawasan Maktab Perguruan Sultan Idris, Tanjong Malim (MPIS) kerana saya difahamkan Ahli Yang Berhormat baru juga balik meninjau di tempat itu.

Masalah ini telah dikemukakan oleh Pejabat Pelajaran Negeri Perak kepada kita dan oleh kerana saya pun

kebetulan berada juga bersama-sama dengan Ahli Yang Berhormat di situ dan sempat menengok keadaan sekolah ini yang berada di tengah-tengah sebuah maktab yang mana kanak-kanak kecil terpaksa bercampur dengan orang dewasa yang mengikuti kursus-kursus maktab, kita akan mempertimbangkan supaya kesudahannya sekolah ini dapat dipindahkan kepada satu kawasan lain dan dengan itu dapat memberi keselesaan kepada murid-murid seperti yang dibimbangkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi.

Dato Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad: Soalan tambahan, Tuan Yang Dipertua. Saya suka minta sedikit penjelasan lagi daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran, sebagaimana yang ditimbulkan tadi masalah kelambatan mendirikan sekolah-sekolah ataupun lembab, maka perkara ini adalah disabitkan dengan sebab kegagalan atau kelambatan pihak kontraktor yang mendirikan sekolah itu. Jadi perkara ini, Tuan Yang Dipertua, sudah berlaku selama negara kita belum merdeka lagi, sebelum daripada 25 tahun dahulu, masalah kerumitan pelajaran, tidakkah ada satu cadangan yang konkrit daripada Jabatan Pelajaran Negeri dengan arahan daripada Kementerian Pelajaran iaitu perkara pelajaran murid-murid ini mesti diutamakan daripada segala-galanya, tidak boleh dialaskan dengan sebab kegagalan kontraktor-kontraktor, maka sekolah itu terpaksa menerima nasib yang malang. Sepatutnya, kalau sekiranya kegagalan kontraktor-kontraktor mendirikan sekolah, maka diberi masa tempoh takkanlah sampai berpuluh-puluh tahun, dalam masa setahun ataupun selewat-lewatnya dua tahun, itupun panjang mesti dirampas balik kontrak daripada dia beri kepada orang yang lebih layak, tidak boleh kita meraikan kerana si anu-si anu, itu tidak boleh, kepentingan umum anak-anak kita

yang terbengkalai pelajarannya, itu hendaklah diutamakan. Jadi saya mahu tanya dasar Kementerian Pelajaran berkenaan mendirikan sekolah ini kerana di negeri Terengganu, Tuan Yang Dipertua, bukan sebuah sekolah, sekolah-sekolah yang di luar bandar lebih-lebih lagi di hulu-hulu sungai menjadi perkara biasa 7, 8 atau 10 tahun terbengkalai. Jadi apa hal kemudian terpaksa pihak-pihak ibubapa yang ada mempunyai kecenderongan ataupun yang mempunyai semangat bergotong-royong mendirikan bangunan-bangunan sementara untuk anak-anak mereka belajar, maka perkara macam ini saya fikir tidak boleh jadi, mesti ada dasar yang tetap dengan tidak mengira kontraktor yang mana tetapi bangunan sekolah itu mesti disiapkan mengikut jangkaannya apakala telah dipersetujukan. Terima kasih.

Dato' Mohamed Khalil Yaakob: Tuan Yang Dipertua, sebahagian daripada apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi merupakan pandangan yang saya hormat dan akan diambil perhatian. Ahli Yang Berhormat juga menyentuh tentang kelewatan sekolah-sekolah sehingga sampai 10 tahun kepada 20 tahun, jika ini benar Kementerian saya akan menyiasat kenapa sampai begitu lama berlakunya di Terengganu kerana puratanya kita tidak mengalami kelewatan sehingga begitu lama.

Saya juga ingin menyakinkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa nisbah peratus sekolah-sekolah yang tergendala jika dibandingkan dengan sekolah-sekolah yang kita boleh siap mengikut jadualnya adalah begitu rendah sekali dan tidak membimbangkan.

Saya ingin juga menegaskan di sini dari segi dasarnya Kementerian Pelajaran memang kita memberi keutamaan kepada kepentingan pelajaran dan pembelajaran anak-anak

kita, itulah sebab seperti yang dibayang di dalam jawapan saya tadi pun apabila terdapat faedah kegendalaan seperti saya sebutkan tadi, Kerajaan terpaksa mendirikan kelas-kelas sementara, program ini kita sedang lakukan dan sentiasa kita mengambil perhatian.

Dato' Haji Mohd. Nor Mohamad: Soalan tambahan, Tuan Yang Dipertua. Saya memanjangkan persoalan daripada saudara saya tadi yang pada pendapat saya tidak dijawab dengan tepatnya. Soalan ini seperti dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri adalah penawaran untuk sekolah kebangsaan Kampung Nangka ini dibuat pada tahun 1978. Sepanjang manakah kontrak itu diberi, sama ada dua tahun atau tiga tahun untuk disiapkan—tidak dijawab. Kemudian tawaran yang keduanya dibagi pada tahun 1983, 5 tahun kemudian selepas penawaran pertama dibuat. Adakah tempoh masa 5 tahun itu, iaitu daripada 1978 hingga 1983, tawaran yang kedua itu dibuat, kerana kekurangan kecekapan Kementerian Pelajaran? Terima kasih.

Dato' Mohamed Khalil Yaakob: Tuan Yang Dipertua, terima kasih kepada soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi. Dari segi kelewatan ini, kalau saya hendak terangkan semua memang banyak sebab selain daripada masalah kontrak, kita terpaksa menghadapi masalah yang berkaitan dengan pengambilan tanah dan sebagainya, tetapi di dalam hal kontrak yang disebutkan ini bagi kita menentukan, menyelesaikan masalah-masalah pemborong khasnya masalah pemborong daripada kaum bumiputera banyak ditimbang juga dan kebijaksanaan yang perlu kita fikirkan, kerana kalau umpamanya projek ini jauh seperti yang berlaku dalam hal ini, kita memang tahu pemborong menghadapi masalah modal, masalah

mendapatkan barang-barang bekalan dan sebagainya, jadi dengan itu pertimbangan ini dibuat.

Saya ingin juga menyatakan kalau sekiranya kita tidak membuat pertimbangan seperti ini rayuan-rayuan bertalu-talu datang kepada kita supaya kita dapat juga mengekalkan kontraktor yang lama dan sebagainya. Jadi dalam rangka kita mengambil semua unsur-unsur yang mempengaruhi keadaan, kita membina suatu sekolah yang mengalami masalah ini, maka sudah tentulah memakan sedikit masa.

KAPAL SELAM ASING DI PELABUHAN KELANG

5. **Tuan Kee Yong Wee** minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada tindakan lanjut telah diambil berikutan dengan munculnya sebuah kapal selam negara asing di perairan Malaysia iaitu dekat Port Kelang, baru-baru ini dan sama ada Kerajaan telah membuat bantahan kepada negara berkenaan.

30. **10-8-83 Tuan Haji Ibrahim Abdullah** minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada benar bahawa kapal pengangkut terbesar Angkatan Laut Russia, Minsk, dilaporkan berada di perairan Selat Melaka, jika benar nyatakan:

(a) implikasi kehadiran kapal itu di rantau ini dan tindakan yang boleh diambil oleh Malaysia mengenainya; dan

(b) tindakan yang telah diambil oleh Ketumbukan ketujuh Angkatan Laut Amerika Syarikat.

54. **10-8-83 Dato' Yap Peng** minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa baru-baru ini timbul perkara kapal

selam dekat dengan Pelabuhan Kelang dan jika sedar nyatakan negara manakah yang terlibat dan tindakan yang beliau telah dan akan ambil untuk menjaga keselamatan negara ini.

Timbalan Menteri Pertahanan (Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha): Tuan Yang Dipertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bersama dengan soalan-soalan dari Yang Berhormat Dato Yap Peng dan Yang Berhormat Tuan Haji Ibrahim Abdullah pada 10-8-83 kerana ketiga-tiga soalan ini adalah atas perkara yang sama. Kementerian saya sedar tentang kemunculan kapal selam berhampiran dengan Pelabuhan Kelang baru-baru ini. Tindakan telah pun diambil dengan menghantar kapal Tentera Laut Diraja Malaysia untuk menjejak kapal tersebut. Kemunculan kapal selam dan kapal perang melintasi Selat Melaka memang sentiasa mendapat perhatian oleh pihak Kementerian saya. Namun demikian sebagai sebuah Perairan Antarabangsa yang sentiasa sibuk dengan lalulintas perkapalan yang terdiri dari kapal-kapal perang dan dagang antarabangsa mereka berhak menggunakan perairan tersebut untuk pelayaran aman, dengan izin, right of innocent passage. Oleh itu kita tidak berhak untuk menyekat lintasan kapal-kapal negara asing di dalam pelayaran tersebut. Walau bagaimanapun rancangan-rancangan untuk mengesan dan memerhatikan tindak tanduk setiap kapal yang melalui perairan kita sentiasa dilakukan oleh pihak Kementerian saya.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pihak Malaysia tidak ada kaitan dengan sebarang tindakan yang diambil oleh ketumbukan ketujuh Angkatan Laut Amerika Syarikat dengan izin, American Seventh Fleet terhadap kemunculan kapal-kapal asing di kawasan ini.

Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah: Soalan tambahan, Tuan Yang Dipertua. Bersabit dengan kemunculan sebuah kapal selam ini, saya suka menarik pandangan seorang Menteri Thailand telah menyatakan satu cabaran yang paling hebat seluruh Asia khususnya dalam ASEAN iaitu katanya angkatan musuh khususnya Komunis Russia telah membawa senjata berhampiran dengan negara ASEAN sendiri. Ada kaitannya, kemudian dengan munculnya kapal selam, munculnya subversif dalam negara kita ini, saya rasa ini satu malapetaka yang besar, yang harus diingat oleh bapa-bapa Menteri yang menjaga keamanan negara kita ini supaya mengambil langkah yang sesuai, apa lagi seluruh negara ASEAN. Saya rasa ASEAN tidak boleh melepaskan soalan ini dengan ringan, bahkan kaitan yang bangkit-membangkit, bukan musuh luar, yang berdekatan dengan ASEAN juga pada masa sekarang rasa saya siapa pun mengatakan ini bukan perkara ringan, ini perkara besar sekali yang harus bila-bila masa sahaja meletus peperangan dan kita menjadi satu penjajahan kembali di negara kita. Sebab itu, Tuan Yang Dipertua, saya suka bertanya kepada Menteri Pertahanan dan Menteri Luar sekali, kalau boleh, dan saya harap Menteri janganlah jawab "itu soalan lain". Saya berterima kasih ada Menteri yang baru, Menteri Pelajaran menjawab soalan lain. Menteri adalah watak yang besar, apa sahaja yang disoal, jawab—apa takut! (*Ketawa*).

Tuan Yang Dipertua, saya harap Menteri Pertahanan jangan kata itu soalan lain. Jadi saya memajukan supaya Malaysia dalam ASEAN membawa perkara ini dengan secara serius supaya negeri ASEAN sungguh-sungguh dalam ertikata yang sebenar mempertahankan. Pada pandangan saya kalau perlu pertahanan seluruh ASEAN haruslah disatukan. Janganlah sembunyi tangan, lari.

Dunia yang pura-pura dalam Abad yang kedua puluh ini sudah tidak ada lagi, tidak ada lagi termaktub dalam perjuangan yang nyata. Sebab itu kita jangan takut. Pada pendapat saya seluruh ASEAN harus bersatu betul menubuhkan satu kekuatan pertahanan, mati sama mati, hidup sama hidup, baru ada erti. Ini saya tengok apabila dikatakan pertahanan, kita serampang dua mata, tidak sebut pertahanan. Senjata dalam dunia pada masa ini bukan senjata lama, kalau perlu nuklear kita ambil untuk senjata Malaysia. Apa guna petroleum ada, Malaysia kaya, takut taruh nuklear, senjata yang moden untuk pertahanan negara. Menteri yang takut macam itu saya ingat tidak boleh jadi Menteri (*Ketawa*), hancur bangsa kita, negara kita. Menteri mesti berani dan dedikasi macam Perdana Menteri kita. Kalau orang putih buat, orang putih yang hentam; Amerika buat, Russia buat hentam terus terang, apa jadi pun katanya kita mempertahankan yang hak, negeri kita biar ketitisan darah yang penghabisan kita tahan.

Jadi, saya ingat saya telah bercakap panjang dalam hal ini (*Ketawa*). Tuan Yang Dipertua. Soalannya, bolehkah Menteri Pertahanan memanggil seluruh Menteri Pertahanan ASEAN, buat satu kenyataan yang khusus yang boleh dipraktikkan benar-benar mempertahankan ASEAN seluruhnya, khususnya negeri kita sendiri. Itu soalan yang pertama (*Ketawa*).

Yang kedua, bolehkah Menteri Pertahanan ataupun melalui Menteri Luar kita bawa kepada Bangsa-bangsa Bersatu. Saya balik kepada Bangsa-bangsa Bersatu, apa kacau di luar, apa buat kapal perang muncul di perairan orang. Kalau kita pergi kacau negerinya apa macam. Tanyalah sedikit Menteri Luar, apa biarkan sahaja sebab Bangsa-bangsa Bersatu kononnya hendak melindungi hak asasi manusia. Negara masing-masing

bebas, negeri orang hantar askar, hantar lagi kapal perang, hantar senjata. Ini Bangsa-bangsa Bersatu, kalau diam mesti ada lojik mempertahankan bangsa-bangsa di dalam dunia ini. Dengan sebab itu, saya seru Menteri Luar kita berani, walaupun kita kecil tetapi cabai kecil belum tahu pedas, cabai besar pun tidak guna. Jadi, Tuan Yang Dipertua, maaflah kerana panjang sedikit.

Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Bolehkah Yang Berhormat menjelaskan soalnya berkenaan dengan ASEANkah atau Asia?

Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah: ASEAN.

Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Tuan Yang Dipertua, saya tidak akan mengatakan soalan itu terkeluar daripada soalan asal tetapi sebetulnya memang soalan itu terkeluar daripada soalan asal (*Ketawa*). Tetapi, Tuan Yang Dipertua, oleh kerana Selat Melaka ialah satu perairan antarabangsa, kita tidak dapat menyekat seperti disebutkan di dalam jawapan asal saya, saya tidak dapat menyekat kapal-kapal perang ataupun kapal dagang antarabangsa menggunakan perairan di Selat Melaka itu.

Berkenaan dengan pandangan Yang Berhormat bahawa pertahanan negara-negara ASEAN itu patut disatukan, ini terlibat dari segi dasar ASEAN atau konsep ASEAN iaitu satu kumpulan untuk bidang berkaitan dengan ekonomi dan kebudayaan bukan dengan pertahanan seperti NATO dan SEATO 20 tahun yang lampau. Jadi oleh kerana konsep ASEAN ini tidak ada membuat satu perjanjian berkenaan dengan pertahanan negara-negara ASEAN, jadi itu di luar daripada bidang kuasa Kementerian saya untuk berhubung, untuk membuat satu pakatan

pertahanan dengan negara-negara Singapura, Indonesia, Thailand dan Filipina. Walaupun demikian, kita mempunyai perjanjian dua-hala dengan negara Thailand, Indonesia dan Singapura. Dengan Singapura kita bersama-sama dalam pakatan, dengan izin, Five-Power Defence Arrangement di mana anggota-anggota tentera kita; laut, udara dan darat mempunyai latihan bersama di Australia, New Zealand dan juga untuk tentera laut, di Laut China Selatan. Jadi walaupun hasrat Yang Berhormat itu elok dan baik supaya pertahanan ASEAN, 5 buah negara ASEAN ini kuat, saya fikirkan pada hemat saya tiap-tiap sebuah negara ASEAN boleh berdiri atas kakinya sendiri dalam segi pertahanan dan dengan adanya latihan dua-hala di antara negara-negara ASEAN sesama sendiri yang saya sebutkan tadi, insya Allah, kita dapat mempertahankan negara kita daripada ancaman musuh baik dari dalam negeri ataupun dari luar negeri.

Tan Sri Dato Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Adakah Kerajaan menimbangkan supaya perkara ini dibawa ke dalam persidangan negara-negara Singapura, Indonesia dan Malaysia menuntut kepada dunia supaya Selat Melaka itu dijadikan Selat yang berkecuali daripada digunakan oleh sebarang angkatan tentera atau kapal perang. Sebab Tuan Yang Dipertua lebih maklum daripada Melaka ke Dumai cuma 18 batu, 4 jam naik motorbot dan dengan munculnya kapal selam di Port Klang ini sudah menjadi satu kehinaan. Kita tidak upaya hendak melanggar Russia atau lain-lain Kerajaan dunia, jadi bolehkah Kerajaan mencadangkan membawa perkara ini kepada 3 negeri yang menggunakan atau yang mempunyai Selat Melaka itu supaya ianya dijadikan satu kawasan laut yang berkecuali daripada digunakan oleh angkatan tentera.

Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Tuan Yang Dipertua, oleh kerana soalan Yang Berhormat itu menyentuh berkenaan, dengan izin, Law of the Sea, ini kita tidak dapat mengambil tindakan kita sendiri sahaja, ini terpaksa kita berbincang dengan negara-negara bukan sahaja negara jiran bahkan seluruh dunia berkenaan dengan Undang-undang Perairan ini. Jadi, saya mengambil perhatian atas pandangan Yang Berhormat itu.

Tuan Abdul Razak bin Haji Abu Samah: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya sedikit sahaja kepada Timbalan Menteri yang berkenaan. Di sini persoalannya, munculnya sebuah kapal selam negara asing di perairan Malaysia iaitu dekat Port Kelang. Di sini saya ingin bertanya kapal dari negeri manakah yang muncul itu?

Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Pada 20hb November, 1982 iaitu kapal dari Soviet Russia dari lautan Hindi. Pada 17hb Januari, 1983 kapal dari Russia juga pergi ke Lautan Cina Selatan.

PENJARA—BANDUAN LARI

6. Tuan Haji Latip bin Haji Dris minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bilangan kes banduan yang dapat lari dari penjara pada tahun 1980 sehingga pertengahan 1983 dan sama ada banduan-banduan ini dapat melepaskan diri oleh sebab kawalan kurang rapi atau bangunan penjara yang sudah lapuk.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad): Tuan Yang Dipertua, bilangan banduan yang telah dapat

melarikan diri dari penjara pada tahun 1980 sehingga pertengahan tahun 1983 adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Bilangan</i>
1980	15
1981	18
1982	19
1983 sehingga 31-7-1983	11

Di antara faktor yang menyebabkan berlakunya banduan melepaskan diri ialah keadaan bilik kurungan yang agak tua, tipu helah dan kezaman orang tahanan yang terlibat itu sendiri dan juga kecuaihan segelintir pengawal bertugas yang sedang bertugas ketika kejadian itu berlaku.

Untuk makluman Yang Berhormat, prestasi pengawal-pengawal dan mutu kawasan ke atas banduan sentiasa dipertingkatkan.

Tuan Haji Fadzil bin Ahmad: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Mengikut penerangan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi nampaknya tiap-tiap tahun malahan tahun 1983 hingga bulan Julai sahaja sudah meningkat 11 orang. Bolehkah Yang Berhormat beri tahu dalam Dewan yang mulia ini banduan-banduan yang lari ini berapa banyak yang telah kita dapat tangkap mereka ini dan berapa banyak yang menghilangkan diri langsung tidak dapat dikesan sehingga sekarang?

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang Dipertua, jumlah banduan yang melarikan diri sejak tahun 1980 sehingga Julai 1983 ialah 63 orang. Daripada jumlah itu 51 dapat ditangkap semula. Yang belum ditangkap berjumlah hanya 12 orang.

Tuan Yang Dipertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, waktu telah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan jawapan bagi Pertanyaan No. 7 hingga 50 adalah diberi di bawah ini).

PEMAJU PERUMAHAN—TINDAKAN

7. Tuan Ibrahim bin Salleh minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan iaitu sejak tertubuhnya 'Unit Khas Kawal Projek Perumahan' apakah tindakan yang telah diambil kepada pemaju-pemaju perumahan yang gagal menyiapkan projeknya mengikut Surat Perjanjian.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato Dr Neo Yee Pan): Kementerian belum mengambil apa-apa tindakan terhadap pemaju-pemaju perumahan yang gagal menyiapkan projek-projek perumahan mereka sehingga ini. Kementerian buat masa ini mengambil daya utama dalam membantu untuk menyiapkan projek-projek yang terbengkalai supaya para pembeli tidak teraniaya. Setelah tindakan ini selesai Kementerian akan mengambil tindakan yang sewajar dari segi undang-undang kepada pemaju-pemaju yang terlibat.

Selain dari itu para pembeli juga boleh mengambil tindakan secara kolektif untuk mengambil tindakan sivil terhadap pemaju yang berkenaan.

ASEAN—ANGGOTA

8. Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada benar bahawa Burma, Sri Lanka, Brunei dan lain-lain negara kecil di dalam kawasan Pacific minat menjadi anggota ASEAN, jika benar nyatakan langkah tegas yang telah dan akan diambil mengenai penyertaan negara-negara berkenaan dalam ASEAN.

Menteri Luar Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Tidak semua negara yang dinyatakan oleh

Ahli Yang Berhormat itu telah menunjukkan minatnya untuk menjadi anggota ASEAN. Setakat ini cuma Sri Lanka, Brunei dan Papua New Guinea telah menunjukkan hasrat mereka menganggotai ASEAN.

Berhubung dengan permohonan Sri Lanka, Brunei dan Papua New Guinea Malaysia bersama-sama negara ASEAN yang lain telah memikir panjang perkara ini oleh sebab ianya menimbulkan beberapa masalah yang rumit terutama sekali oleh sebab Sri Lankauduknya di luar kawasan rantau Asia Tenggara. Oleh itu ASEAN akan berunding lagi dengan negara itu supaya persoalan ini dapat diselesaikan tanpa perselisihan faham.

Mesyuarat Menteri-menteri Luar ASEAN Ke-16 itu juga telah menimbang hasrat Kerajaan Brunei memasuki ASEAN—iaitu selepas negara tersebut mencapai kemerdekaannya pada bulan Januari 1984 nanti. Hasrat Kerajaan Brunei memasuki ASEAN telah disambut baik oleh ASEAN. Sebagai langkah pertama, Kerajaan Brunei diminta supaya mengemukakan permohonan memasuki ASEAN secara rasmi kepada ASEAN. ASEAN juga telah bersetuju bahawa permohonan Brunei memasuki ASEAN akan dibincangkan sebagai perkara yang utama di peringkat Mesyuarat Pegawai-pegawai Kanan ASEAN (SOM) sebelum ianya diputuskan oleh Mesyuarat Khas Menteri-menteri Luar di Jakarta pada awal tahun 1984.

Manakala Papua New Guinea masih belum bersedia untuk menjadi anggota ASEAN sepenuhnya. Buat masa ini negara tersebut masih kekal sebagai pemerhati bertaraf istimewa.

Mengenai soal Burma dan negara-negara kecil di Kawasan Pasifik yang berminat menjadi anggota ASEAN, sukalah saya memberitahu ahli Yang Berhormat bahawa buat masa ini,

ASEAN belumlah lagi menerima apa-apa permohonan yang membuktikan keinginan mereka untuk memasuki ASEAN.

PENTADBIRAN "BERSIH, CEKAP DAN AMANAH"

9. Tuan Abdul Razak bin Haji Abu Samah minta Perdana Menteri menyatakan apakah langkah-langkah agar Slogan "Bersih, Cekap dan Amanah" betul-betul dapat dijalankan oleh pegawai-pegawai dan kakitangan dan juga orang Awam, agar penyelewengan-penyelewengan tidak berlaku.

Datuk Dr James Peter Ongkili: Matlamat mewujudkan pentadbiran "Bersih, Cekap dan Amanah" tidak dapat dicapai dalam masa yang singkat atau setahun dua sahaja. Pelaksanaannya haruslah dijalankan terus-menerus dan kemajuan yang dicapai dinilai dari masa ke semasa untuk memperkuatkan lagi jentera pelaksanaan dasar itu.

Dalam soal melaksanakan falsafah "Bersih, Cekap dan Amanah" Kerajaan telah mengatur dan mengambil berbagai-bagai tindakan untuk mencapai matlamat itu seperti yang sudah diterangkan beberapa kali dalam Dewan yang mulia ini. Antara langkah-langkah itu termasuklah:

- (a) peraturan-peraturan yang menghendaki semua pegawai-pegawai awam peringkat tinggi mengisytiharkan harta mereka;
- (b) menghendaki semua kakitangan Kerajaan datang ke pejabat mengikut waktu dan balik lebih lewat dari waktu sepatutnya sebagai tanda pengorbanan bagi kepentingan masyarakat dan negara;
- (c) menggunakan Etika Kerja yang berfalsafah kerja mengikut negara-negara timur yang sudah

maju untuk mempertingkatkan lagi Daya Pengeluaran Kerja;

- (d) memperkemas dan melicinkan lagi prosedur-prosedur pentadbiran supaya dapat memberikan khidmat yang lebih baik kepada masyarakat;
- (e) menjalankan Kepimpinan Melalui Tauladan, dan mengadakan Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja.

Semua langkah itu sudah mula memberikan kesan dan saya berpuas hati dengan kemajuan-kemajuan yang dicapai. Pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan tidak lagi begitu mudah untuk melakukan penyelewengan, perbuatan datang lewat ke pejabat sudah berkurangan benar, semangat bekerja dengan tekun dan dedikasi semakin meningkat dan prosedur sedang diperbaiki dan dilengkapkan, penghasilan kerja kian bertambah dan pegawai-pegawai serta kakitangan Kerajaan sudah menjalankan tugas lebih dedikasi serta bertanggungjawab.

Selaras dengan pertukaran nama Biro Siasatan Negara (BSN) kepada Badan Pencegah Rasuah (BPR), Badan ini telah mengambil beberapa langkah tertentu supaya tindakannya lebih berkesan dan mencerminkan tugasnya yang sebenar dengan memberi perhatian sepenuhnya terhadap kerja-kerja membenters amalan rasuah. Segala tenaga, usaha dan masa telah dipertingkatkan dengan menghadapkan mereka yang terlibat dengan rasuah ke muka pengadilan yang menyingkirkan mana-mana ahli pentadbiran yang mengamalkan rasuah. Langkah dan peningkatan prestasi BPR telah menyebabkan orang ramai serta pegawai-pegawai Kerajaan mulai takut dan cuba mengelakkan diri dari melakukannya. Bertambahnya maklumat-maklumat yang diterima oleh BPR dan

pertambahan angka-angka dalam penyiasatan dan tangkapan terhadap pihak-pihak yang mengamalkan rasuah adalah membuktikan konsep "Bersih, Cekap dan Amanah" telah mendapat kepercayaan rakyat.

PELABUHAN MELAKA/JETI TANJUNG KUNG—AMBIL ALIH

10. Tuan Loh Kee Peng minta Menteri Pengangkutan menyatakan bilakah Lembaga Pelabuhan Kelang akan mengambil alih kuasa dari Lembaga Pelabuhan Melaka dan Jeti Tanjung Kling dan apakah rancangan jangka panjang yang akan dilaksanakan oleh Lembaga Pelabuhan Kelang bagi meningkatkan mutu perkhidmatan pelabuhan dan Jeti tersebut.

Menteri Pengangkutan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Lembaga Pelabuhan Kelang telah mengambil alih pentadbiran Jeti Tanjung Bruas dan Pelabuhan Melaka Lama pada 15hb Julai, 1983. Pengambilan alih ini adalah oleh kerana pelabuhan-pelabuhan di Melaka dapat ditadbirkan dengan cekap dan teratur dengan menggunakan pengalaman pentadbiran Pelabuhan Kelang.

Bagi meningkatkan mutu perkhidmatan pelabuhan itu pihak Pelabuhan Kelang akan melesenkan beberapa perkhidmatan operasi seperti pengendalian gudang-gudang, pembekalan tenaga buruh, perkhidmatan tongkang, kawalan keselamatan kapal dan kargo kepada pihak swasta. Pihak Pelabuhan Kelang akan hanya mengendalikan operasi di dermaga termasuk perkhidmatan permaliman, kapal tunda, ikat mengikat tali, kebersihan, kerja-kerja korek mengorek perairan serta kerja-kerja pembaikan bangunan dan dermaga.

Lembaga Pelabuhan Kelang juga telah menubuhkan satu pasukan petugas di Melaka untuk mengawasi dan mengemaskan pentadbiran

pelabuhan. Di samping itu kajian lanjut sedang diadakan bagi mengkaji rancangan jangka panjang pelabuhan tersebut.

PERSYARIKATAN MALAYSIA— PERLAKSANAAN KONSEP

11. Tuan Tan Chang Soong minta Perdana Menteri menyatakan sama ada satu program telah direka supaya menanamkan konsep "Persyarikatan Malaysia" antara kakitangan awam dan juga bidang swasta. Jika ya, bagaimana Kerajaan bercadang meninggikan konsep ini supaya menjaminkan kejayaannya.

Datuk Dr James Peter Ongkili: Perlaksanaan konsep "Persyarikatan Malaysia" ini sedang berjalan sekarang dan ianya melibatkan penyertaan agensi-agensi Kerajaan juga pihak swasta. Program-program yang lebih khusus untuk menanamkan konsep ini di kalangan kakitangan awam dan pihak swasta juga sedang dikaji dan dirancang oleh Kerajaan. Bagi tujuan ini, Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) telah diberi tugas untuk mencari jalan dan mengadakan dailog-dailog secara yang berterusan untuk faedah kedua-dua pihak. Di samping itu, pihak swasta sendiri telah mengambil beberapa tindakan merapatkan lagi perhubungan mereka dengan agensi-agensi Kerajaan di bawah konsep ini.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini menegaskan bahawa semua pihak tidak harus menunggu satu-satu program yang tertentu bagi melaksanakan konsep 'Persyarikatan Malaysia'.

Antara kedua pihak ini sebenarnya telah pun wujud satu bentuk kerjasama sebelum adanya konsep ini. Apa yang diharapkan ialah melalui konsep ini kedua-dua pihak akan bertindak secara yang terselaraskan dan lebih positif lagi

bagi mencapai kejayaan dalam pengurusan sumber-sumber negara kita dengan lebih berkesan lagi.

QURAN CETAKAN YAHUDI— EDARAN

12. Puan Hasanah binti Mohd. Kassim minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada Quran ciptaan Yahudi ada di jual di Negara-negara Islam termasuk Malaysia dan apakah tindakan Kerajaan dalam perkara ini.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Setakat ini, belum ada sebuah Al-Quran cetakan Yahudi yang terdapat di negara kita. Namun demikian kerajaan sentiasa mengambil langkah-langkah untuk mengesan dan mencegah kemasukan serta penyebaran kitab Al-Quran cetakan Yahudi supaya ianya tidak tersebar di kalangan umat Islam di negara ini.

Sekiranya kitab Al-Quran cetakan Yahudi itu dibawa masuk atau disebar di kalangan umat Islam negara ini, Kerajaan akan mengambil tindakan mengikut undang-undang yang ada bagi mengharamkan kemasukan, pengedaran, penjualan atau pemilikannya.

KESALAHAN LALULINTAS

13. Dato' Wong Seng Chow minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada kesalahan-kesalahan lalulintas sejauh ini untuk sistem markah kesalahan (demerit point system) telah pun dilengkapkan. Jika tidak, sama ada Kementeriaannya akan mengadakan suatu buku bimbing yang memberikan semua butir-butir mengenai kesalahan-kesalahan lalulintas untuk kemudahan rujukan semua pengguna-pengguna kenderaan.

Menteri Pengangkutan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Saya sukalah memaklumkan bahawa kesalahan-kesalahan lalulintas untuk sistem

markah kesalahan (atau 'demerit point system') sedang diperkemaskan dan dilengkapkan. Pihak Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) sudah pun mengenalpasti sebanyak 21 jenis kesalahan-kesalahan berkaitan dengan cara pemanduan di jalan raya yang ditetapkan untuk dijadikan sebagai kesalahan-kesalahan yang akan terhukum di bawah sistem Keselamatan Jalan Raya (KEJARA) atau "demerit point system" itu.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, sekarang ini Kementerian saya, khususnya pihak JPJ sedang memberi peluang kepada orang ramai untuk mengutarakan pandangan dan ulasan-ulasan sebelum sistem ini dilengkapkan dan seterusnya dilaksanakan dengan secepat yang mungkin.

Pihak Kementerian saya dan JPJ juga sedang menyusun dan menyediakan satu buku bimbingan yang memberikan semua butir-butir mengenai sistem KEJARA ini, terutamanya berkaitan dengan kesalahan-kesalahan lalulintas yang termasuk dalam sistem ini. Buku bimbingan ini akan disebar dengan seluas-luasnya untuk kemudahan rujukan semua pemandu dan pengguna kenderaan.

TARIKH AWAL BULAN PUASA

14. Tuan Basharon bin Hanafiah minta Perdana Menteri menyatakan apakah pandangan Kerajaan terhadap keputusan yang dibuat oleh Negeri Johor dan Perak dengan menetapkan tarikh memulakan puasa pada tahun ini bersendirian dengan membelakangkan keputusan yang telah dibuat di dalam mesyuarat Majlis Raja-Raja, yang juga dipersetujui oleh kedua-dua Negeri yang tersebut dan adakah Kerajaan bercadang supaya kejadian-kejadian seperti itu dibiarkan begitu saja tanpa memikir sesuatu yang boleh mengatasinya.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi): Hak menentukan tarikh-tarikh mula Berpuasa dan Haji Raya Puasa adalah hak Raja bagi Negeri masing-masing. Merujuk keputusan bagi menentukan kedua-dua tarikh tersebut kepada Majlis Raja-Raja adalah bertujuan untuk mendapat penyelarasan seluruh negara bagi tujuan tersebut. Walaupun begitu hak memutuskan kedua-dua tarikh bagi Negeri-negeri masih merupakan hak Raja yang menjadi Ketua Agama bagi sesebuah Negeri.

Dalam keadaan ini sistem penyelarasan penentuan tarikh-tarikh tersebut secara merujuk kepada Majlis Raja-Raja adalah yang terbaik yang boleh diadakan.

“Anak bulan Ramadhan dan Syawal, kiranya tidak kelihatan kerana terlindung oleh keadaan cuaca, pada halnya mengikut kiraan Ahli-ahli Falak, anak bulan itu tetap *ada dan boleh nampak*, maka kiraan Ahli-ahli Falak boleh digunakan”.

Persidangan Negara-negara Islam Sedunia di Istanbul Turkey, pada bulan November 1978 telah membuat keputusan bahawa Anak Bulan boleh dithabitkan ada dan boleh dirukyah apabila:

- (a) Hilal berada setinggi tidak kurang dari $5\frac{1}{2}$ darjah dari ufuk Maghrib pada ketika Ghurub matahari hari rukyah;
- (b) Hilal berada jauh dari jisim matahari pada ketika Ghurub matahari tidak kurang dari $7\frac{1}{2}$ darjah; dan
- (c) masa berlaku Ijtimak, iaitu masa lahir Hilal, hendaklah berlaku tidak kurang dari 8 jam sebelum waktu Ghurub matahari.

Jawatankuasa Menetap Awal Puasa dan Hari Raya Puasa yang dilantik oleh Majlis Raja-Raja bersetuju menerima ketetapan yang tersebut.

EKSPORT BARANGAN UTAMA MALAYSIA

15. Tuan K. Kumaran minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan tindakan yang diambil oleh Kementerian untuk menambahkan eksport barangan utama Malaysia untuk mempercepatkan lagi proses pertumbuhan ekonomi negara dan mengawal kemelesetan ekonomi negara ini sejak awal tahun ini.

Menteri Perusahaan Utama (Dato' Paul Leong Khee Seong): Kerajaan sentiasa berusaha untuk menambahkan eksport barangan utama Malaysia bagi mempercepatkan lagi proses pertumbuhan ekonomi negara. Untuk mencapai tujuan ini Kerajaan telah dan akan menghantar beberapa misi perdagangan ke pasaran-pasaran yang sedia ada bagi memperkukuhkan lagi kedudukan barangan utama Malaysia dan juga mencari pasaran-pasaran baru. Hasil daripada usaha-usaha ini barangan utama Malaysia terutamanya kelapa sawit telah dapat meneroka ke pasaran-pasaran baru yang mempunyai potensi yang menggalakkan seperti Nigeria, Mesir, Jordan dan Turkey.

Kerajaan juga telah menubuhkan pejabat-pejabat Perkhidmatan Nasihat Teknikal (TAS) di beberapa negara untuk memberi nasihat teknikal mengenai penggunaan barangan utama Malaysia kepada pengilang-pengilang dan pengguna-pengguna di negara-negara tersebut. Di antara negara-negara yang mempunyai pejabat TAS ialah Italy, Perancis, Sepanyol, Austria, Australia, India, Japan, Amerika Syarikat dan United Kingdom.

Bagi meningkatkan lagi kemasukan barangan utama Malaysia ke pasaran-pasaran yang mempunyai rintangan-rintangan perdagangan, Kerajaan akan terus berusaha untuk mengurangkan rintangan tarif dan bukan tarif yang

dikenakan oleh negara-negara pengimport melalui perbincangan dan rundingan.

Kerajaan juga sentiasa berusaha meninggikan lagi eksport barangan utama Malaysia dari segi kualiti dan nilai. Dalam hal ini barangan utama Malaysia lebih digalakkan dieksport dalam bentuk separuh diproses dan juga sudah siap supaya nilai-tokok (value added) bertambah. Hasil dari dasar ini Malaysia pada tahun 1982 telah mengeksport lebih kurang 97% minyak kelapa sawit dalam bentuk yang diproses. Malaysia juga muncul sebagai pengeluar terbesar di dunia bagi barang-barang celupan getah (rubber dipped goods). Adalah menjadi matlamat Kerajaan untuk meningkatkan lagi penggunaan tempatan getah asli kepada 300,000 metrik tan pada tahun 1990an. Hampir kesemua kayu-kayan yang dieksport dari Semenanjung Malaysia adalah dalam bentuk kayu yang digergaji, papan lapis, veniar dan yang diproses.

Kerajaan telah menubuhkan Bursa Komoditi Kuala Lumpur (KLCE) pada bulan Oktober, 1980 dengan perdagangan masa depan minyak kelapa sawit mentah. Penubuhan Bursa ini bertujuan untuk mewujudkan kaedah penentuan harga masa hadapan yang lebih bersistematik dan berkesan di samping membolehkan pengeluar-pengeluar, pemeroses-pemeroses dan pengguna-pengguna menjalankan aktiviti lindung-nilai bagi barangan utama. Dagangan minyak kelapa sawit dalam Bursa ini amatlah menggalakkan di mana purata dagangan sehari bagi bulan Julai 1983 ialah 837 lot berbanding dengan purata 120 lot sehari pada tahun 1980. Untuk menjadikan Bursa ini lebih berkesan lagi bagi penentuan harga dagangan masa depan barangan utama kita, Kerajaan akan memperkenalkan perdagangan masa depan getah ke

Bursa ini mulai daripada 1hb September, 1983 dan timah pada awal tahun 1984.

Keadaan kemelesetan ekonomi dunia nampaknya telah beransur-ansur pulih dan ini dapat dilihat dari petunjuk-petunjuk ekonomi dan kegiatan aktiviti-aktiviti perindustrian di kebanyakan negara-negara maju telah semakin aktif dan pengilang-pengilang telah mula menambahkan inventori bahan-bahan mentah mereka. Seajar dengan proses pemulihan ekonomi dunia harga kebanyakan barangan utama Malaysia juga telah mula meningkat. Harga purata bulatan getah asli gred RSS 1 telah meningkat kepada 262.07 sen se kg. dalam bulan Julai 1983 berbanding dengan harga pada bulan Januari iaitu 187.67 sen se kg. Harga minyak kelapa sawit juga telah menunjukkan kenaikan daripada \$784.93 se tonne pada bulan Januari kepada \$839.33 se tonne bagi bulan Julai tahun ini dan sekarang ini hampir mencapai harga \$1,000 se tonne, dan harga borong koko berada di paras \$4,506 se tonne bagi bulan Julai berbanding dengan \$3,260 se tonne pada bulan Januari.

Dengan berlakunya pemulihan ekonomi dunia secara beransur-ansur ini, adalah diharapkan prestasi eksport dan harga barangan utama Malaysia akan bertambah lebih baik lagi pada masa-masa yang akan datang.

SUBSIDI PADI— PENYELEWENGAN

16. Tuan Fadzil bin Mahmood minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan:

- (a) berapa ramaikah penyeleweng-penyeleweng subsidi padi Kerajaan yang telah diberkas oleh pihak Kementerian.
- (b) bagaimana cara penyeleweng itu berlaku yang dapat dikesan oleh pihak Kementerian yang berkenaan; dan

- (c) apakah langkah-langkah positif yang akan dilaksanakan oleh Kementerian supaya penyeleweng yang telah berlaku tidak akan berulang lagi.

10-8-83

42. Tuan Basharon Hanafiah minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan sama ada beliau sedar bahawa penyeleweng telah pun berlaku di dalam pemberian subsidi padi kepada petani-petani, yang mana akibatnya Kerajaan telah mengalami kerugian yang banyak; jika sedar apakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan terhadap penyeleweng-penyeleweng yang tersebut dan apakah cadangan Kerajaan supaya penyeleweng seperti itu tidak akan berulang lagi.

Menteri Perusahaan Awam (Datin Paduka Rafidah Aziz): Saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Basharon Hanafiah untuk dijawab pada 10/8/83 mengenai perkara yang sama.

Bilangan kes-kes yang disyaki melakukan penyeleweng yang melibatkan pengilang, petani dan kakitangan Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN) bagi tahun 1981/82 ialah sebanyak 55 kes. Setakat ini bilangan yang dapat dikesan bagi tahun 1983 ialah sebanyak 22 kes.

Dari sejumlah 55 kes di atas bagi tahun 1981/82, sebanyak 31 kes telah selesai disiasat oleh Lembaga Padi dan Beras Negara di mana 5 kes dituduh di bawah Akta LPN, 8 kes ditutup kerana tidak cukup bukti dan 18 kes dilaporkan kepada pihak Polis dan Badan Pencegah Rasuah untuk tindakan lanjut mereka. Sejumlah 46 kes iaitu baki dari kes tahun 1981/82 dan kes yang telah dikesan bagi tahun 1983 adalah masih dalam siasatan Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN).

Cara penyeleweng yang dapat dikesan adalah:

- (i) Pengilang tidak membuat potongan dalam belian padi mengikut peraturan,
- (ii) Pelesen mendapat subsidi ke atas padi petani dengan menggunakan nama petani lain,
- (iii) Orang tengah mendapat subsidi dengan menjual padi petani-petani lain,
- (iv) Petani-petani meminda maklumat di dalam kupon,
- (v) Kerani subsidi meminda nilai kupon selepas bayaran kepada petani bagi membolehkan pembayaran dibuat kepada diri sendiri,
- (vi) Kerani subsidi mengeluarkan kupon berdasarkan bil yang telah dibatalkan oleh pengilang,
- (vii) Penyelia menggunakan wang subsidi,
- (viii) Kerani subsidi mengeluarkan kupon tanpa mengikut peraturan.

Beberapa langkah pembaikan sedang diambil, antaranya;

3.1. Cadangan Pendaftaran Petani dan Penggunaan Buku Pas. Dengan cara pendaftaran, rujukan akan sentiasa dapat dibuat sama ada yang menerima subsidi tersebut adalah petani-petani atau tidak. Sebagai projek percubaan, sistem pendaftaran ini sedang dilaksanakan di dua kawasan tanaman padi utama iaitu Mukim Sungai Baru, Kedah dan Mukim Cherang Rotan, Pasir Putih, Kelantan. Di bawah projek percubaan ini seramai 3,000 petani adalah terlibat. Sekiranya hasil kajian dari dua projek percubaan itu didapati sesuai, pendaftaran petani dan penggunaan buku pas akan dilengkapkan di seluruh negara.

3.2. Kajian-kajian bagi membaiki beberapa aspek lain pelaksanaan skim ini juga sedang dibuat. Antaranya ialah sistem membahagikan pembeli-pembeli padi serta petani mengikut zon di mana petani hanya boleh menjual padi dan pembeli padi di dalam satu kawasan tertentu sahaja. Dengan cara ini akan dapat dikawal pergerakan pembeli dan petani dari satu kawasan kepada satu kawasan di samping mengurangkan kemungkinan penyelewengan.

3.3. Dari segi pentadbiran, langkah-langkah tegas sentiasa diambil bagi mencegah penyelewengan. Di antara langkah-langkah tersebut ialah pemeriksaan mengejut di premis-premis perniagaan padi dan beras, rondaan di waktu malam dan hari-hari kelepasan, membuat audit di pusat-pusat belian padi, mengadakan kerja-kerja 'extension'/penerangan kepada wakil-wakil petani termasuk melalui khutbah Jumaat dan siasatan ke atas kes penerima-penerima subsidi yang tinggi dan tidak munasabah.

PENDATANG HARAM VIETNAM—MEMINDAHKAN

17. Tuan Haji Ariffin bin Haji Salleh minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apa sahaja usaha-usaha yang telah dibuat oleh Kerajaan untuk memindahkan pendatang-pendatang haram Vietnam ke negara ketiga memandangkan sikap negara-negara ketiga menerima mereka itu dan nyatakan sama ada Kerajaan bercadang mengubah dasarnya untuk menerima lagi pendatang-pendatang haram ini.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, negara-negara ketiga bukannya tidak mahu mengambil Pendatang-pendatang Haram Vietnam

(PHV) dari negara ini. Apa yang sebenar berlaku ialah semenjak bulan Oktober 1982, negara-negara ketiga telah melawat dan mengurangkan bilangan Pendatang Haram Vietnam yang diambilkan oleh mereka. Kadar pemindahan Pendatang Haram Vietnam ke negara-negara ketiga sekarang ialah kurang dari 1,000 orang sebulan. Sehingga ini, belum ada negara-negara ketiga yang tidak ingin menerima Pendatang Haram Vietnam yang mendarat di Malaysia, dalam pada itu, Pendatang Haram Vietnam pula telah memilih negara-negara ketiga yang digemari.

Pihak kita akan terus memerhatikan sikap negara-negara ketiga terhadap pemindahan Pendatang Haram Vietnam ini untuk menentukan pendirian kita sesuai dengan keadaan semasa dalam menghadapi masalah pendaratan Pelarian-pelarian Haram Vietnam ini. Sebelum mengubah apa-apa pendirian, kita akan memberitahu wakil Suruhanjaya Tinggi Bangsa-bangsa Bersatu bagi Pelarian (UNHCR) kerana perakuan telah dibuat bahawa Malaysia akan terus menerima pendaratan Pendatang Haram Vietnam selagi negara-negara ketiga terus menerima mereka.

PEMINDAHAN TEKNOLOGI DARI JEPUN

18. Puan Sri Datin Anthinahappan minta Perdana Menteri menyatakan setakat manakah pemindahan teknologi yang telah dicapai oleh Malaysia dengan cara menawarkan kontrek-kontrek untuk projek-projek besar kepada pakar perunding dan kontraktor-kontraktor dari Jepun.

Timbalan Perdana Menteri (Dato' Musa bin Hitam): Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menerangkan bahawa perkara teknologi dan pemindahan teknologi meliputi bidang-bidang yang luas seperti teknologi perindustrian dan

pembuatan, teknologi binaan, teknologi dalam penyelidikan dan saintifik, teknologi kejuruteraan, pengurusan dan perdagangan. Pemandahan teknologi adalah satu proses yang berterusan. Oleh yang demikian, pencapaian kita dalam satu-satu bidang teknologi tidaklah dapat kita ukur atau nilai dalam angka, nisbah atau peratusan.

Dalam kontrak industri kejuruteraan dan perundingan, Kerajaan memanglah menggalakkan pakar-pakar perunding asing termasuk dari Jepun untuk menyertai pelaksanaan projek di negara ini. Walau bagaimanapun, penyertaan pakar-pakar perunding asing ini adalah dengan cara menubuhkan gabungan (associate) dengan pakar-pakar perunding tempatan di mana perunding-perunding tempatan akan mengambil peranan sebagai perunding utama (lead consultants) dalam gabungan ini. Dengan cara ini, pakar-pakar tempatan dapat menimba pengalaman dan mempelajari teknologi dan teknik moden dalam sektor perundingan. Malahan di dalam bidang-bidang tertentu, kejuruteraan perundingan kita telah pun mencapai satu tahap di mana firma-firma perunding tempatan telah dapat berdikari dan melaksanakan projek-projek besar Kerajaan tanpa penglibatan pakar-pakar asing dan kalau adapun, hanyalah untuk kepakaran yang khusus sahaja.

Dalam sektor binaan pula, melalui sistem tender kompetitif yang kita amalkan, terutamanya untuk tender-tender antarabangsa, didapati bahawa kontraktor-kontraktor asing terutamanya dari Negeri Jepun menawarkan harga yang kompetitif, tempoh kontrak binaan yang singkat dari apa yang ditetapkan oleh Kerajaan dan penggunaan teknologi binaan moden dan teknik baru pengurusan projek. Contoh yang nyata adalah

pembinaan Bangunan Dayabumi, di mana dengan teknologi binaan moden iaitu struktur keluli siap pasang serta penggunaan teknik baru pengurusan projek dan sekim latihan yang dianjurkan oleh kontraktor berkenaan, projek ini telah dapat dilaksanakan setakat ini 42 hari lebih awal dari jadual. Dari segi perindustrian berat pula pencapaian oleh Perbadanan Perusahaan Berat (HICOM) adalah menggalakkan. Dalam bidang industri minyak dan gas pula, setaf-setaf PETRONAS dan MLNG yang terlibat telah dapat mempelajari teknologi-teknologi bermutu tinggi dalam pengeluaran, pemerosesan dan pengurusan hasil-hasil minyak dan gas dan 'by-products'. Sehingga ini Kerajaan adalah puashati dengan teknologi-teknologi baru binaan dan pengurusan projek yang dibekalkan oleh kontraktor-kontraktor asing, terutamanya dari Jepun yang mengendalikan kontrak-kontrak bagi projek-projek besar di negara ini.

Untuk mempertingkatkan lagi pencapaian pemandahan teknologi dalam bidang berkenaan, Kerajaan merencana usaha-usaha yang konkrit di mana kontraktor-kontraktor asing yang mengendalikan projek-projek besar diminta menganjurkan program-program latihan semasa kerja (on-the-job training) dan latihan sebelum pembinaan (pre-construction training) kepada pekerja-pekerja tempatan melalui kerjasama Kerajaan. Oleh yang demikian, adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk terus membuka peluang kepada perunding-perunding dan kontraktor-kontraktor tempatan mempelajari teknologi dan teknik moden ini hinggalah kita dapat berdikari pada masa hadapan.

KONTENA DI PELABUHAN KELANG—KESESAKAN

19. Dato' Chin Kim Yoong minta Menteri Pengangkutan menyatakan

sama ada beliau sedar bahawa kontena-kontena barangan di Port Kelang adalah dalam keadaan yang tidak tersusun dan teratur dan apakah tindakan beliau akan ambil untuk memperbetulkan keadaan yang kurang memuaskan ini.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Saya sedar tentang masalah kesesakan kontena di Pelabuhan Kelang yang pada biasanya berlaku pada musim-musim perayaan. Tindakan bagi mengatasi masalah ini bukanlah menjadi tanggungjawab pihak Pelabuhan Kelang sahaja tetapi juga bergantung kepada usaha dan kerjasama pihak-pihak lain yang terlibat dalam urusan ini seperti syarikat-syarikat pengangkutan kontena, Jabatan Kastam, agen penghantar dan para pengimport.

Tindakan bagi mengatasi masalah ini sedang diambil dengan membaiki pengurusan dan kerjasama semua pihak yang terlibat di samping menambah lagi bilangan 'prime movers' oleh Kontena Nasional. Jabatan Kastam telah juga diminta melanjutkan masa kerjanya supaya lebih banyak kotak kontena import/export dapat dikendalikan.

KAMPUCHEA—PENYERTAAN ASEAN

20. Dato' S. Govindaraj minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah hasil dan kemajuan yang dicapai oleh ASEAN dalam isu Kampuchea di Persidangan Negara-negara Berkecuali yang diadakan di New Delhi baru-baru ini.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Persidangan Kemuncak Ketua-ketua Negara/Kerajaan Negara-Negara Berkecuali yang Ketujuh telah diadakan di New Delhi pada 7hb hingga 12hb Mac, 1983. YAB Perdana Menteri telah mengetuai delegasi Malaysia ke Persidangan tersebut

dengan Menteri Luar Negeri sendiri sebagai Ketua Gantian. Sukacita saya memaklumkan bahawa penyertaan delegasi kita di Persidangan tersebut telah membawa kejayaan yang memuaskan

Mengenai soal Kampuchea, Malaysia telah berjaya menarik perhatian antarabangsa di peringkat politik yang tertinggi sekali untuk menumpukan perhatian mereka terhadap masalah kekosongan kerusi bagi Kampuchea yang bersabit dari perbuatan Cuba sebagai pengerusi Persidangan Kemuncak yang keenam di Havana pada tahun 1979 dahulu. Semasa perbahasan di peringkat Mesyuarat Menteri-menteri Luar, ramai ahli Pergerakan telah menyokong pendirian Malaysia bahawa kerusi kosong Kampuchea itu sepatutnya diduduki oleh Kerajaan Campuran Demokratik Kampuchea, yang diketuai oleh Putera Norodom Sihanouk, sebagai wakil sah Kampuchea. Tetapi oleh kerana ada juga beberapa buah negara yang mempunyai pendirian yang lain dalam perkara ini, soal ini telah dirujuk kepada Biro Kordinasi Badan tersebut, sebagai Jawatankuasa Ad Hoc, untuk dikaji dengan lebih mendalam tentang kriteria dan garis panduan bagi menggantung atau menyingkir keanggotaan sesebuah negara dalam Kumpulan Negara-negara Berkecuali. Jawatankuasa ini akan membuat syor-syor kepada Mesyuarat Menteri-menteri Luar Negara-negara Berkecuali yang akan diadakan pada tahun 1985.

Dengan demikian isu "kerusi kosong" bagi Kampuchea ini akan terus hidup dan akan terus dibincangkan oleh Kumpulan Negara-negara Berkecuali sehingga suatu keputusan muktamad dapat dicapai secara kata sepakat kelak. Ini bermakna dengan jelasnya bahawa keputusan yang telah dibuat di Havana oleh Cuba untuk mengosongkan kerusi Kampuchea dengan tidak menganuti

prinsip kata sepakat adalah merupakan perbuatan yang tidak boleh diterima oleh Persidangan di New Delhi.

Seperti biasa, Malaysia akan terus menyertai dengan aktif segala perundingan mengenai soal ini bersama-sama dengan anggota-anggota ASEAN yang berkenaan.

BIL ELEKTRIK KEPADA INDUSTRI

21. Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada bil bekalan elektrik di negara ini terutamanya kepada industri-industri merupakan yang termahal sekali kalau dibandingkan dengan negara-negara di rantau ini; jika benar tidakkah ini bercanggah dengan dasar Kerajaan untuk menggalak industrialisasi di negara ini dengan secepat mungkin.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Datuk Leo Moggie anak Irok): Ingin saya maklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa saya telah menjawab soalan ini semasa saya menjawab soalan Ahli Yang Berhormat daripada Menglembu pada 27hb Julai, 1983 di Dewan Rakyat dan saya tidak mempunyai apa-apa tambahan lagi.

PROJEK PEMBANGUNAN PERTANIAN BERSEPADU NEGERI MELAKA (MIAD)

22. Tuan Haji Abdul Jalil bin Abdul Rahman minta Menteri Pertanian menyatakan kejayaan besar yang telah dicapai sejak rancangan Pertanian Bersepadu (MIAD) dilancarkan dalam tahun 1981 yang lalu, sebagai contoh sebutkan negeri mana yang paling berjaya sekali.

Menteri Pertanian (Dato' Abdul Manan bin Othman): Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu Negeri Melaka atau ringkasnya MIAD

yang telah dilancarkan di penghujung tahun 1981 masih lagi di peringkat awal pembinaan di mana pembinaan infrastruktur dan kemudahan-kemudahan asas seperti membina dan membaiki parit dan taliair, jalan-jalan ladang, pusat-pusat kemajuan peladang, pusat latihan petani, pusat pengumpulan hasil pertanian dan tenusu dan lain-lain sedang giat dilaksanakan.

Sehingga bulan Mac 1983 kemajuan-kemajuan pembinaan infrastruktur dan kemudahan-kemudahan asas yang telah dicapai oleh projek MIAD di antara lainnya ialah telah menyiapkan stor dan tempat pengeringan hasil tanaman di Pusat Latihan Petani Sungai Udang, telah menyiapkan jalan-jalan ladang di kampung Sungai Rengga, Kampung Air Tawar dan Kampung Sebatu sepanjang 4.5 km, menggali dan meluruskan Sungai Baru Fasa IB sepanjang kira-kira 7 km. Bagi pembinaan infrastruktur dan kemudahan asas yang lain seperti rancangan membaiki taliair di Masjid Tanah, Jasin, Duyong, Bachang dan Sungai Udang, rancangan membaiki saluran di Merlimau dan Padang Temu, rancangan mencegah banjir di Sungai Tedong, Sungai Baru, Sungai Alor Gajah, Sungai Tuang, Sungai Duyong dan Sungai Lereh serta pembinaan baki jalan-jalan ladang sepanjang kira-kira 133 km, Pembinaan Pusat Kemajuan Peladang, Pusat Pengumpulan Pertanian dan tenusu masih lagi di berbagai-bagai peringkat perancangan reka bentuk, pengambilan tanah, pengeluaran tender dan pembinaan. Projek ini dijangka dapat disiapkan di penghujung tahun 1986.

Selain daripada projek MIAD, projek-projek IADP lain yang sedang dalam pelaksanaan termasuklah Rancangan Pertanian Bersepadu Johor Barat I, Barat Laut Selangor, Krian Sungai Manik, Kemasin-Semarak, Rompin-Endau, Negeri Sembilan Timor, Seberang Perak, Lembah

Kedah, Balik Pulau—Seberang Perai, Perlis dan Pahang Barat. Jangka masa untuk menyiapkan sesebuah projek ini adalah antara 5 hingga 7 tahun.

PARTI KOMUNIS MALAYA— PROPAGANDA PALSU

23. Tuan Jaafar bin Harun minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa dua pertubuhan di bawah Parti Komunis Malaya, iaitu Parti Kebangsaan Revolusional Malaya dan Parti Persaudaraan Islam (PARI) telah menguatkan kedudukannya dan sedang bergerak cergas dalam usaha menumbangkan Kerajaan; jika ya nyatakan bila ditubuhkan; di mana markasnya serta di mana kawasan operasi mereka dan nyatakan langkah-langkah Kerajaan untuk menghapuskannya.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, apa yang disebutkan sebagai Parti Kebangsaan Melayu Revolusioner Malaya (PKMRM) dan Parti Persaudaraan Islam (PAPERI) adalah merupakan alat propaganda palsu Parti Komunis Malaya untuk cuba mengelirukan dan mempengaruhi orang Melayu dan umat Islam di negara ini supaya menyokong kegiatan sia-sia Komunis.

Pertubuhan-pertubuhan ini hanya wujud di atas kertas sahaja dan tidak mendapat sokongan rakyat. Pertubuhan-pertubuhan ini tidak juga memperkukuhkan kedudukan Parti Komunis Malaya yang bergiat untuk menggulingkan Kerajaan Malaysia yang sah dipilih oleh rakyat.

Dalam pada itu Parti Komunis Malaya dan kuncu-kuncunya akan meneruskan kegiatan mereka untuk menggulingkan kerajaan ini dengan apa cara sekalipun. Oleh itu adalah menjadi tanggungjawab bersama Kerajaan dan rakyat supaya sentiasa berwaspada dan berusaha bagi

menjamin keadaan ketenteraman awam dan keselamatan negara tidak terjejas oleh tindak-tanduk anasir-anasir komunis, subversif dan pelampau.

SKIM ASN—PELABURAN RAKYAT THAI

24. Tuan Ishak bin Abdul Rahman minta Perdana Menteri menyatakan jumlah rakyat keturunan Siam (Thai) yang layak membuat pelaburan dalam ASN; hingga sekarang berapa ramaikah antara mereka yang telah membuat pelaburan pokok.

Perdana Menteri (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad): Angka keseluruhan mengenai jumlah rakyat keturunan Thai yang layak melabur dalam Skim ASN tidak dapat ditentukan.

Sehingga 30hb Jun, 1983 seramai 94 orang rakyat keturunan Thai telah menyertai Skim Amanah Saham Nasional dengan nilai pelaburan purata sebanyak \$174.00 seorang.

PALESTIN—PERSIDANGAN ASIA DAN PASIFIK

25. Tuan M. K. Muthusamy minta Menteri Luar Negeri menyatakan hasil Persidangan Asia dan Pasifik mengenai Soal Palestin yang diadakan di Kuala Lumpur pada awal tahun ini dan nyatakan sama ada persefahaman yang dicapai di Persidangan itu akan terjejas kerana perselisihan faham di kalangan PLO sendiri, jika ia, nyatakan langkah-langkah yang Malaysia boleh cadangkan untuk menyelesaikan masalah dalam kumpulan PLO itu.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Persidangan Asia Mengenai Soal Palestin yang diadakan di Kuala Lumpur pada 3hb-7hb Mei, 1983 telah berjaya menghasilkan satu Program Tindakan sebagai satu jentera yang konkrit ke arah penyelesaian masalah

Palestin. Program Tindakan ini mengemukakan cara-cara bagaimana rakyat Palestin boleh mendapatkan kembali hak-hak asasi mereka dan kembali ke tanah air mereka untuk menubuhkan sebuah negara berdaulat dan merdeka berasaskan Piagam Bangsa-bangsa Bersatu dan Undang-undang Antarabangsa.

Program Tindakan ini meminta Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu supaya mengambil langkah-langkah untuk membolehkan rakyat Palestin memasuki semula tanah air mereka dan memperolehi kembali hak-hak asasi mereka, termasuk menubuh sebuah negara Palestin yang berdaulat dan merdeka di bumi Palestin sendiri berasaskan Piagam Bangsa-bangsa Bersatu. Untuk tujuan ini, Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa diminta menubuhkan institusi yang akan memastikan pelaksanaan-perlakuan-perlakuan berikut:

- (a) pengunduran Israel dari semua Wilayah Arab dan Palestin yang didudukinya sejak tahun 1967 dalam jangka waktu yang tertentu;
- (b) menjamin keselamatan dan keamanan serta hak-hak rakyat Palestin di wilayah yang diduduki itu sementara menunggu pengunduran tentera-tentera Israel;
- (c) mentadbir wilayah-wilayah Palestin dalam masa peralihan setelah pengunduran tentera Israel;
- (d) memberi kemudahan kepada rakyat Palestin untuk kembali ke tanah air dan harta benda mereka;
- (e) mengawasi satu pemilihan 'Constituent Assembly' di mana semua rakyat Palestin akan mengambil bahagian; dan
- (f) mengadakan satu pasukan pengaman sementara (temporary peace-keeping force)

bagi melicinkan pelaksanaan langkah-langkah yang tersebut di atas (a)-(e).

Program Tindakan ini mempunyai fakta yang boleh diterima umum kerana:

- (a) ia boleh dilaksanakan (implementable);
- (b) negara-negara lain terutama Amerika Syarikat tidak boleh menyangkal atau mengkritik Program Tindakan ini kerana ia selaras dengan prinsip-prinsip Piagam Bangsa-bangsa Bersatu; dan
- (c) ia merupakan satu usaha penyelesaian secara politik terhadap masalah di Asia Barat.

Apa yang dinyatakan di atas itu merupakan perkembangan yang menggalakkan terhadap perjuangan rakyat Palestin. Selain dari menghasilkan suatu Program Tindakan seperti yang dinyatakan itu, Persidangan di Kuala Lumpur telah membuktikan bahawa soal Palestin itu adalah mendapat perhatian masyarakat antarabangsa yang berterusan dan meluas.

Sukacita saya menyatakan bahawa Program Tindakan ini akan dikemukakan di Persidangan Antarabangsa Mengenai Soal Palestin yang akan belangsung di Geneva dari 29hb Ogos hingga 9hb September, 1983 ini. Adalah menjadi harapan ramai agar Persidangan Antarabangsa ini akan menerima Program Tindakan Kuala Lumpur itu. Program Tindakan ini boleh disesuaikan dalam mana-mana rundingan damai masalah Palestin kerana ianya mengandungi prinsip-prinsip serta fakta-fakta yang merupakan asas rujukan dalam penyelesaian masalah Palestin ini. Ringkasnya, Program Tindakan ini merupakan satu jentera yang konkrit bagi melaksanakan sebarang rancangan damai.

Sebagaimana yang terkandung di dalam Program Tindakan itu, ianya tidak melibatkan pihak PLO sendiri. Apa yang dilibatkan oleh Program Tindakan ialah tanah Arab Palestin dan penduduk-penduduk di wilayah itu. Pihak PLO telah bersetuju untuk tidak mencampuri kuasa semasa pihak Bangsa-bangsa Bersatu memerintah di wilayah Arab Palestin untuk sementara waktu, atau mencapai dalam proses seperti yang terkandung dalam Program Tindakan sehingga penubuhan sebuah negara Palestin.

Oleh itu perselisihan faham di kalangan PLO sendiri tidak akan menjejaskan Program Tindakan ini kerana Program Tindakan ini tidak berkehendakkan penglibatan PLO dalam proses penubuhan sebuah negara Palestin. Pelaksanaan Program Tindakan ini melibatkan Bangsa-bangsa Bersatu sepenuhnya, terutamanya anggota tetap Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu. Namun demikian tidak dapat dinafikan bahawa sengketa di kalangan ahli-ahli PLO itu akan sedikit sebanyak menjejaskan imej perjuangan mereka.

SELANCAR EMPAT— EXPLOITASI PEKERJA

26. Tuan D. P. Vijandran meminta Menteri Buruh menyatakan langkah-langkah yang beliau telah ambil:

- (a) Untuk menentukan sebab-sebab eksploitasi pekerja-pekerja Selancar Empat di Segamat, Johor/Pahang;
- (b) untuk menentukan eksploitasi seperti ini tidak berulang lagi; dan
- (c) untuk mendapat tahu sama ada eksploitasi seperti ini berlaku atau tidak di lain-lain tempat.

Menteri Buruh (Dato' Mak Hon Kam): Jawapan kepada pertanyaan-pertanyaan Ahli Yang Berhormat itu adalah seperti berikut:

- (a) Oleh kerana laporan terhadap Selancar Empat masih diteliti oleh pihak-pihak berkenaan, Kementerian saya tidak dapat menentukan sejauhmana dan sebab-sebab pekerja-pekerja di exploitasikan di Selancar Empat.

Walau bagaimanapun, kejadian di Selancar Empat itu, tidak mungkin berlaku jika sekiranya pemborong kecil kontrak tersebut mematuhi peruntukan undang-undang di bawah Seksyen 63A, Akta Kerja, 1955, yang memerlukan seseorang majikan memberitahu Jabatan Buruh atas permulaan perniagaannya. Ini adalah kerana jika peruntukan undang-undang itu dipatuhi oleh pemborong kecil, pegawai-pegawai dari Jabatan Buruh sudah tentu akan menjalankan pemeriksaan untuk menentukan bahawa pekerja-pekerja di Selancar Empat dapat menikmati faedah-faedah seperti yang termaktub dalam undang-undang Buruh.

- (b) Satu Jawatankuasa bersama yang di pengurusan oleh Ketua Setiausaha Kementerian saya dan pegawai-pegawai Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah serta Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri telah ditubuhkan baru-baru ini. Jawatankuasa ini akan meneliti sebab-sebab kejadian di Selancar Empat dan kes-kes yang seumpama ini untuk mengenal pasti cara-cara supaya mencegah kejadian seumpama ini dari berlaku di mana-mana tempat. Jawatankuasa ini akan

juga meminda dan memperbaiki lagi peruntukan-peruntukan dalam Perjanjian Kontrak yang disediakan oleh FELDA dan lain-lain ejensi Kerajaan bagi memastikan penyeliaan yang lebih ketat dan rapi dapat dijalankan oleh Jabatan Buruh bagi kerja-kerja borong yang dijalankan di semua kontrak-kontrak Kerajaan termasuk sekim-sekim FELDA.

- (c) Kementerian saya sedang berhubung dengan FELDA dan juga lain-lain badan berkanun untuk mendapatkan senarai yang lengkap mengenai semua pemborong-pemborong dan pekerja-pekerja mereka supaya pemeriksaan dapat dijalankan untuk memastikan pematuhan undang-undang buruh.

NILAI ISLAM DALAM PENTADBIRAN KERAJAAN

27. Puan Hajjah Hafsah Osman minta Perdana Menteri menyatakan dalam usaha Kerajaan untuk menyerapkan nilai-nilai Islam ke dalam jentera pentadbiran Kerajaan, perniagaan dan urusan bank, nyatakan langkah-langkah atau tindakan yang telah dan akan dijalankan untuk meresapkan unsur-unsur Islam ke dalam kaedah sekim-sekim insurans yang terdapat di negara ini.

17. (11-8-83) Tuan Haji Latip bin Haji Dris meminta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa rakyat yang beragama Islam kurang yakin atau tidak menerima sistem insuran yang ada sekarang dan jika sedar sama ada beliau akan mengkaji untuk menubuhkan satu sistem insuran ala Islam.

44. (11-8-83) Tuan Haji Ariffin bin Haji Salleh minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan bercadang mengadakan insuran

bercorak Islam, jika benar nyatakan langkah-langkah awal yang diambil ke arah ini.

Perdana Menteri: Saya mohon izin untuk menjawab soalan dari Yang Berhormat Tuan Haji Latip bin Haji Dris (No. 17) dan dari Yang Berhormat Tuan Haji Ariffin bin Haji Salleh (No. 44) pada 11-8-1983 bersama dengan soalan ini kerana mengenai perkara yang sama.

Sememangnya menjadi hasrat Kerajaan untuk menyerapkan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran dan juga berbagai bidang aktiviti dalam negara ini. Bidang insurans merupakan satu daripada bidang-bidang yang sekarang sedang dikaji oleh Kerajaan. Untuk maksud ini, Kerajaan telah menubuhkan sebuah Badan Petugas Khas khususnya bagi mengkaji penubuhan syarikat insurans secara Islam di negara ini. Badan ini sedang mengkaji dengan mendalam aspek-aspek penubuhan syarikat ini yang termasuk aspek-aspek urusniaganya, undang-undang dan syariah.

Berkenaan dengan ini, saya ingin memaklumkan iaitu baru-baru ini satu rombongan yang terdiri dari beberapa orang anggota Badan Petugas tersebut telah dihantar ke Arab Saudi, Mesir dan Switzerland untuk meninjau institusi-institusi kewangan dan insurans secara Islam yang telah pun ditubuhkan di negara-negara itu. Rombongan ini telah melawat dan bertemu bual dengan pengurus-pengurus institusi-institusi berkenaan, meneliti, mempelajari dan mengumpul pengalaman dan maklumat-maklumat yang didapati dari mereka untuk dijadikan panduan dan asas bagi menubuhkan syarikat insurans secara Islam di negara ini. Dari penilaian ke atas pengalaman institusi-institusi berkenaan di negara-negara tersebut, Kerajaan yakin bahawa syarikat insurans secara Islam boleh ditubuhkan di negara ini.

Buat masa ini Badan Petugas berkenaan masih lagi meneruskan kajiannya yang merangkumi pelbagai aspek ke arah penubuhan syarikat insurans secara Islam yang dicadangkan itu.

PENYELUDUPAN DI SEMPADAN MALAYSIA—THAILAND

28. Dato' Yap Peng minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa sudah lama berlaku aktiviti-aktiviti penyeludupan di sempadan Malaysia-Thai walaupun Kerajaan telah berusaha sedaya upaya untuk mengatasi masalah-masalah tersebut dan sama ada beliau akan berunding dengan Kerajaan Thai supaya mengadakan satu projek bersama untuk mendirikan tembok atau pagar berduri di sepanjang sempadan tersebut; jika ya, bila dan jika tidak mengapa.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Kerajaan memang menyedari adanya kegiatan penyeludupan di sempadan Malaysia-Thailand. Keadaan ini telah berkurangan dengan terlaksananya beberapa langkah yang berkesan telah diambil oleh Kerajaan untuk mengawal serta membenters kegiatan tersebut.

Di antara langkah-langkah yang utama termasuklah membina pagar keselamatan sempadan yang telah dan sedang dibina di antara Bukit Kuan Chu, Perlis hingga ke Bukit Tangga, Kedah sepanjang kira-kira 51.2 km. Kerja pembinaan ini telah bermula pada Mac 1977 dan setakat ini pagar yang telah siap dibina ialah kira-kira 26 batu (41.6 km) iaitu dari Bukit Kuan Chu hingga ke Bukit Kayu Hitam. Sementara pembinaan pagar selanjutnya di antara Bukit Kayu Hitam hingga ke Bukit Tangga sejauh kira-kira 9.6 km masih dalam pelaksanaan. Pembinaan pagar

keselamatan di sempadan Perak ialah sejauh 15 batu di antara Bukit Berapit ke Lembang Nenering sedang dalam proses pelaksanaan.

Buat masa ini tembok konkrit sepanjang 3 batu sedang dilaksanakan di Padang Besar.

Di Kelantan, kajian yang teliti dan mendalam sedang dibuat sama ada untuk mengenal pasti keperluan membina pagar keselamatan, tembok konkrit ataupun alternatif-alternatif yang lain yang sesuai bagi kawasan tersebut.

Pembinaan pagar keselamatan dan tembok konkrit ini merupakan rancangan kita.

STOR JABATAN KERJARAYA

29. Tuan Haji Shahrom bin Haji Maasom minta Menteri Kerjaraya menyatakan sama ada benar atau tidak bahawa kehilangan barang-barang kerap berlaku dari stor-stor JKR; jika benar nyatakan bagaimana perkara ini boleh berlaku dan jumlah kerugian yang dialami oleh Kerajaan.

Menteri Kerjaraya (Dato' S. Samy Vellu): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, stor-stor JKR yang di bawah tanggungjawab Kementerian saya ialah Stor-stor Persekutuan seperti yang terletak di Cheras, Kuala Lumpur, dan di tapak-tapak projek. Stor-stor JKR yang terdapat di negeri-negeri adalah di bawah tanggungjawab Kerajaan Negeri masing-masing.

Adalah tidak benar bahawa kehilangan barang-barang berlaku di Stor Persekutuan ini tetapi sekiranya Ahli Yang Berhormat mempunyai apa-apa maklumat mengenai perkara ini, silalah hantar kepada saya sendiri, dan saya berjanji akan mengambil tindakan yang serta-merta di atasnya.

BEKALAN AIR

30. Tuan Kee Yong Wee minta Menteri Kerjaraya menyatakan sama ada:

- (a) langkah jangka pendek dan panjang akan diambil untuk mengatasi masalah kekurangan air khususnya di Wilayah Persekutuan;
- (b) tindakan telah diambil untuk memastikan kebersihan minuman air sentiasa dikawal dan diawasi dengan lebih rapi; dan
- (c) langkah-langkah telah diambil untuk mencegah pencemaran air seperti berlakunya di kawasan Seremban baru-baru ini.

Dato' S. Samy Vellu: Kerajaan memang mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk memastikan bekalan air yang mencukupi bagi keperluan masa ini dan akan datang. Bagi keperluan jangka pertengahan (medium term needs) sehingga 1989/1990 satu rancangan bekalan air yang bernilai \$1,628.0 juta sedang dilaksanakan di seluruh negara di bawah Rancangan Malaysia Keempat.

Bagi keperluan jangka panjang Kerajaan telah membuat satu kajian bahawa dengan sumber air yang boleh memenuhi keperluan bekalan sehingga tahun 2010. Kajian ini telah selesai dan tindakan sedang diambil untuk melaksanakan cadangan ini berperingkat-peringkat.

Berhubung dengan rancangan bekalan air di kawasan Wilayah Persekutuan, Kerajaan Negeri Selangor sentiasa membuat kajian tentang keperluan jangka panjang bekalan air di kawasan Wilayah Persekutuan dan mengadakan projek dan rancangan untuk memenuhi pertambahan keperluan bekalan air oleh pembangunan perindustrian dan

projek-projek yang sedang dilaksanakan ialah seperti berikut:

- (i) Rancangan Sungai Batu bernilai \$42 juta. Projek ini adalah hampir siap. Walau bagaimanapun, pada masa ini air daripada loji ini akan menambahkan bekalan air sebanyak 25 juta gelen sehari atau 114 juta litres sehari.
- (ii) Rancangan Sungai Semenyih bernilai \$408 juta. Sehingga sekarang kerja atas projek ini telah siap sebanyak 15%. Rancangan ini yang akan siap dalam tahun 1986 dan akan memberi pertambahan bekalan air sebanyak 120 juta gelen sehari atau 545 juta litres sehari. Dengan ini, kawasan di Wilayah Persekutuan akan mendapati bekalan air yang mencukupi sehingga tahun 1992.

Untuk memenuhi keperluan selepas tahun 1992, Kerajaan Negeri Selangor akan mempunyai rancangan untuk melaksanakan satu lagi projek bekalan air yang melibatkan Sungai Selangor.

- (b) Air yang dibekalkan oleh pihak JKR untuk kegunaan awam adalah mengikut piawai yang digarispandukan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Untuk memastikan bahawa piawai itu sentiasa dipatuhi, pihak JKR telah mengadakan langkah pengesanan yang tertentu seperti mengadakan ujian dari masa ke semasa termasuk analisa kimia dan kuman (bacteriology) di atas contoh-contoh bekalan air minum. Jika ujian itu didapati air itu tidak sesuai untuk minuman, terutama dari segi kandungan kuman-kuman, tindakan sertaina diambil untuk membetulkan keadaan itu supaya memastikan air yang

dibekal sentiasa bersih dan selamat untuk minuman pengguna-pengguna.

- (c) Berhubung dengan langkah-langkah yang diambil untuk mencegah berlakunya pencemaran air mentah ialah dengan pengawasan yang rapi oleh JKR ke atas air mentah di tempat-tempat pengambilan air. Pengesanan rapi itu tidak mendapati apa-apa pencemaran air di tempat pengambilan air JKR. Sekiranya didapati ada tanda-tanda pencemaran air di mana-mana tempat pengambilan air, pihak JKR akan melaporkan perkara ini kepada Jabatan Alam Sekitar, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar untuk mengambil apa-apa tindakan yang perlu di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling.

TARIKH AWAL PUASA /HARI RAYA

31. Tuan Abdul Razak bin Haji Abu Samah minta Perdana Menteri menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil agar penentuan awal puasa dan juga hari raya dapat diselaraskan di seluruh Malaysia, yang mana sehingga ini masih lagi bercanggah dari satu negeri ke satu negeri, dan sama ada juga semua negeri di seluruh Malaysia diisytiharkan cuti "Nuzul Al-Quran" kerana sehingga ini ada negeri yang bercuti dan ada negeri yang tidak.

Perdana Menteri: Memanglah menjadi hasrat Kerajaan supaya penentuan awal puasa dan hari raya dapat diselaraskan di semua negeri di Malaysia. Cara penentuan kedua-dua tarikh itu telah pun dipersetujui oleh Majlis-majlis Raja-raja dalam Persidangan Yang Ke-125 pada 14hb

Oktober, 1982 yang berbunyi seperti berikut:

"Anak bulan Ramadhan dan Syawal kiranya tidak kelihatan kerana terlindung oleh keadaan cuaca pada halnya mengikut kiraan ahli-ahli Falak, anak bulan itu tetap ada dan boleh nampak, maka kiraan ahli-ahli Falak boleh digunakan."

Walau bagaimanapun, seperti mana Ahli Yang Berhormat sedia maklum adalah menjadi hak mutlak negeri-negeri untuk menentukan tarikh permulaan puasa dan hari raya dan ini terserahlah kepada Duli-duli Yang Maha Mulia Raja-raja Negeri masing-masing.

Tambah lagi oleh kerana mengikut jadual kesembilan, Perlembagaan Persekutuan, penetapan hari-hari kelepasan am di peringkat negeri adalah dalam bidangkuasa Kerajaan-kerajaan Negeri, maka terpulanglah kepada Kerajaan-kerajaan negeri yang berkenaan untuk menimbangkannya.

PETRONAS—CARIGALI MINYAK

32. Tuan Loh Kee Peng minta Perdana Menteri menyatakan sejauh manakah hasil usaha mencarigali minyak di sepanjang lautan Pantai Timur, Malaysia Barat dan di sepanjang lautan pantai Sabah dan Sarawak di Malaysia Timur oleh PETRONAS pada tahun 1981 dan 1982.

Datuk Dr James Peter Ongkili: Dalam tahun 1981 dan 1982, sebanyak 84 telaga-telaga penyelidikan dan penilaian (exploratory and appraisal wells) telah digerudi dan sebanyak 13,583 kilometer data "seismic" diperolehi di sepanjang perairan pantai Sabah dan Sarawak dan Pantai Timur Semenanjung Malaysia. Dari jumlah telaga-telaga tersebut, 40 telah digerudi di sepanjang perairan Pantai Timur Semenanjung Malaysia, 28 di perairan pantai Sarawak dan 16 di

perairan pantai Sabah. Dari jumlah 13,583 km data "seismic" yang diperolehi, 8,245 km telah diperolehi di perairan Pantai Timur Semenanjung Malaysia, 3,427 km di perairan pantai Sarawak dan 1,911 km di perairan pantai Sabah.

Usaha-usaha tersebut telah menghasilkan 8 lapangan minyak dan 6 lapangan gas baru dijumpai. Dari jumlah lapangan-lapangan minyak baru yang dijumpai, 4 dijumpai di perairan pantai Sarawak, 2 di perairan pantai Sabah dan 2 di perairan Pantai Timur Semenanjung Malaysia. Dari jumlah 6 lapangan gas yang dijumpai, 3 adalah di perairan pantai Sarawak, 2 di perairan Pantai Timur Semenanjung Malaysia dan 1 di perairan pantai Sabah.

Penemuan-penemuan di atas telah dibuat oleh Syarikat-syarikat Esso, Sarawak Shell, Sabah Shell, PETRONAS Carigali dan PETRONAS Carigali—BP. PETRONAS Carigali, iaitu anak syarikat PETRONAS dalam aktiviti-aktiviti mencarigali dan menggerudi, telah menjumpai satu lapangan minyak di perairan Pantai Timur Semenanjung Malaysia manakala syarikat usaha sama Carigali-BP menjumpai satu lagi lapangan minyak di Kawasan Kontrek Sabah.

Kesemua penemuan-penemuan tersebut masih lagi diuji untuk mentaksir jumlah simpanannya.

DASAR PENGSWASTAAN KERAJAAN

33. Tuan Tan Chang Soong minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) bidang-bidang dalam sektor awam di mana Dasar Perswastaan (Privatisation Policy) Kerajaan itu terlibat;
- (b) sama ada satu kajian akan dilaksanakan berhubung dengan langkah itu;

- (c) bila Kerajaan ingin melaksanakan konsep ini; dan
- (d) bagaimana Kerajaan menjamin bahawa perkhidmatan-perkhidmatan yang perlu sedang dibekalkan oleh sektor awam bolehlah ditadbirkan tanpa menambahkan perbelanjaan kepada pengguna-pengguna bila perkhidmatan-perkhidmatan ini dikendalikan melalui Dasar Pen-swastaan.

Datuk Dr James Peter Ongkili:

- (a) Di bawah Dasar Perswastaan Kerajaan bercadang untuk memindahkan beberapa khidmatnya kepada sektor swasta bagi tujuan memberi mutu perkhidmatan yang lebih cekap dan berjalan dengan lebih licin. Perkhidmatan-perkhidmatan yang mempunyai hubungan langsung dengan orang awam dan pengguna-pengguna tertentu adalah mendapat keutamaan. Setakat ini Kerajaan belum lagi dapat menyatakan senarai penuh bidang-bidang yang akan diserahkan kepada swasta.
- (b) Pihak Kerajaan memangnya sedang menjalankan kajian-kajian teliti mengenai berbagai aspek polisi dan teknikal berhubung dengan langkah privatisation ini.
- (c) Berdasarkan jawapan kepada soalan (b) tadi Kerajaan akan melaksanakan konsep ini dengan secepat mungkin setelah menimbangkan semua aspek yang berkaitan dengan penyerahan kepada sektor swasta.
- (d) Di dalam kajian-kajian yang sedang dijalankan ini perkara mengenai mutu perkhidmatan dan harganya kepada pengguna-pengguna sememangnya

menjadi satu pertimbangan yang penting. Walau bagaimanapun, sebagaimana yang pernah saya tegaskan, di bawah dasar ini mutu perkhidmatan yang akan diberi oleh sektor swasta adalah dijangka lebih baik dari yang ada sekarang.

PERSIDANGAN ASIA MENGENAI PALESTIN

34. Puan Hasanah binti Mohd Kassim minta Menteri Luar Negeri menyatakan negara manakah yang membiayai Persidangan Palestin yang baru diadakan di negara ini dan apakah perkembangan yang mendatangkan faedah kepada rakyat Palestin.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Persidangan Asia mengenai soal Palestin di Kuala Lumpur pada 3hb-7hb Mei lalu telah dibiayai bersama oleh Kerajaan Malaysia dan pihak Bangsa-bangsa Bersatu. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, oleh kerana Persidangan ini bukannya persidangan biasa atau persidangan tahunan bagi bangsa-bangsa Bersatu dan oleh kerana persidangan ini diadakan di luar Ibu Pejabat Bangsa-bangsa Bersatu di New York ataupun Ibu Pejabat Kawasannya di Bangkok (ESCAP), maka mengikut peraturan Bangsa-bangsa Bersatu, bagi mana-mana negara yang menganjurkan bersama persidangan seperti hendaklah membiayai perbelanjaan seperti berikut:

- (i) menyediakan dewan persidangan dan kemudahan-kemudahan persidangan;
- (ii) membiayai kadar perbezaan bagi penerbangan antara Bangkok/Kuala Lumpur dan elaun saraan harian kepada kakitangan Bangsa-bangsa Bersatu yang bertugas di negara yang berkenaan; dan

- (iii) perbelanjaan bagi menyediakan kawalan keselamatan yang secukupnya.

Bagi pihak Bangsa-bangsa Bersatu pula, mereka membiayai perkara-perkara seperti:

- (i) perbelanjaan membawa kakitangannya termasuk penterjemah, jurutaip bahasa-bahasa asing, dan lain-lain kakitangan dari New York, serta bayaran penginapan dan makanan bagi kakitangannya; dan
- (ii) perbelanjaan ke atas penyediaan dokumen-dokumen persidangan.

Selain daripada perbelanjaan di atas, adalah menjadi amalan biasa negara tuan rumah memberi taraf tetamu kepada tiap-tiap Menteri dan pegawai pengiringnya. Segala kemudahan-kemudahan yang diadakan oleh pihak kita itu adalah berupa yang minima sahaja, seimbang dengan keadaan ekonomi negara kita masa kini.

Ahli Yang Berhormat sedia maklum jua, sempena dengan Persidangan di Kuala Lumpur ini, Kerajaan telah juga mengadakan satu kempen publisiti yang meluas dengan mengadakan pameran, pengeluaran buku kecil mengenai Soal Palestin, dan rancangan-rancangan Radio dan TV. Pameran yang diadakan itu bukan sahaja di peringkat ibu negara tetapi seterusnya ke peringkat negeri. [Bagi membiayai kesemuanya di atas itu, anggaran perbelanjaan yang terlibat adalah lebih kurang 1.6 juta ringgit].

Mengenai faedah kepada rakyat Palestin, sukacita dinyatakan bahawa Persidangan di Kuala Lumpur telah menghasilkan satu Program Tindakan bagi menyelesaikan masalah Palestin. Program ini meminta Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu supaya mengambil langkah-langkah untuk membolehkan rakyat Palestin

memasuki semula tanahair mereka dan memperolehi kembali hak-hak asasi mereka, termasuk menubuh sebuah negara Palestin yang berdaulat dan merdeka di bumi Palestin sendiri berasaskan Piagam Bangsa-bangsa Bersatu. Untuk tujuan ini, Majlis keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu diminta menubuhkan institusi yang akan memastikan pelaksanaan-perlaksanaan berikut:

- (a) pengunduran Israel dari semua Wilayah Arab dan Pelestin yang didudukinya sejak tahun 1967 dalam jangka waktu yang tertentu;
- (b) menjamin keselamatan dan keamanan serta hak-hak rakyat Palestin di wilayah yang diduduki itu sementara menunggu pengunduran tentera-tentera Israel;
- (c) mentadbir wilayah-wilayah Palestin dalam masa peralihan setelah pengunduran tentera Israel;
- (d) memberi kemudahan kepada rakyat Palestin untuk kembali ke tanah air dan harta benda mereka;
- (e) mengawasi satu pemilihan 'Constituent Assembly' di mana semua rakyat Palestin akan mengambil bahagian; dan
- (f) mengadakan satu pasukan pengaman sementara (temporary peace-keeping force) bagi melicinkan pelaksanaan langkah-langkah yang tersebut di atas (a)-(e).

Program Tindakan ini mempunyai fakta yang boleh diterima umum kerana:

- (a) ia boleh dilaksanakan (implementable);
- (b) negara-negara lain terutama Amerika Syarikat tidak boleh menyangkal atau mengkritik Program Tindakan ini kerana ia

selaras dengan prinsip-prinsip Piagam Bangsa-bangsa Bersatu; dan

- (c) ia merupakan satu usaha penyelesaian secara politik terhadap masalah di Asia Barat.

Apa yang dinyatakan di atas itu merupakan perkembangan yang menggalakkan terhadap perjuangan rakyat Palestin. Selain dari menghasilkan suatu Program Tindakan seperti yang dinyatakan itu, Persidangan di Kuala Lumpur telah membuktikan bahawa soal Palestin ini adalah mendapat perhatian masyarakat antarabangsa yang berterusan dan meluas.

Sukacita saya menyatakan bahawa Program Tindakan ini akan dikemukakan di Persidangan Antarabangsa Mengenai Soal Palestin yang akan berlangsung di Geneva dari 29hb Ogos hingga 9hb September, 1983 ini. Adalah menjadi harapan ramai agar Persidangan Antarabangsa ini akan menerima Program Tindakan Kuala Lumpur itu. Program Tindakan ini boleh disesuaikan dalam mana-mana rundingan damai masalah Palestin kerana ianya mengandungi prinsip-prinsip serta fakta-fakta yang merupakan asas rujukan dalam penyelesaian masalah Palestin ini. Ringkasnya, Program Tindakan ini merupakan satu jentera yang konkrit bagi melaksanakan sebarang rancangan damai.

ASEAN—KERJASAMA EKONOMI, SOSIAL DAN KEBUDAYAAN

35. Tuan K. Kumaran minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada Malaysia menyokong satu cadangan ASEAN dijadikan suatu pertubuhan politik dengan mempunyai kerjasama dalam lebih banyak bidang lagi, dan nyatakan sebab-sebabnya, dan sama ada Malaysia berpuashati dengan

kerjasama di antara negara-negara ASEAN dalam bidang ekonomi, sosial dan kebudayaan baru-baru ini.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: ASEAN telah ditubuhkan pada tahun 1967 untuk mewujudkan, mempergiat dan menyelaraskan kerjasama di bidang-bidang ekonomi, sosial dan kebudayaan di antara negara-negara anggotanya. ASEAN tidaklah diwujudkan sebagai satu badan politik atau keselamatan.

Namun demikian soal-soal politik khususnya, soal-soal politik serantau dan antarabangsa sering juga dibincangkan oleh sebab ia berkaitan secara langsung atau tidak langsung dengan pencapaian tujuan utama penubuhan ASEAN.

Kerjasama ASEAN dalam bidang-bidang ekonomi, sosial dan kebudayaan sehingga ini adalah memuaskan. Bagaimanapun sesuai dengan perkembangan-perkembangan dalam negara-negara anggota serta perkembangan antarabangsa, kita akan terus mencari kemajuan-kemajuan yang sesuai kepada kerjasama ASEAN, baik dari segi pencapaian mahupun dari segi sistem kerjasama. Kita yakin bahawa ASEAN akan terus mencapai matlamat bersamanya dalam usaha-usahanya bagi melahirkan perdamaian, kemajuan serta kemakmuran rakyat-rakyatnya.

SEKOLAH TAMIL— KAJIAN

36. Puan Sri Datin Athi Nahappan minta Menteri Pelajaran menyatakan bilakah Kementerian Pelajaran bercadang untuk membuat kajian yang benar-benar atas kedudukan keadaan sekolah-sekolah Tamil di seluruh Negara dengan tujuan untuk membaikinya serta menseimbangkannya dengan sekolah-sekolah yang lain.

Dato' Mohamed Khalil Yaakob: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat tiap-tiap pengkajian yang dilaksanakan oleh Kementerian Pelajaran dari segi akademik mahupun dari segi pembangunan adalah dibuat secara menyeluruh. Dalam kajian yang demikian sudah pun termasuk perancangan dan pertimbangan mengenai keadaan semua sekolah-sekolah di seluruh negara.

PEMANDU KENDERAAN— TATATERTIB DI JALANRAYA

37. Dato' Chin Kim Yoong minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa pemandu-pemandu kenderaan di negara ini memandu tidak mengikut sistem dan tatatertib apabila memandu sama ada di Lebuhraya ataupun di bandar-bandar terutama sekali di tempat yang sempit dan sesak dan sama ada beliau akan menggalakkan pemandu-pemandu bersopan santun dan berdisiplin apabila memandu di mana sahaja seperti yang biasa di dapati di bandar-bandar seperti Tokyo dan London dan sama ada beliau akan menimbangkan memberi hadiah kepada pemandu-pemandu yang baik.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Saya sedar tentang adanya pemandu-pemandu kenderaan di negara ini yang memandu tanpa mengikut sistem dan tatatertib apabila memandu di jalan-jalan raya. Di atas kesedaran itulah dan juga untuk kepentingan semua pihak pengguna jalan raya, Kementerian saya bersama-sama dengan Majlis Keselamatan Jalan Raya, Polis Di Raja Malaysia dan Jabatan Pengangkutan Jalan ada menjalankan kempen-kempen keselamatan jalan raya yang berterusan di seluruh negara.

Selain daripada itu, langkah-langkah penguatkuasaan yang lebih tegas adalah dikenakan ke atas pemandu-pemandu yang melanggar peraturan-peraturan dan undang-undang

lalulintas. Adalah diharapkan juga dengan terlaksananya sistem Keselamatan Jalan Raya (KEJARA) di mana pemandu yang bersalah di beri mata atau markah kesalahan dan akan diambil tindakan ke atas pemandu berkenaan seperti menggantung lesen memandu apabila sampai had yang ditetapkan, maka sikap buruk pemandu-pemandu akan berubah kepada cara memandu yang lebih baik dan berdisiplin.

LESEN RADIO/ TALIVESYEN—BAYARAN

38. Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan minta Menteri Penerangan menyatakan sama ada pihak beliau boleh menukar cara pembayaran lesen televisyen dan radio cara sekali gus apabila alat-alat radio atau TV dibeli. Sistem ini akan mendapat menyenangkan rakyat jelata serta mengurangkan bebanan tenaga dan wang ringgit kepada kerajaan.

Menteri Penerangan (Dato' Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam): Kementerian Penerangan tidak bercadang menukar sistem pembayaran lesen radio dan televisyen sekarang. Cadangan sistem satu bayaran sekali gus adalah didapati tidak sesuai oleh kerana pembayarannya kelak akan menjadi begitu tinggi, 9 atau 10 kali ganda dari kadar bayaran sekarang dan di luar kemampuan rakyat biasa. Ini boleh mengakibatkan lebih ramai pengguna radio dan televisyen mengelak dari bayaran dan seterusnya menjejaskan kutipan hasil negara.

KURIKULUM BARU SEKOLAH RENDAH

39. Tuan Haji Abdul Jalil bin Abdul Rahman minta Menteri Pelajaran menyatakan kemajuan yang telah dicapai sepanjang setengah tahun pertama tahun ini iaitu sejak KBSR mula dijalankan mulai tahun 1983 ini.

Dato' Mohamed Khalil Yaakob: Kurikulum Baru Sekolah Rendah telah mula diperkenalkan kepada 302 buah sekolah pada tahun 1982 dan telah dilaksanakan sepenuhnya di semua sekolah rendah seluruh negara pada tahun 1983. Sekarang ini seramai 31,433 orang murid Tahun 2 dan 372,100 orang murid Tahun 1 sedang mengikuti pelajaran mereka menerusi Kurikulum Baru Sekolah Rendah. Sejak Kurikulum Baru Sekolah Rendah dilaksanakan Kementerian telah dapat mengesan dengan jelas mengenai beberapa kemajuan yang dianggap menggalakkan. Dari segi pembelajaran, murid-murid telah menunjukkan minat yang meningkat untuk belajar kerana didorongkan bukan sahaja oleh suasana bilik darjah yang diatur mengikut sistem Kurikulum Baru Sekolah Rendah tetapi juga oleh kaedah penyampaian yang berasaskan kepada Kurikulum KBSR. Murid-murid didapati belajar dengan penuh minat, aktif, melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti pembelajaran. Mereka dapat berhubung dengan guru serta rakan-rakan sedarjah mereka dengan lebih berkeyakinan (confident) dan dapat mengatasi sifat keseganan. Dalam kajian kita pada pertengahan tahun ini murid-murid darjah I Kurikulum Baru Sekolah Rendah sudah pun dapat melakukan berbagai-bagai tugas sendiri dengan bantuan minima daripada guru.

Kementerian Pelajaran berpuas hati dengan sistem ini. Selepas dikaji begitu menyeluruh adalah didapati sistem ini sesuai bagi sekolah-sekolah kita.

Ingin saya maklumkan Kementerian Pelajaran telah mengkaji segala aspek kepentingan yang melibatkan pelaksanaan Kurikulum Baru Sekolah Rendah ini. Kementerian Pelajaran juga sentiasa mengesan proses pelaksanaannya melalui beberapa Jawatankuasa seperti Jawatankuasa Pelaksanaan, Jawatankuasa Teknik di

Kementerian Pelajaran, Jawatankuasa Pelaksanaan KBSR peringkat negeri dan Jawatankuasa KBSR di peringkat Sekolah. Beberapa seminar bengkel, forum telah dianjurkan oleh pihak Kerajaan, pihak guru dan pihak Persatuan Ibubapa dan Guru (PIBG) untuk membincang dan meneliti kemajuan KBSR ini. Hasil daripada tindakan-tindakan seperti ini menunjukkan penerimaan yang positif dari semua pihak dari segi kebaikan sistem KBSR ini.

Sukacita saya maklumkan satu kajian yang dinamakan Kajian Pendapat Umum yang dijalankan oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri, telah dibuat dalam bulan Mac 1983 menunjukkan bahawa KBSR adalah mendapat sokongan yang besar daripada orang ramai. Pada keseluruhannya lebih 80% orang ramai berpendapat bahawa KBSR adalah lebih baik untuk anak-anak mereka daripada cara pengajaran sebelum KBSR. Bagi 20% lagi dalam kajian itu sebenarnya tidak memberi sebarang pendapat dan tidak juga menggambarkan yang mereka tidak bersetuju dengan KBSR. Daripada 6,930 orang responden yang ditemu soal, seramai 5,511 telah menyatakan pendapat tersebut iaitu 4,669 bagi Semenanjung Malaysia dan 842 lagi bagi Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang Dipertua, setakat yang saya dapat terangkan tadi sahaja jelas menunjukkan kemajuan yang telah dicapai di sekolah-sekolah sejak sistem KBSR ini dilaksanakan.

PELAJARAN PERTOLONGAN CEMAS

40. Dato' G. Pasamanickam minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada pelajaran "Pertolongan Cemas" diajar di sekolah-sekolah sebagai salah satu mata pelajaran akademik sepertimana mata pelajaran-mata pelajaran yang lain.

Dato' Mohamed Khalil Yaakob: Pelajaran 'Pertolongan Cemas' tidak diajar di sekolah-sekolah secara formal seperti mata pelajaran-mata pelajaran yang lalu. Walau bagaimanapun, pelajaran pertolongan cemas ini dapat dipelajari oleh murid-murid melalui kegiatan-kegiatan seperti Persatuan Bulan Sabit Merah, Kelab dan Persatuan St. John Ambulan dan Pengakap yang terdapat di sekolah-sekolah.

KURSUS PENGAJIAN TAMIL

41. Tuan D. P. Vijandran minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau boleh menimbangkan cadangan untuk memberikan keistimewaan khas kepada pemohon-pemohon dari Kaum India yang mempunyai Kelulusan Prinsipal dalam mata pelajaran Tamil HSC agar membolehkan mereka membuat kajian dalam pengajian India serta membolehkan Jabatan Pengkajian India memberikan kursus kepada sebilangan besar pelajar-pelajar India.

Dato' Mohamed Khalil Yaakob: Syarat kemasukan pelajar-pelajar untuk mengikuti kursus-kursus Ijazah ke Universiti-universiti tempatan bergantung kepada kedudukan merit akademik keseluruhan di peringkat STP/STPM/HSC bagi seseorang calon yang berkenaan. Dalam kelulusan itu jika sekiranya seseorang calon itu mempunyai peringkat principal dalam Bahasa Tamil, maka ia bolehlah meneruskan pengajiannya dalam Kursus tersebut di Jabatan Pengajian Tamil.

DISIPLIN ANGGOTA PASUKAN KESELAMATAN

42. Puan Hajjah Hafsa Osman minta Perdana Menteri banyak berlaku perkara-perkara yang tidak diinginkan di kalangan anggota pasukan Polis Diraja Malaysia dan anggota Pasukan Tentera

yang sedikit sebanyak boleh menjejaskan imej pasukan Keselamatan kita seperti berjayanya tahanan-tahanan atau banduan melarikan diri, kejadian yang dilakukan oleh segolongan kecil dari Angkatan Tentera, penyalahgunaan dadah dan sebagainya, nyatakan:

- (a) Sama ada kajian telah dibuat untuk mengetahui sebab kejadian-kejadian seperti ini berlaku: dan
- (b) Langkah-langkah yang telah diambil untuk mengatasinya.

Perdana Menteri: Kerajaan memang sedar tentang beberapa kejadian yang tidak diingini seperti rasuah, kekerasan terlibat dalam penyalahgunaan dadah dan kurang patuh kepada disiplin telah berlaku di kalangan anggota pasukan tentera dan polis. Perkara ini hanya dilakukan oleh segelintir anggota sahaja.

Bagi pihak polis angka-angka kesalahan adalah seperti berikut:

Angka-angka kesalahan

Rasuah

Sejak tahun 1980 hingga 1982, seramai 96 anggota terlibat. Dari angka ini, seramai 45 orang dihukum oleh Mahkamah dan diambil tindakan tatatertib.

Dadah

Sejak tahun 1980 hingga 1982, seramai 150 orang terlibat. Dari angka ini seramai 113 telah dihukum di Mahkamah dan tatatertib di buang kerja.

Kekerasan

Sejak tahun 1980 hingga 1982, sebanyak 443 kes dilaporkan berlaku. Dari kes-kes ini, hanya sebanyak 40 kes sahaja disabit di Mahkamah dan diambil tindakan tatatertib. Lain-lain kes dalam siasatan, menunggu perbicaraan dan dibebaskan kerana tanpa bukti.

Tindakan ke atas anggota yang bertanggungjawab menyebabkan tahanan-tahanan lari.

Tahun	Kejadian tahanan Lain Keseluruhan	Dari Lokap Polis	Anggota dihukum Mahkamah dan Tatatertib
1980 ..	47	6	27
1981 ..	52	5	30
1982 ..	57	5	18

Setiap kejadian yang berlaku memang telah dibuat kajian dan siasatan yang rapi sebelum satu-tindakan dapat diambil. Sekiranya didapati anggota tersebut bersalah maka hukuman akan dikenakan.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Angkatan Tentera dan Pasukan Polis mempunyai peraturan-peraturan yang tersendiri dan setiap langkah yang diambil adalah berpandukan kepada peraturan-peraturan yang terkandung di dalam undang-undang pasukan. Angkatan tentera dan Pasukan Polis memang berkehendakkan taraf disiplin yang tinggi di kalangan anggota-anggotanya. Saya sedar anggota-anggota yang kurang disiplin akan menimbulkan gejala yang kurang baik kepada negara. Oleh hal yang demikian untuk memastikan mutu serta imej pasukan sentiasa terjaga, pihak berkenaan sentiasa mengawasi anggota-anggotanya dari melanggar peraturan yang sedia ada. Tindakan tatatertib dan hukuman berat dikenakan kepada anggota yang melakukan kesalahan.

SYARIKAT EDA/CARRIAN— PINJAMAN DARI BANK BUMIPUTRA

43. Dato' Yap Peng minta Menteri Kewangan menyatakan apakah hasil atau kemajuan dari siasatan yang beliau telah arahkan ke atas pinjaman yang diberikan oleh anak syarikat Bank Bumiputra di Hong Kong kepada

Syarikat Eda dan Carrian dan sama ada Kerajaan akan mengadakan satu kertas putih mengenai perkara tersebut.

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Penyiasatan yang dibuat oleh Bank Negara menunjukkan ada pinjaman-pinjaman besar telah diberikan kepada syarikat-syarikat tertentu di Hong Kong yang jumlahnya, pada pendapat Bank Negara, telah melebihi batas cermat yang lazim diamalkan oleh Bank.

Pengaudit-pengaudit luar juga telah selesai menjalankan audit dan hasil operasi kumpulan bank ini telah pun diumumkan di dalam laporan tahunan yang disiarkan baru-baru ini. Walau bagaimanapun, saya dinasihatkan bahawa syarat-syarat rahsia yang terkandung di dalam Ordinan Bank Pusat dan Akta Bank tidak mengizinkan saya membincangkan urusan pelanggan individu dari mana-mana bank.

Pihak Pengurusan Bank Bumiputera telah dan sedang giat berusaha memperbaiki serta memperkukuh kedudukan bank ini bersabit dengan pinjaman-pinjaman yang menjadi masalah sekarang ini. Saya diberitahu bahawa pinjaman kepada tiga kumpulan, iaitu Carrian, Eda dan Kevin Hsu, adalah sebahagian daripada operasi biasa yang dijalankan oleh Syarikat kewangan itu di Hong Kong, pinjaman-pinjaman telah diluluskan oleh pihak pengurusan syarikat itu, dan masalah-masalah yang berkenaan dengan pinjaman-pinjaman ini adalah akibat dari keadaan pasaran yang kurang baik dan kemerosotan harga harta-harta yang tidak disangka-sangka di Hong Kong.

Kerugian-kerugian yang sebenar dari akaun-akaun tersebut tidak dapat dipastikan ketika ini, dan ikhtiar sedang dijalankan oleh pihak pengurusan bank ini untuk mendapatkan kembali wang yang

dipinjamkan itu. Peruntukan telah pun dibuat oleh kumpulan Bank Bumiputera dan akan dilaksanakan secermat-cermat yang dikehendaki. Kedudukan Bumiputra Malaysia Finance dan Bank Bumiputra adalah tegap seperti yang ternyata di dalam akaun tahunan kumpulan Bank Bumiputra yang telah diaudit bagi tahun kewangan yang berakhir pada 31hb Disember, 1982, yang telah diumumkan baru-baru ini.

Sekiranya ada bukti menunjukkan ada penyelewengan, maka tindakan akan diambil terhadap sebarang pegawai dari syarikat kewangan tersebut ataupun dari Bank Bumiputra oleh pihak berkuasa yang berkenaan.

Pada pendapat saya tidak perlu diadakan Kertas Putih mengenai hal ini.

Nota

1. Section 16 of Central Bank of Malaysia Ordinance, 1958 berbunyi:

“Except for the purpose of the performance of his duties or the exercise of his functions or when lawfully required to do so by any court or under the provisions of any law, no director, officer, or employee of the Bank, shall disclose to any person any information relating to the affairs of the Central Bank or of a bank or of a customer of the Central Bank or of a bank which he has acquired in the performance of his duties or the exercise of his functions.”

2. Seksyen 36, Akta Bank 1973 berbunyi:

36. (1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam seksyen 33 dan 34, tiada apa-apa jua dalam Akta ini boleh memberikuasa kepada Menteri mengarahkan Bank Negara atau

boleh memberikuasa kepada Bank Negara menyiasat dengan tertentu mengenai hal ehwal mana-mana pelanggan perseorangan sesuatu bank berlesen dan apa-apa maklumat yang bersampingan mengenai hal ehwal pelanggan perseorangan itu yang diperolehi oleh Bank Negara dalam pemeriksaan atau penyiasatan yang dibuat oleh Bank Negara di bawah peruntukan-peruntukan Akta ini hendaklah menjadi rahsia antara Bank Negara dan bank itu; dengan syarat bahawa tiada apa-apa jua dalam seksyen ini boleh disifatkan sebagai penyekat apa-apa kuasa yang diberi kepada Mahkamah Tinggi atau seseorang Hakimnya oleh Akta Buku Bank (Keterangan), 1949 atau melarang pematuhan sesuatu perintah yang dibuat di bawah Akta itu.

GURU SEMENTARA

44. Tuan Haji Shahrom bin Haji Maasom minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) jumlah guru sementara yang masih berkhidmat sehingga sekarang ini;
- (b) sama ada guru-guru sementara yang sudah berkhidmat lebih dari 2 tahun dan mempunyai sekurang-kurangnya kelayakan SPM akan diserapkan ke jawatan tetap; atau
- (c) sama ada satu rancangan khas akan diadakan untuk memberi latihan perguruan kepada mereka yang berkelayakan seperti (b) di atas.

Dato' Mohamed Khalil Yaakob

- (a) Apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat itu ialah guru sandaran tanpa latihan ikhtisas yang mana bilangannya di

seluruh negara seperti 15-3-1983 adalah seramai 7,358 orang.

- (b) Rancangan untuk menyerap guru-guru tersebut yang telah berkhidmat lebih daripada 2 tahun dan yang mempunyai sekurang-kurangnya kelayakan Sijil Pelajaran Malaysia tidak akan dilakukan kerana mereka ini tidak mempunyai kelayakan ikhtisas.
- (c) Buat masa sekarang Kementerian Pelajaran tidak bercadang untuk memberi latihan perguruan sebagai satu rancangan khas kepada guru-guru yang saya nyatakan sebentar tadi.

PETRONAS—KILANG PENAPIS MINYAK

45. Tuan Loh Kee Peng minta Perdana Menteri menyatakan bilakah kerja pembinaan kilang penapis minyak PETRONAS yang dicadangkan di Tanjung Kling, Melaka, akan dimulakan dan bilakah pembinaan ini dijangka siap.

Datuk Dr James Peter Ongkili: Projek kilang penapisan Melaka pada ketika ini masih lagi di dalam pertimbangan memandangkan keadaan ekonomi negara.

KURIKULUM BARU SEKOLAH RENDAH—PELAKSANAAN

46. Tuan K. Kumaran minta Menteri Pelajaran menyatakan persiapan yang sedang dibuat oleh Kementerian Pelajaran untuk melaksanakan programme KBSR di peringkat Tahun III (Percubaan) dan Tahun II di seluruh negara pada tahun 1984. Nyatakan sama ada buku-buku panduan dan sumber telah siap dicetak dalam semua bahasa bagi tujuan tersebut di atas pada tahun 1984.

Dato' Mohamed Khalil Yaakob:

Segala persiapan bagi pelaksanaan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) untuk tahun 1984, yang melibatkan murid-murid Tahun 3 di 302 buah sekolah pelaksanaan terhadap dan murid-murid Tahun 2 di semua sekolah-sekolah rendah telah pun sampai di peringkat akhir. Setengah daripada buku-buku panduan telah siap dicetak manakala setengah yang lain dalam proses percetakan dan dijangka akan siap sedikit masa lagi. Adalah dijangka semua bahan-bahan guru dan murid akan siap dan dapat dihantar ke semua sekolah berkenaan sebelum sekolah dibuka pada tahun 1984.

IN-HOUSE UNIONS—DASAR

47. Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan minta Menteri Buruh menyatakan apakah dasar Kerajaan sebenarnya terhadap "In-House Union".

Dato' Mak Hon Kam: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu, penubuhan kesatuan-kesatuan sekerja dalam syarikat (in-house unions) bukanlah satu perkara yang baru malahan ianya telah lama wujud di negara kita. Setakat ini terdapat 170 buah kesatuan sekerja seumpama ini yang telah didaftarkan dengan keahliannya seramai 150,373 orang dan didapati kesatuan-kesatuan sekerja ini telah berjalan secara aktif sejak beberapa tahun yang lalu.

Kerajaan sekarang ini memberi penekanan baru dengan menggalakkan penubuhan kesatuan sekerja dalam syarikat oleh kerana Kerajaan percaya ianya akan meningkatkan lagi daya pengeluaran serta kecekapan dan juga memupuk semangat taat setia kepada pekerjaan serta mengeratkan lagi kerjasama bagi menjamin keharmonian perhubungan perusahaan.

ISU PALESTIN

48. Dato G. Pasamanickam minta Menteri Luar Negeri menyatakan sejauh mana Isu Palestin yang merupakan topik utama sekarang ini telah dapat diselesaikan oleh Bangsa-bangsa Bersatu.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Soal Palestin ini masih lagi belum dapat diselesaikan oleh Bangsa-bangsa Bersatu oleh sebab beberapa perkara tertentu. Untuk memahami perkara ini, perlu kita mengetahui latarbelakang perkara ini. Rengkasnya, apabila Britain menamatkan mandate 'League of Nations' dan menyerahkan mandate ini kepada Bangsa-bangsa Bersatu dan pihak British berundur diri, akibatnya sebuah negara yang dikenali Israel ditubuhkan manakala wilayah Arab Palestin ditinggalkan begitu saja. Bangsa-bangsa Bersatu yang ketika (1948) baru berusia 2 tahun adalah masih lemah dan tidak melaksanakan keputusan Revolusi 181 (II) yang mana telah menetapkan penubuhan negara, satu bagi Yahudi dan satu lagi bagi Arab Palestin.

Berikutan dengan ini, usaha-usaha ke arah penubuhan sebuah negara Arab Palestin tidak diendahkan, terutama oleh kuasa-kuasa besar yang mempengaruhi Bangsa-bangsa Bersatu. Soal Palestin ini, dengan ini, sengaja dianggap sebagai isu orang-orang pelarian saja oleh kuasa-kuasa besar. Dalam perkataan, Bangsa-bangsa Bersatu daripada tahun 1952 hingga tahun 1966 hanya membincangkan soal Palestin ini sebagai masalah orang-orang pelarian Palestin saja dan telah mengenepi dan melupakan Resolusi 131 (II).

Itulah sebabnya mengapa Bangsa-bangsa Bersatu tidak dapat menyelesaikan soal penubuhan sebuah negara yang merdeka dan berdaulat bagi Palestin.

Bagi pihak Malaysia, semenjak tahun 1969 lagi iaitu di Sidang Kemuncak negara Islam di Rabat dan Perhimpunan Agong PBB pada tahun 1970, kita telah berusaha untuk mendapat perhatian dunia bahawa isu ini bukanlah masalah orang pelarian, tetapi satu masalah hak asasi sesuatu rakyat yang berdaulat. Kita juga telah menekankan supaya Bangsa-bangsa Bersatu memainkan peranan, utama terutama penubuhan sebuah negara yang berdaulat bagi rakyat Palestin.

Satu Program Tindakan telah dihasilkan di Persidangan di Kuala Lumpur baru-baru ini. Program ini merupakan satu jentera yang konkrit ke arah penyelesaian masalah Palestin dengan mengemukakan cara-cara rakyat Palestin boleh mendapatkan kembali hak-hak asasi mereka dan kembali ke tanah air mereka untuk menubuhkan sebuah negara yang merdeka dan berdaulat berasaskan Piagam Bangsa-bangsa Bersatu dan Undang-undang Antarabangsa. Di bawah Program Tindakan ini, pihak Bangsa-bangsa Bersatu diminta mengambil alih kuasa terhadap tanah Arab Palestin itu dan memerintah buat sementara sebelum dikembalikan kepada rakyat Palestin. Dalam masa peralihan ini, Bangsa-bangsa Bersatu akan menubuhkan institusi-institusi berikut:

- (i) memastikan pengunduran Israel;
- (ii) menjamin keselamatan dan hak-hak rakyat Palestin;
- (iii) mentadbirkan wilayah-wilayah ini;
- (iv) memberi kemudahan kepada rakyat Palestin untuk kembali; dan
- (v) mengawasi satu pemilihan 'Constituent Assembly'.

Kesemua langkah-langkah di atas, hendaklah dilaksanakan dengan pengawasan pasukan pengaman Bangsa-bangsa Bersatu sendiri.

Rengkasnya, Program Tindakan ini bertujuan melibatkan Bangsa-bangsa Bersatu dengan sepenuhnya dalam menyelesaikan soal Palestin ini. Sebagaimana yang dinyatakan di awal-awal tadi, di mana Bangsa-bangsa Bersatu telah dipertanggungjawabkan pada tahun 1947 untuk menubuhkan sebuah negara Arab Palestin, maka adalah menjadi tanggungjawab Bangsa-bangsa Bersatu untuk menyelesaikan soal Palestin ini, dan tidak akan dapat diselesaikan dengan lain-lain cara apa juga sekalipun.

Persidangan di Kuala Lumpur telah mengemukakan satu Program Tindakan kepada Bangsa-bangsa Bersatu yang akan menjadi asas yang konkrit dan menasabah untuk menyelesaikan soal Palestin ini yang tidak pernah wujud sejak tahun 1948.

PERMOHONAN KEWARGA- NEGARAAN MENERUSI BORANG 'C'

49. Tuan M. K. Muthusamy minta Menteri Dalam Negeri menyatakan mengapa permohonan kewarganegaraan yang dibuat menerusi borang 'C' untuk mendapatkan minor citizenship ditolak memandangkan bahawa permohonan itu adalah satu hak dan bukan budibicara Kementerian.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Permohonan Kewarganegaraan Malaysia di bawah Perkaranya 15 (3) yang menggunakan borang 'C' yang memenuhi syarat-syarat seperti yang ditetapkan dalam Perlembagaan Malaysia adalah berhak untuk mendapatkan Kewarganegaraan Malaysia. Namun demikian, ini tidak bermakna tiap-tiap permohonan yang dibuat di bawah perkara tersebut berhak mendapatkan taraf kewarganegaraan. Pemberian taraf kewarganegaraan hanya diberi jika Kerajaan berpuashati bahawa pemohon benar-benar memenuhi syarat-syarat seperti yang ditetapkan

oleh Perlembagaan Malaysia. Untuk menentukan bahawa seseorang pemohon itu memenuhi syarat-syarat tersebut. Kementerian perlu meneliti dan mengesahkan kebenaran setiap maklumat dan keterangan bertulis yang diberikan oleh pemohon. Kerajaan menggunakan budibicara hanya untuk menentukan kepastian sesuatu maklumat atau dokumen yang dibekalkan oleh pemohon sebelum keputusan dibuat terhadap permohonan berkenaan.

SETINGGAN—RANCANGAN PENEMPATAN SEMULA

50. Tuan D.P. Vijandran minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa penghuni-penghuni setinggan diberikan notis yang paling singkat untuk merobohkan rumah-rumah mereka yang mana membawa kerisauan dalam kalangan mereka dan apakah dasar Kerajaan dalam hal merobohkan setinggan ini.

Menteri Wilayah Persekutuan (Dato' Shahrir bin Abdul Samad): Rancangan penempatan semula setinggan-setinggan di Wilayah Persekutuan ini adalah salah satu perkara yang amat diambil berat oleh Kementerian saya. Kerajaan sedar bahawa untuk memindahkan setinggan-setinggan terutama mereka yang telah menetap di satu kawasan/tempat sejak bertahun-tahun lagi merupakan satu perkara rumit dan hendaklah dilaksanakan secara berperingkat-peringkat lagi teliti. Walau bagaimanapun, rancangan penempatan atau pemindahan semula setinggan-setinggan di Kuala Lumpur ini adalah perlu untuk melaksanakan beberapa projek Kerajaan untuk rakyat.

Pemindahan setinggan-setinggan daripada tanah-tanah Kerajaan di Wilayah Persekutuan dilaksanakan hanya apabila Kerajaan memerlukan

tanah tersebut untuk projeknya yang tertentu. Apabila sesuatu tapak tanah telah ditetapkan:

- (i) Satu banciaan dibuat untuk mendapatkan butir-butir penghuni rumah-rumah setinggan. Kebiasaannya bancia dilakukan tiga bulan sebelum tarikh tapak itu diperlukan untuk projek berkenaan. Hasil selidikan akan disemak berpandukan daftar banciaan yang telah dibuat pada tahun 1978 (daftar banciaan pertama).
- (ii) Mereka yang terlibat diberi notis untuk berpindah dalam tempoh satu bulan sebelum tarikh tapak berkenaan dikehendaki untuk dikosongkan.
- (iii) Perbincangan diadakan dua minggu sebelum tempoh pemindahan. Ini bertujuan antara lain untuk memberitahu:
 - (a) tujuan tapak kawasan digunakan;
 - (b) urusan tawaran rumah pangsa/rumah sementara (rumah panjang);
 - (c) urusan pemindahan persekolahan kanak-kanak;
 - (d) urusan pengangkutan.
- (iv) Pelaksanaan pemindahan sebenar dan tindakan merobohkan rumah-rumah yang ditinggalkan kosong.

Notis pemindahan bagi mereka yang terlibat diberikan selama satu bulan. Tempoh tersebut adalah difikirkan sesuai oleh kerana daripada pengalaman Kerajaan sekiranya notis terlalu lama ia akan menimbulkan berbagai masalah yang lain.

RANG UNDANG-UNDANG RANG UNDANG-UNDANG PATEN

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.44 ptg.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Oo Gin Sun): Tuan Yang Dipertua, saya mohon cadangkan bahawa Rang Undang-undang Paten 1983 dibaca kali yang kedua.

Tuan Yang Dipertua, Paten ialah suatu perkara di bawah "Federal List" dalam Jadual Kesembilan kepada Perlembagaan Negara. Pada masa sekarang ada tiga undang-undang berkenaan Paten yang dikuatkuasakan iaitu "Registration of United Kingdom Patents Act 1951" (Revised 1978) untuk Semenanjung Malaysia, "Registration of United Kingdom Patents Ordinance Chapter 124" untuk Sabah dan "Registration of United Kingdom Patents Ordinance Chapter 61" untuk Sarawak. Kedua-dua undang-undang yang berkuatkuasa di Sabah dan Sarawak telah dijadikan undang-undang Federal apabila Malaysia ditubuhkan dan kemudian dipinda untuk melanjutkan kuasa-kuasa Menteri Persekutuan kepada kedua-dua negeri tersebut dalam hal Paten.

Tuan Yang Dipertua, Paten adalah suatu hak yang diberi kepada pencipta-pencipta sesuatu barang atau proses yang baru. Buat masa ini semua tuanpunya Paten yang inginkan perlindungan di negara ini dikehendaki terlebih dahulu membuat permohonan di pejabat Paten di United Kingdom. Proses pemeriksaan dan carian (examination and search) akan dikenakan ke atas semua permohonan bagi menentukan keaslian semua ciptaan-ciptaan yang ingin didaftarkan. Proses carian ini adalah dibuat mengikut kelas tertentu bagi ciptaan-ciptaan tersebut. Ini ialah untuk

menentukan bahawa barang atau proses yang baru dicipta itu betul-betul ciptaan baru dan boleh digunakan bagi industri-industri tertentu. Peraturan ini bukan sahaja memakan masa yang panjang tetapi juga memerlukan perbelanjaan yang banyak. Nyatalah peraturan ini tidak memuaskan dan cara ini juga tidak menggalakkan pengusaha-pengusaha tempatan dan juga asing untuk berminat bagi menjalankan aktiviti mencipta rekacipta di negara ini. Ini merugikan negara kita oleh kerana tidak berusaha mengeluarkan teknologi sendiri dan terpaksa mengimport teknologi yang mahal dari luar negeri. Teknologi yang diimport kadangkala tidak beberapa sesuai untuk digunakan di negara ini. Sistem pentadbiran Paten di Malaysia adalah kurang memuaskan kerana:

- (a) ada tiga sistem pendaftaran yang berasingan termasuk tiga daftar berasingan untuk Paten yang disimpan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak di bawah undang-undang Paten masing-masing; dan
- (b) untuk mendapatkan perlindungan Paten bagi seluruh Malaysia seseorang itu terpaksa membuat tiga permohonan berasingan di bawah tiga undang-undang dan ini menyebabkan kesusahan kepada si pemohon.

Tuan Yang Dipertua, dengan adanya beberapa kekurangan yang terdapat di dalam Peraturan-peraturan serta keadaan yang tidak memuaskan itu, dan selaras dengan hasrat negara-negara yang sedang membangun inginkan kemajuan teknologi yang sama taraf dengan negara-negara maju, suatu Jawatankuasa telah ditubuhkan yang dianggotai oleh wakil-wakil dari Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Majlis Penyelidikan dan Kemajuan Sains Negara Institiut

Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM). Peguam Negara dan beberapa Bahagian yang terlibat dengan teknologi dan paten di Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Kajian yang teliti telah dibuat oleh ahli-ahli Jawatankuasa ini untuk menyediakan Rang Undang-undang ini. Panduan-panduan dari beberapa Akta Paten yang sedia ada seperti Undang-undang Paten United Kingdom, Australia, Sri Lanka, Thailand dan Jepun telah juga dikaji. Pandangan dan pendapat badan antarabangsa yang bertanggungjawab ke atas Paten yakni World Intellectual Property Organisation (WIPO) telah diperolehi. Begitu juga pendapat sektor swasta yang berminat tentang Paten telah diperolehi.

Tuan Yang Dipertua, Rang Undang-undang Paten, 1983 ini, mengandungi peruntukan-peruntukan yang sesuai dan praktikal untuk dilaksanakan. Di samping itu juga ia mengekalkan prinsip-prinsip asas pendaftaran perlindungan dan amalan-amalan Paten yang terdapat di semua Akta Paten yang ada di negara-negara lain. Rang Undang-undang ini adalah juga bertujuan untuk:

- (a) menyatukan dan menyamakan ketiga-tiga undang-undang Paten yang ada sekarang yang berkuatkuasa di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak dengan diwujudkan satu undang-undang sahaja;
- (b) mengadakan suatu sistem Pendaftaran Pusat untuk Paten di mana suatu pendaftaran sahaja akan memberi perlindungan dan hak di seluruh negara kepada sesuatu permohonan yang telah diluluskan;
- (c) menubuhkan Pejabat Pendaftaran Paten di Kuala Lumpur yang juga urusetia Lembaga Paten seperti yang

disebutkan di bawah Akta ini. Pejabat Pendaftaran Paten akan mengadakan perkhidmatan maklumat Paten di mana orang awam boleh mendapatkannya dengan cara membayar fee.

- (d) menghapuskan peruntukan-peruntukan yang berbentuk kolonial di mana pendaftaran terpaksa diperolehi di pejabat Paten di United Kingdom yang sudah menjadi "lapuk" dan tidak sesuai atau menasabah di zaman ini, di samping mengadakan peruntukan-peruntukan baru yang sesuai dengan aliran-aliran sekarang tentang pendaftaran Paten.

Di antara peruntukan-peruntukan yang penting di dalam Rang Undang-undang ini ialah seperti berikut:

Bahagian II (Seksyen 4-7)

Lembaga Paten

Bahagian ini memperuntukkan penubuhan Lembaga Paten. Anggotanya akan dilantik oleh Menteri. Menteri juga diberi kuasa melantik anggota silihganti bagi menggantikan mana-mana anggota Lembaga yang tidak dapat menghadiri mesyuarat. Tujuan penubuhan Lembaga Paten ini ialah menjalankan tugas-tugas tertentu dan menasihatkan Menteri mengenai perkara-perkara berhubung dengan Akta ini. Dengan adanya Lembaga Paten ini semua kelulusan akan dapat dibuat dengan adilnya oleh kerana pertimbangan akan dibuat oleh anggota yang datang dari berlainan agensi dan bidang tugas.

Bahagian III (Seksyen 8-10):

Pentadbiran

Peruntukan-peruntukan di bawah bahagian ini adalah mengenai pentadbiran. Menteri diberi kuasa melantik seorang Pendaftar Paten yang akan menguruskan segala perkara yang berhubung dengan Paten. Dalam

hal ini Menteri boleh memberi kepada Pendaftar apa-apa arahan yang selaras dengan peruntukan-peruntukan Akta mengenai perjalanan dan pelaksanaan kuasa dan fungsi berhubung dengan Akta ini. Menteri diberi kuasa melantik beberapa orang Timbalan Pendaftar Paten dan beberapa orang Penolong Pendaftar Paten untuk membantu Pendaftar menguatkuasakan peruntukan-peruntukan Akta ini.

Bahagian IV, V dan VI (Seksyen II-35);

Rekacipta-rekacipta Paten, Hak-hak Paten Permohonan, Prosidur Bagi Pemberian dan tempoh masa Paten.

Ketiga-tiga Bahagian ini memperuntukkan aspek-aspek teknikal dari rekacipta-rekacipta yang boleh dianggap sebagai Paten dan rekacipta-rekacipta yang boleh dianggap sebagai Paten. Hak-hak Paten adalah dipunyai oleh perekacipta dan boleh dipunyai dengan bersendirian atau dengan orang lain (joint-owners) dan peruntukan cara bagaimana orang-orang boleh membuat permohonan Paten dan cara-cara Paten tersebut boleh dipunyai. Bahagian VI pula memperuntukkan cara permohonan, prosidur pemberian Paten dan tempoh masa Paten. Menteri diberi kuasa untuk membuat peraturan-peraturan untuk tujuan tersebut. Bayaran adalah dikenakan bagi tiap-tiap permohonan. Tugas memproses permohonan adalah di tangan Pendaftar. Kuasa-kuasa diberi kepada Pendaftar bagaimana tugas-tugas memproses permohonan tersebut harus dilakukan. Kuasa sama ada pemberian diluluskan atau tidak adalah juga di tangan Pendaftar. Tuan Yang Dipertua, dalam menjalankan tugas-tugas tersebut Pendaftar dikehendaki menyelenggarakan satu daftar yang dipanggil—Daftar Paten dalam mana semua pemberian Paten

akan direkodkan mengikut susunan pemberian, dengan menetapkan bilangan Paten, nama dan alamat si pemohonnya dan sebagainya. Tempoh masa Paten ialah selama 15 tahun bagi permohonan yang dipohon di bawah Akta ini dan 20 tahun bagi permohonan yang buat di bawah Undang-undang yang dimansuhkan.

Bahagian VII (Seksyen 36-38):

Hak-hak Pemunya Paten

Peruntukan di bahagian ini menerangkan apa-apa hak-hak dan pembatasan terhadap hak-hak tersebut. Pemunya sesuatu Paten adalah diberi hak-hak eksklusif:

- (i) untuk mengeksploit rekacipta;
- (ii) untuk menyerahkan hak;
- (iii) untuk memindah Paten itu; dan
- (iv) mengujudkan kontrak-kontrak lesen (licence contracts).

Tuan Yang Dipertua, seterusnya di Bahagian VIII, IX dan X diperuntukkan cara-cara bagaimana penyertaan dan pemindahan Paten-paten dibuat dan Pendaftar diberi kuasa untuk menentukan sama ada permohonan diluluskan atau tidak. Bagi kontrak-kontrak lesen pula, Menteri diberi kuasa membuat peraturan-peraturan tertentu bagi membolehkan lesen-lesen tersebut dimasukkan ke dalam Daftar Paten. Kuasa meluluskan atau sebaliknya diberi kepada Pendaftar. Begitu juga dengan peruntukan yang menerangkan apa yang dimaksudkan dengan 'compulsory licence' dan cara bagaimana seseorang itu boleh mendapatkan 'compulsory licence' di bawah Akta ini. Kuasa membuat peraturan adalah diberi kepada Menteri sementara kuasa untuk meluluskan atau sebaliknya diberi kepada Pendaftar.

Bahagian XI (Seksyen 55-57)

Penyerahan dan Pembatalan Paten

Tuanpunya Paten boleh menyerahkan hak-hak Paten dan bagaimana hak-hak tersebut boleh dibatalkan adalah diperuntukkan di dalam Bahagian ini. Penyerahan adalah dibuat kepada Pendaftar dan Pembatalan pula adalah melalui Mahkamah Tinggi atas permohonan seseorang yang haknya dilanggar.

Seterusnya Bahagian XII memperuntukkan perkara-perkara yang boleh melanggar hak-hak tuanpunya Paten.

Tuanpunya Paten boleh mengambil tindakan Mahkamah terhadap sesiapa yang melanggar hak-haknya sebagai tuanpunya Paten. Mahkamah boleh memberi pampasan kepada tuanpunya dan mengenakan "injunction" terhadap orang yang telah melanggar hak-hak tersebut. Bahagian XIII pula memperuntukkan kesalahan-kesalahan yang diwujudkan di dalam Akta ini. Hukuman kepada kesalahan adalah denda tidak melebihi \$15,000/- atau penjara tidak lebih dari dua tahun atau kedua-duanya sekali.

Bahagian XIV seterusnya memperuntukkan kuasa berhubung dengan Penguatkuasaan. Menteri adalah diberi kuasa oleh Akta ini untuk memberi kuasa bertulis kepada mana-mana pegawai awam untuk menjalankan kuasa-kuasa di bawah Akta ini. Di antara kuasa-kuasa yang boleh dijalankan oleh pegawai-pegawai awam yang diberi kuasa oleh Menteri ialah:

- (a) kuasa untuk menangkap, tanpa waran;
- (b) mengelidah (search) rumah kediaman, kedai, bangunan-bangunan dan sebagainya. Tetapi kuasa ini hanya boleh dilakukan setelah mendapat waran daripada Majistret;

(c) kuasa membuat penyiasatan yang sama seperti diberi kepada pegawai-pegawai polis di bawah Kanun Acara Jenayah;

(d) kuasa untuk menjalankan pendakwaan adalah juga diperuntukkan ini supaya kesalahan-kesalahan di bawah Akta ini dibicarakan di Mahkamah Rendah. Ini bermakna perbicaraan boleh dilakukan di Mahkamah Majistret atau Mahkamah Tengah.

Bahagian yang terakhir sekali iaitu Bahagian XV memperuntukkan perkara-perkara am termasuk hak-hak Kerajaan di seksyen 84 di mana diperuntukkan sama ada Kerajaan Persekutuan atau Negeri atau Kementerian atau Jabatan Kerajaan atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Kerajaan mempunyai hak untuk menggunakan hak-hak yang didaftar paten tanpa melanggar apa-apa peruntukan di dalam Akta ini.

Seksyen 87 memberi kuasa kepada Menteri untuk membuat apa-apa peruntukan peraturan-peraturan yang perlu untuk memastikan kehendak-kehendak Akta ini dapat dijalankan dengan sempurna.

Sementara seksyen 88 membuat peruntukan untuk rayuan oleh seseorang yang tidak berpuas hati terhadap keputusan atau perintah-perintah Pendaftar.

Bagi mengakhiri ucapan saya, inginlah saya menegaskan bahawa sudah sampai masanya bagi negara ini untuk mewujudkan Undang-undang Paten, peraturan dan pentadbiran Paten kita sendiri semoga penciptaan teknologi mesin dan proses di dalam negeri dapat digalakkan.

Saya berharap ahli-ahli saintis Malaysia dan pencipta-pencipta menyahut seruan Kerajaan untuk mencipta teknologi yang indigenous bagi Malaysia.

Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Pertanian (Dr Goh Cheng Teik): Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang Dipertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi membuat peruntukan yang lebih baik dalam undang-undang berhubungan dengan paten dan bagi perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

4.04 ptg.

Tuan Haji Latip bin Haji Dris: Tuan Yang Dipertua, saya bercakap dengan seberapa ringkas dan mengalu-alukan Rang Undang-undang ini. Saya berpendapat bahawa kita juga sudah terlambat, sepatutnya sudah lama Rang Undang-undang ini diaktakan memandangkan kepentingan negara dan bangsa kita yang sedang giat membangun khususnya di bidang ekonomi. Dalam pada itu saya berharap pihak yang bertanggungjawab atas Rang Undang-undang ini patutlah berhati-hati supaya paten ataupun penciptaan paten hendaklah berunsur ala Malaysia. Dengan adanya Rang Undang-undang ini dapat menjauhi daripada cetakrompak atas barang-barang yang tertentu menggunakan paten tiruan.

Selain daripada itu memandangkan keadaan negara kita sekarang masih banyak lagi mengimport barang-barang daripada negara lain dengan berbagai-bagai patennya lebih-lebih lagi di dalam bidang perniagaan yang sentiasa berasingan untuk mendapat pasaran, sudah tentu pihak yang bertanggungjawab mencari jalan dan memikirkan untuk membuat cetakrompak atau paten-paten barang yang mendapat perhatian umum atau paten-paten baharu sesuai dengan zaman sekarang. Saya yakin Pendaftar

mahu pun Ahli-ahli Lembaga Paten ini adalah terdiri daripada orang-orang berkebolehan dan pengalaman serta sanggup berkhidmat bagi kepentingan negara dan bangsa untuk melicinkan pentadbiran seperti dikehendaki oleh Akta ini.

Tuan Yang Dipertua, saya yakin dan percaya bahawa masalah pendaftaran dan ahli-ahli Lembaga Paten ini mengikut apa yang ditentukan oleh Undang-undang ini mengenai bilangannya, walaupun demikian Rang Undang-undang ini juga mengikut pandangan saya secara tidak langsung melibat semua negeri dalam Malaysia. Oleh itu, adalah bagi Yang Berhormat Menteri yang berkenaan melantik Ahli-ahli Lembaga daripada semua negeri ataupun hanya orang-orang yang tertentu sahaja. Saya berharap dengan kelulusan Rang Undang-undang ini paten-paten yang dikeluarkan oleh negara kita yang masih muda dan sedang membangun di dalam berbagai bidang ekonomi berasaskan Dasar Ekonomi Baru supaya dapat menambahkan lagi anak-anak bumiputera dalam lapangan perusahaan. Saya berharap perlantikan Penolong atau Pembantu Pendaftar Paten itu nanti salah satu negeri Sarawak mahupun Sabah sepatutnya ada mewakili di dalam Lembaga itu.

Pada akhirnya, Tuan Yang Dipertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini.

4.08 ptg.

Tuan Jaafar bin Harun: Tuan Yang Dipertua, saya bangun dengan izin bercakap sepetah dua mengambil bahagian dalam Rang Undang-undang Paten 1983 ini.

Tuan Yang Dipertua, saya mengucapkan setinggi tahniah kepada Kerajaan kita khasnya kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Dr Mahathir bin Mohamad, Perdana

Menteri kita yang telah mengemukakan Rang Undang-undang ini pada Dewan bagi dibincang untuk diluluskan.

Tuan Yang Dipertua, memandangkan negara kita yang sedang pesat membangun ini sementalahan pula sedang dan akan menubuhkan lagi beberapa perindustrian, kilang-kilang apatah lagi kita sedang menuju ke arah kemunculan perindustrian pengeluaran kereta buatan kita sendiri, maka Rang Undang-undang Paten ini memang sudah sewajarnya diwujudkan untuk dilaksanakan.

Tuan Yang Dipertua, Rang Undang-undang Paten 1983 yang memberi perlindungan di atas satu-satu ciptaan yang dihasilkan oleh pencipta-pencipta memang sewajarnya mendapat sokongan dari semua pihak kerana Rang Undang-undang ini merupakan jaminan ke atas hakcipta pencipta supaya tidak dirompakguna oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab dan mementingkan diri sendiri. Jadi, saya berpendapat Rang Undang-undang ini dibuat pada saat negara kita menggalakkan pengusaha-pengusaha mengeluarkan barang-barang ciptaan Malaysia yang berasaskan bahan-bahan tempatan untuk pasaran tempatan pada mulanya dan akhirnya dieksport keluar negeri.

Dengan berkuatkuasanya Undang-undang Paten ini nanti pengusaha-pengusaha luar negeri juga tidak ragu-ragu yang ciptaan-ciptaan mereka boleh dibuat di negeri ini kerana mereka mendapat perlindungan undang-undang yang wajar. Ini akan menarik lebih ramai lagi pelabur-pelabur luar negeri ke negara kita Malaysia ini. Saya juga percaya, iaitu karyawan muda, ahli profesional dan pencipta-pencipta sama ada keluaran pusat-pusat pengajian tinggi tempatan atau seberang laut akan mengambil kesempatan untuk memperkenalkan barang ciptaan mereka di negara kita

ini. Ini disokong oleh kos buruh yang murah dan bahan mentah yang banyak mewujudkan iklim pelaburan yang menggalakkan.

Tuan Yang Dipertua, penyebaran berhubung dengan Undang-undang Paten ini juga mestilah diambil kira supaya ianya dapat mendorong sama ada pelabur-pelabur luar negeri atau pencipta-pencipta kita yang ada dan terlibat di luar negeri melabur di negeri ini. Tanpa pengetahuan dan kefahaman yang sepatutnya kepada pelabur luar negeri, maka iklim pelaburan tidak akan menjadi lebih baik lagi. Walau bagaimanapun, bidang kuasa Undang-undang Paten ini patutlah diperluaskan, kreatif seni umpamanya dalam apa bentuk jua pun patut mendapat perlindungan yang menyeluruh sama ada mengguna atau memasarkan hasil-hasil seni ciptaan seniman-seniman kita. Sumbangan mereka juga patut mendapat penghargaan yang setimpal dengan nilai seni yang dilahirkannya.

Tidak dapat dinafikan seniman kita juga turut menyumbangkan terhadap kemajuan negara. Walaupun sumbangan mereka terhad kepada nilai-nilai seni, tetapi unsur-unsur seni ini jika diberi perhatian yang wajar boleh menolong negara kita dalam pembentukan identiti kebangsaan yang bakal kita wariskan kepada generasi yang akan datang. Oleh itu sewajarnya pihak Kerajaan kita melalui Kementerian tertentu patut mengambil perhatian yang serius terhadap pertumbuhan seni di negara kita ini supaya ianya berkembang menuju lunas-lunas yang dikehendaki oleh negara.

Oleh itu, Tuan Yang Dipertua, saya menyokong Rang Undang-undang Paten ini diluluskan.

4.13 ptg.

Tuan Loo Swee Mok: Tuan Yang Dipertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam

perbahasan Rang Undang-undang Paten 1983, terutama sekali saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian yang berkenaan atas usahanya untuk mengemukakan Rang Undang-undang ini. Ini adalah satu lagi bukti bahawa Kerajaan Barisan Nasional akan terus melaksanakan undang-undang demi kebaikan masyarakat dan negara.

Rang Undang-undang ini telah dirangka untuk memudahkan pendaftaran rekacipta. Pada masa-masa yang lampau pencipta-pencipta perlu mendaftarkan rekacipta-rekacipta mereka di bawah undang-undang bawah kawalan Peraturan Organisasi Antarabangsa. Ini adalah kerana negara kita tidak mempunyai Rang Undang-undang sendiri bagi maksud tersebut. Peraturan itu adalah kurang memuaskan memandangkan bahawa pencipta-pencipta tempatan perlu mengikuti peraturan-peraturan yang dikenakan oleh undang-undang asing dan ini menyebabkan kesusahan kepada rakyat kita. Saya mengalu-alukan Rang Undang-undang Paten 1983 kerana ianya telah memudahkan pendaftaran ciptaan dan ini secara langsung akan menggalakkan rakyat kita menceburi diri dalam bidang rekaan dan ciptaan.

Tuan Yang Dipertua, saya ingin menyentuh tentang Fasal 23 Rang Undang-undang tersebut. Fasal 23 memperuntukkan kehendak-kehendak permohonan, iaitu "Tiap-tiap permohonan bagi pemberian sesuatu paten hendaklah mematuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh Menteri di bawah Akta ini." Saya berharap Menteri berkenaan akan mengambil kira corak masyarakat kita apabila mengenakan peraturan-peraturan yang patut dipatuhi. Syarat-syarat pendaftaran yang akan dikenakan mestilah berasaskan kepada kemudahan pencipta-pencipta dan tidak berasaskan kepada syarat-syarat yang sukar ditunaikan. Tambahan pula sebagai sebuah Kerajaan yang

bercorak "Bersih, Cekap dan Amanah", saya berharap pihak Kerajaan akan mengurangkan peraturan-peraturan 'bureaucracy' dan 'red tape' dalam usaha mendaftarkan rekacipta. Ini akan menggalakkan lagi penglibatan orang ramai dalam bidang rekaan dan ciptaan dan bukan sebagai satu penghalang kepada mereka yang mempunyai idea-idea untuk memudahkan operasi industri-industri kita.

Tuan Yang Dipertua, Rang Undang-undang ini secara langsung juga akan memberi keyakinan kepada pelabur-pelabur asing terhadap aktiviti-aktiviti ekonomi negara kita. Ianya membekalkan sejenis perlindungan kepada pelabur-pelabur asing yang mempunyai sesuatu rekacipta yang boleh dikenakan kepada negara kita. Sungguhpun rekacipta mereka pada masa ini boleh juga dilindungi di bawah lain-lain undang-undang, akan tetapi mereka tidak suka melibatkan diri secara civil suit untuk menyelesaikan kesalahan-kesalahan terhadap rekacipta mereka.

Bahagian XIV Rang Undang-undang Paten, 1983 membekalkan kuasa kepada pihak berkenaan dengan mengambil tindakan serta-merta untuk menyelesaikan kesalahan-kesalahan pelanggaran Rang Undang-undang tersebut. Ini secara langsung akan menggalakkan pelaburan asing ke dalam negara kita dan ini adalah satu petanda yang baik.

Akhir sekali, Tuan Yang Dipertua, saya ingin menyentuh tentang Fasal 4, Fasal Kecil (2) yang memperuntukkan keanggotaan Lembaga bagi meluluskan permohonan-permohonan. Saya perhatikan bahawa di dalam para (*h*) Menteri berkenaan iaitu Menteri Perdagangan dan Perindustrian boleh melantik "tidak lebih daripada 3 orang lain sebagaimana yang difikirkan oleh Menteri layak dan patut untuk menjadi anggota Lembaga". Dasar ini adalah

baik supaya orang bebas boleh memberi pertimbangan berasingan, akan tetapi saya berharap Menteri berkenaan akan memilih wakil-wakil ini dengan awas. Ini adalah kerana ada kemungkinan mereka yang terpilih ini mempunyai kepentingan dalam rekacipta yang akan didaftar itu. Dalam erti kata lain, seorang wakil perusahaan elektronik tidak patut menjadi wakil Lembaga apabila menimbang rekacipta elektronik. Ini mungkin menghasilkan persaingan kepada mereka dan permohonan tidak akan dapat pertimbangan sewajarnya.

Dengan ini, Tuan Yang Dipertua, saya menyokong Rang Undang-undang Paten, 1983.

4.20 ptg.

Tuan Haji Shaharom bin Maasom: Tuan Yang Dipertua, saya berdiri mengambil bahagian dalam membahaskan Rang Undang-undang Paten 1983 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi. Saya mengucapkan tahniah kerana membuat satu peraturan yang seperti ini untuk melindungi hak cipta manusia dari diplagiat atau dirompak oleh manusia-manusia yang mencari kepentingan diri dengan menggunakan hakcipta dan rekaan orang lain.

Tuan Yang Dipertua, dengan adanya Rang Undang-undang Paten, 1983 ini apabila dilaksanakan akan memberi peluang kepada karyawan-karyawan muda kita muncul dan dengan ini akan memberi peluang baru di dalam penghidupan dan menambahkan sumber-sumber hidup.

Apa yang saya harapkan, Tuan Yang Dipertua, ialah apabila Rang Undang-undang ini diluluskan dan dijalankan kuatkuasanya, rekacipta yang akan muncul ialah supaya berorientasikan kepada Malaysia dan alam sekeliling. Misalnya, kalau menggunakan warna hendaklah dengan warna yang lembut,

warna yang tidak garang, menyakitkan mata. Dan sekiranya bentuk sesuatu benda hendaklah menggunakan bentuk yang tidak melanggar tata susila bangsa Malaysia supaya dapat diterima oleh semua kaum dengan pandangan yang luas dan tidak akan menyinggung perasaan satu-satu kaum.

Tuan Yang Dipertua, sepintas lalu saya membaca Rang Undang-undang Paten, 1983 ini, sama ada saya tidak terjumpa dalam Fasal-fasal yang tertentu ialah mengenai di dalam bidang paten ataupun karya cipta dalam bidang penulisan kerana penulisan ini juga termasuk di dalam hak cipta seseorang yang kalau di dalam bidang persuratan dikatakan ada orang yang mencuri karangan iaitu karangan yang diplagiat. Ini kalau di dalam bidang persuratan adalah satu perampokan atau jenayah persuratan yang besar dalam bidang hidup ahli-ahli sasterawan. Jadi, adakah di dalam Rang Undang-undang Paten ini termasuk di dalamnya reka ataupun karya ataupun bidang penulisan dan kesusasteraan? Kalau ini tertinggal, nanti satu masa kita akan bentangkan pula satu rang undang-undang tambahan mengenai dengan rekacipta atau mengenai dengan kesusasteraan penulisan kerana sekarang ini berlaku dalam masyarakat kita banyak sekali berlaku plagiat iaitu mencetak karangan orang, buku orang, terutama sekali saya sebut di dalam Kementerian kita, Kementerian Pelajaran, Kerajaan kita melaksanakan KBSR. Sekarang ini ada dijual buku-buku haram mengenai dengan kurikulum KBSR di sekolah-sekolah rendah. Ini juga melanggar peraturan ini kerana itu sudah mencuri satu ciptaan seorang cerdik-pandai membuat buku, kemudian dicetak sewenang-wenang, dijual merata-rata tempat, ini menimbulkan masalah, buku yang diluluskan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka tak laku, tetapi buku yang dicipta dengan cetak rompak tadi

mendapat pasaran yang baik kerana harganya lebih murah daripada buku yang diluluskan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Adakah ini masuk di dalam Rang Undang-undang ini atau tidak. Kalau tidak masuk dalam Rang Undang-undang ini, saya berharap supaya Paten ini diluaskan bidangnya bukan sahaja dalam bidang industri perkilangan mengenai dengan cipta hendak mendapat model-model, benda yang akan keluar daripada kilang-kilang elektronik kerana otak pengarang ini juga adalah satu kilang tetapi itu ciptaan Tuhan, itu pun manusia curi, manusia cuba rompak ciptaan yang keluar daripada fikiran seorang karyawan, ahli sastera dicetak rompak. Adakah ini termasuk atau tidak di dalam Rang Undang-undang Paten ini.

Kemudian di dalam bidang kebudayaan dan kesenian juga, adakah ini juga termasuk kerana bangsa kita ini makin hari makin banyak, makin membesar, kalau kita cuma memfokus undang-undang ini kepada kilang sahaja, satu masa nanti akan timbul cipta rompak mengenai tarian, mengenai kesenian, mengenai kebudayaan, yang mengakui, "ini ciptaan saya, ini karya saya, ini saya lancarkan, saya buat pada tahun sekian tetapi sekarang orang tiru," dengan itu juga termasuk di dalam pelanggaran undang-undang, maknanya mengambil ciptaan orang lain diakui sebagai ciptaannya, sebagai rekaannya. Jadi apa yang disebutkan supaya di dalam perkara yang kita nampak sekarang ini, paten ini mengenai rekabentuk benda yang wujud, kepala pembesar suara ini yang orang tidak boleh tiru, tetapi suara orang boleh tiru. Adakah itu termasuk dalam cipta rompak.

Saya buat cerita sedikit. Misal kata suara Allahyarham P. Ramlee. Allahyarham P. Ramlee sudah meninggal 10 tahun dari sekarang, orang cuba cipta rompak suara P. Ramlee. Adakah ini termasuk di dalam bidang ini atau tidak? Sebab satu masa,

lima puluh tahun akan datang mungkin Haji Shaharom boleh menyanyi macam P. Ramlee. Ini lagu asli saya, orang sudah lupa dengan suara P. Ramlee. Ini termasuk dalam bidang kebudayaan seni. Tadi masalah hidup di segi jentera dan alat, sekarang daripada sumber rohaniah kerana hidup ini lahariah dengan batiniah tidak boleh lari. Hari ini kita cipta undang-undang masalah benda tetapi kita lupa dengan masalah kerohanian rakyat kita nanti, kerana itu juga termasuk di dalam masalah penghidupan, pembesaran bangsa, kebangkitan umat kita.

Tuan Yang Dipertua, dengan beberapa saranan ini saya berharap supaya Rang Undang-undang ini kalau boleh merangkumi di dalam perkara-perkara yang ada hubungannya dengan penghidupan rakyat kita baik material dan mental.

Dengan ini, Tuan Yang Dipertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini yang dibentangkan pada hari ini.

4.28 ptg.

Tuan Abdul Razak bin Haji Abu Samah: Tuan Yang Dipertua, saya juga bangun untuk mengambil bahagian bagi membahaskan Rang Undang-undang Paten 1983 yang mana telah dibentangkan sekejap tadi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan, isi kandungan dan maksud-maksud yang telah dibacakan sehingga ke akhir fasal di dalam Rang Undang-undang yang ada pada tangan kita pada petang ini.

Tuan Yang Dipertua, saya juga mengucapkan tahniah kepada Kerajaan kerana telah sedar dalam masalah yang telah berlaku dalam negara kita ini iaitu soal hakcipta yang selalu berlaku dalam negara kita, soal rompakan dan sebagaimana yang telah juga diucapkan oleh saudara saya Yang Berhormat sebentar tadi berhubung

dengan rompak dan ciptaan buku-buku sekolah dan banyak lagi hakcipta-hakcipta yang dipunyai oleh tuan punya telah dirompak oleh orang-orang lain untuk kepentingan diri mereka sendiri.

Umpamanya selalu berlaku berhubungan dengan rompakan hakcipta ini termasuk juga soal-soal barang-barang tiruan, umpamanya lebal-lebal, ciptaan-ciptaan yang telah dibuat sebegitu cantik sebagai Colgate, ada juga orang yang menulis COLGATE, yang merompak hakcipta asal, serupa dengan Colgate juga. Begitu juga dengan minyak-minyak wangi dan sebagainya, ciptaan-ciptaan itu juga ditiru oleh pihak tertentu terhadap hak-hak cipta orang yang empunya. Dengan adanya keadaan ini, Rang Undang-undang Paten, 1983 ini saya berharap pihak Kerajaan dapat membendung perkara-perkara yang telah berlaku itu.

Begitu juga Ahli-ahli Lembaga Paten dalam Rang Undang-undang ini yang dilantik terdiri daripada Anggota-anggotanya yang mana telah difikirkan oleh Yang Berhormat Menteri iaitu seorang pegawai berkelayakan bagi memegang jawatan Pengerusi dan juga lantikan Ahli-ahli Jawatankuasa bagi mewakili semua pihak termasuklah daripada Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar dan begitu juga daripada wakil Majlis Sainifik Kebangsaan bagi Penyelidikan dan Pembangunan, termasuk juga seorang wakil daripada Institut Piawai dan Penyelidikan Malaysia (SIRIM) dan senarai (*h*) tidak lebih daripada tiga orang lain sebagaimana yang difikirkan oleh Menteri layak dan patut dilantik menjadi Anggota Lembaga.

Saya bersetuju supaya lebih banyak lagi Ahli-ahli Lembaga Paten itu dilantik daripada negeri-negeri yang terdiri daripada wakil tiap-tiap negeri yang mana dalam negara kita termasuk Sabah dan Sarawak, lebih-lebih lagi Pantai Timur hakcipta-hakcipta

mereka banyak yang tersendiri dalam negeri mereka itu dan dengan adanya Ahli Lembaga Paten ini dapat mereka memberikan sumbangan dan memberikan pandangan supaya Rang Undang-undang Paten, 1983 ini berjalan dengan baik dan menuju kepada matlamatnya.

Soal-soal lain, Tuan Yang Dipertua, saya tidaklah nampak apa-apa kecacatan dan cela dalam Rang Undang-undang ini, semuanya teratur. Begitu juga saya mengucapkan tahniah juga kerana Rang Undang-undang ini dibuat naskah sahnya dalam Bahasa Malaysia yang mana saya rasa semua kita mengerti akan hal-hal yang terkandung di dalam Rang Undang-undang ini. Oleh itu, Tuan Yang Dipertua, saya juga bersama-sama dalam Dewan yang mulia ini menyokong akan Rang Undang-undang Paten, 1983 ini diluluskan. Sekianlah, terima kasih.

4.32 ptg.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Oo Gin Sun): Tuan Yang Dipertua, saya ucapkan terima kasih di atas cadangan-cadangan, pandangan-pandangan serta sokongan Ahli-ahli Yang Berhormat yang sempat mengambil peluang membahaskan Rang Undang-undang ini.

Berkenaan Ahli Yang Berhormat dari Sarawak mencadangkan supaya lantikan Ahli Lembaga Paten mewakili seluruh negeri, Kementerian saya akan mengkaji untuk ditimbang.

Berkenaan cetak rompak yang disebut oleh Yang Berhormat macam rekacipta Allahyarham P. Ramlee, Tuan Yang Dipertua, sebenarnya cadangan-cadangan itu tak termasuk dalam Rang Undang-undang Paten, 1983 ini dan termasuk di dalam Undang-undang Copyright di dalam negara ini.

Saya akan mengambil perhatian di atas semua cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat dengan selanjutnya.

Timbalan Yang Dipertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Timbalan Yang Dipertua
mempengerusikan Jawatankuasa)

Fasal 1 hingga 89 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG TAMAN NEGARA (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua
dan Ketiga

4.36 ptg.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze): Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang yang bernama "Suatu Akta Untuk Meminda Akta Taman Negara 1980" dibaca bagi kali yang kedua.

Rang Undang-undang ini bertujuan meminda Akta Taman Negara, 1980. Pindaan-pindaan yang dicadangkan ialah untuk membolehkan serta menentukan supaya Kerajaan-Kerajaan Negeri Semenanjung Malaysia turut melibatkan di dalam pengurusan dan pentadbiran kawasan-kawasan yang diisytiharkan sebagai Taman-taman Negara.

Permintaan untuk mengurus dan mentadbirkan Taman-taman Negara yang akan ditubuhkan ialah daripada Kerajaan-Kerajaan Negeri sendiri. Dengan demikian Kerajaan-Kerajaan Negeri akan dapat memainkan peranan yang sewajarnya ke atas hal-hal taman negara supaya dapat diperkukuhkan lagi langkah-langkah positif bagi memelihara dan memperindungi hidupan liar, tumbuh-tumbuhan serta bahan-bahan yang mempunyai kepentingan dari segi kajipurba, kajibumi, sejarah dan ekologi.

Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Pertanian (Dr Goh Cheng Teik): Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang Dipertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan majlis ialah Rang Undang-undang bersama satu Akta untuk meminda Akta Taman Negara, 1980 dibacakan kali yang kedua sekarang ini terbuka untuk dibahas.

4.40 ptg.

Tuan Abdul Razak bin Haji Abu Samah: Tuan Yang Dipertua, saya bangun sekali lagi untuk menyokong satu Akta untuk meminda Akta Taman Negara 1980 yang dibentangkan oleh Menteri yang berkenaan sebentar tadi, yang mana huraian yang telah diberi oleh Yang Berhormat Menteri hanya sedikit sahaja yang kita dengar, iaitu di dalam Akta ini meminta negeri-negeri

dalam Malaysia ini sama-sama bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan bagi memajukan taman-taman negara yang ada di dalam negara kita ini.

Tuan Yang Dipertua, kita bincangkan soal Taman Negara ini oleh kerana dalam negara kita ini memang banyak tempat-tempat yang begitu cantik, hutan-hutan, pokok-pokok dan tanam-tanaman, air-air hujan, gua-gua batu dan sebagainya yang mana tempat-tempat seumpama Taman Negara yang ada pada hari ini kita dengar daripada negeri-negeri yang ada pada hari ini yang telah dikhaskan oleh Kerajaan hanya pada pandangan saya indah nama pada rupa Taman-taman Negara ini.

Sepatutnya taman-taman ini sambil meminda Akta ini, taman-taman yang ada di negara ini patut dipelihara dengan baik, dari segi pokok-pokok tanam-tanaman—pokok-pokok lama atau pokok-pokok yang besar-besar sebagaimana terdapat di negara-negara yang lain. Negeri-negeri yang lain memang dijaga tanam-tanaman ini, sungguhpun kadangkala negeri ini tidak begitu besar hutannya, tetapi mereka menjaga dengan baik, dengan adanya taman-taman ini mereka membawa pelancang-pelancang datang melihat ke kawasan-kawasan taman-taman, kayu-kayu dan sebagainya dan di samping itu dapat juga ahli-ahli kaji umpamanya sebagaimana yang diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi seperti kajibumi, kajipurba, kajicipta dan berbagai-bagai kajian dapat dibuat kajian di atas tanam-tanaman atau pokok-pokok yang telah dijadikan oleh Allah s.w.t. dapat diselidik. Tetapi pada hari ini taman-taman yang ada sebagaimana saya katakan tadi tidak berjaga dengan baik, begitu juga haiwan-haiwan atau binatang-binatangnya yang ada di dalam hutan tidak dijaga dan baru-baru ini kita lihat dan baca dalam suratkhbar *Malay*

Mail kalau tidak silap saya iaitu kera-kera ataupun monyet-monyet yang datang dari hutan negara kita yang dibawa (dieksport) keluar negeri untuk dijual ke negara-negara lain. Ini disebabkan rasa saya dalam Akta ini juga kita lemah sedikit kerana binatang-binatang yang ada dalam negara kita pada hari ini makin sehari makin pupus oleh kerana negara kita pada hari ini negara yang membangun, hutan-hutan telah pun ditebas, dibakar ditanam dengan pokok-pokok kelapa, getah dan sebagainya sehingga haiwan-haiwan yang ada tidak ada lagi dan lari, begitu juga taman-taman yang ada.

Mengikut dalam huraian ini Fasalfasal 5 dan 6 saya baci di sini, dengan izin:

“.....bertujuan meminda seksyen 9 (1) dan 10 (2) Akta supaya Pihak Berkuasa Negeri hanya perlu berunding dengan Menteri sebelum memajak atau membenarkan penggunaan atau pendudukan mana-mana tanah dalam sesuatu Taman Negara, atau membenarkan mencarigali dan melombong longgokan galian dalam satu Taman Negara. Pada masa ini persetujuan Menteri adalah dikehendaki”.

Bermakna dalam Rang Undang-undang ini taman-taman yang ada, yang kita sedia ada pada hari ini dibolehkan diguna, dicarigali dilombong dan sebagainya. Oleh itu rasa saya kalau ini juga memang baik kita hendak carikan bijih dan sebagainya mendatangkan hasil kepada negara kita. Tetapi kalau ini lama kelamaan kalau ada satu-satu tempat taman itu penuh galian, emas ataupun sebagainya di dalam bumi dibenarkan Kerajaan Negeri ataupun dengan persetujuan Menteri untuk menggali, selepas itu taman-taman yang kita ada ini akan habis, akan luput dan tidak ada lagi sehinggalah negara kita ini tidak ada lagi pokok-pokok yang kita hendak sebagaimana Taman Negara di Pahang diadakan dan juga

kalau di Kuala Lumpur ini Taman Negara umpamanya Templer Park. Saya hendak sebut di Templer Park yang mana dekat sahaja daripada Kuala Lumpur ini.

Pada suatu masa dahulu begitu baik tempat itu, tetapi sekarang kawasan itu tidak begitu banyak lagi peminat-peminat untuk datang ke situ kerana sekelilingnya separuh tempatnya telah pun dibuat kawasan perumahan dan sebagainya, juga tanah-tanah yang dekat diambil oleh Kerajaan dan juga jalan-jalan ditebok di sana-sini. Dengan keadaan inilah Taman-taman Negara juga akan mengikut di tempat-tempat lain lagi. Oleh itu dalam keadaan ini Tuan Yang Dipertua, saya berserulah kepada Kerajaan supaya mana-mana taman-taman yang telah ada sekarang ini yang telah dibela supaya tidak dicerobohi untuk menjaga negara kita ini pohon-pohon atau pokok-pokok sebagaimana saya terangkan tadi dapat hidup dengan baik.

Oleh itu dengan ini juga, Tuan Yang Dipertua, saya bersama-sama menyokong akan Rang Undang-undang ini untuk diluluskan.

Timbalan Yang Dipertua: Ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang hendak membahaskan Rang Undang-undang ini? Tidak ada. Saya jemput Yang Berhormat Menteri menjawab.

4.47 ptg.

Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze: Tuan Yang Dipertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan Rang Undang-undang ini serta menyokong dan memberikan pandangan dan syor yang sangat membina. Teguran-teguran yang dibangkitkan berkaitan dengan pentadbiran telah diambil perhatian

oleh saya dan jika perlu tindakan yang sewajarnya akan diambil untuk menguruskannya.

Timbalan Yang Dipertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya bahawa Rang Undang-undang ini dibaca kali yang kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Timbalan Yang Dipertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 7 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang dilapor dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA KEMAJUAN TERNAKAN NEGARA (PEMBUBARAN)

**Bacaan Kali Yang Kedua
dan Ketiga**

4.52 ptg.

Timbalan Menteri Pertanian (Dr Goh Cheng Teik): Tuan Yang Dipertua, saya memohon izin mencadangkan supaya Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Ternakan Negara (Pembubaran) 1983 dibacakan bagi kali kedua.

Tuan Yang Dipertua, Kerajaan telah membuat keputusan supaya MAJUTERNAK atau dengan nama

penuhnya Lembaga Kemajuan Ternakan Negara ditutup dan fungsinya diagihkan kepada agensi-agensi lain yang bersesuaian. Keputusan ini adalah dibuat kerana pada peringkat pelaksanaan kemudiannya terdapat penindihan tugas dan fungsi di antara MAJUTERNAK dengan MARDI dan Jabatan Perkhidmatan Haiwan, dan akibat penindihan ini peranan MAJUTERNAK telah berkurangan.

Tuan Yang Dipertua, selaras dengan arahan Kerajaan, aktiviti rumah sembelih dan ladang-ladang ternakan kecuai sebuah ladang dan sebuah rumah sembelih di Sarawak telah dipindahkan ke Jabatan Perkhidmatan Haiwan. Ladang Sungai Karabungan dan rumah sembelih di Sarawak telah dipindahkan kepada Kerajaan Negeri Sarawak untuk mengendalikannya. Semua kegiatan pemasaran ternakannya sudah diambilalih oleh FAMA.

Pihak Kementerian Pertanian adalah juga mengambil tindakan untuk memindahkan kakitangan, kewangan dan anak-anak syarikat MAJUTERNAK.

Tuan Yang Dipertua, Lembaga Kemajuan Ternakan Negara telah diwujudkan melalui Akta Parlimen yang dinamakan Akta Lembaga Kemajuan Perusahaan Haiwan Negara, 1972. Oleh yang demikian pembubaran juga dikehendaki dibuat melalui Akta Parlimen. Kementerian saya dengan ini mengemukakan satu Rang Undang-undang bertujuan memansuhkan Akta Lembaga Kemajuan Perusahaan Haiwan Negara, 1972, Akta 73, dan memindahkan segala harta dan tanggungjawab kepada Kerajaan Malaysia.

Tuan Yang Dipertua, melalui Rang Akta ini sebarang tindakan undang-undang yang wujud sebelum berkuatkuasanya Akta tersebut akan

diambilalih oleh Kerajaan Malaysia. Sekiranya timbul sebarang kesulitan atau anomali dalam pelaksanaan Akta tersebut, Yang Berhormat Menteri Pertanian adalah diberi kuasa untuk membuat pengubahsuaian bagi mengatasi kesulitan atau anomali tersebut. Kuasa ini hendaklah dijalankan dalam masa tiga tahun berkuatkuasanya Akta tersebut.

Dengan penjelasan ini saya mencadangkan supaya Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Ternakan Negara (pembubaran) 1983 dibaca bagi kali yang kedua.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan (Tuan Ahmad Shah Tambakau): Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang Dipertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi memansuhkan Akta Lembaga Kemajuan Perusahaan Haiwan Negara 1972; membubarkan Lembaga Kemajuan Ternakan Negara yang ditubuhkan di bawah Akta itu; memindahmilikkan semua hartanya kepada Kerajaan dan bagi membuat peruntukan mengenai perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya, dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

4.56 ptg.

Dato Ismail bin Hashim: Tuan Yang Dipertua, dengan ini saya bangun menyokong dengan sepenuhnya di atas Rang Undang-undang yang bernama Suatu Akta bagi memansuhkan Akta Lembaga Kemajuan Perusahaan Haiwan Negara, 1972; membubarkan Lembaga Kemajuan Ternakan Negara yang ditubuhkan di bawah Akta itu; memindahmilikkan semua hartanya kepada Kerajaan dan bagi membuat peruntukan mengenai perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya.

Tuan Yang Dipertua, Lembaga ini adalah sangat besar ertinya kepada rakyat dan Kerajaan, khususnya kepada rakyat jelata yang mana telah dikatakan oleh Kerajaan untuk menjalankan usaha-usaha dari segi Lembaga yang dinamakan ringkasnya MAJUTERNAK yang mana saya memikirkan Akta ini tidak semestinya dibubarkan bahkan hendaklah diperbaiki dari satu masa ke satu masa agar segala penubuhan Akta-akta ataupun Lembaga-lembaga yang telah diwujudkan oleh Kerajaan demi kepentingan rakyat jelata khususnya dan demi kepentingan negara yang telah meningkat maju dari masa ke semasa. Kita sedar bahawa Lembaga Kemajuan Perusahaan Haiwan Negara ini telah mundur dengan begitu hebat sekali khususnya Lembaga MAJUTERNAK yang dapat kita pastikan menjadi satu perkara yang terbesar yang telah mengabaikan kewangan yang telah diperuntukkan di dalam Lembaga itu sendiri sejak beberapa tahun bilamana Akta ini telah diwujudkan yang mana telah dipertanggungjawabkan kepada Kementerian Pertanian, yang mana telah kita sama-sama memahaminya.

Apa yang saya takutkan bahawa pembubaran demi pembubaran akan berlaku kalau kita tidak mengambil kira dengan sepenuhnya rancangan-rancangan yang tertentu yang hendak diusahakan oleh Kerajaan demi kepentingan rakyat jelata keseluruhannya. Kita berharap supaya Kerajaan meneliti dengan sepenuhnya dalam segala masalah, dalam segala perkara-perkara yang melibatkan kehendak rakyat, kehendak Kerajaan untuk memajukan rakyat di dalam negara kita ini dan begitu juga kita hendak memastikan sejauh manakah yang menyebabkan sehingga satu Akta dibuat untuk membubarkan Lembaga Perusahaan Haiwan Negara, 1972.

Tuan Yang Dipertua, kita sedar bahawa bukanlah senang satu-satu perkara yang kita hendak pastikan

kejayaan tetapi kejayaan itu dapat dijayakan. Kalau semua orang atau pegawai-pegawai yang telah dipertanggungjawabkan untuk bertanggungjawab dengan sepenuhnya, saya percaya dan yakin bahawa perkara-perkara pembubaran ini tidak berleluasa di masa-masa akan datang.

Walau macammanapun, saya menyokong sebagaimana saya katakan tadi untuk kepentingan wang Kerajaan dari segi pembaziran di dalam Lembaga ini, ada baiknya kita memindah-milikan sebagaimana dikehendaki atau telah di Rang Undang-undangan Akta ini untuk dibentangkan kepada kita pada hari ini di dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang Dipertua, dalam masalah yang sama juga saya harap dengan penuh harapan supaya perkara-perkara yang semacam ini tidak akan berlaku, tidak akan bertindih-tindih di antara satu lembaga dengan satu lembaga di dalam satu-satu Kementerian. Kita berkehendakkan segala kemajuan yang telah diwartakan atau telah ditentukan oleh Kerajaan itu supaya dapat kejayaan yang hebat atau kejayaan yang sepenuhnya.

Sebagaimana yang saya telah katakan tadi kejayaan boleh didapati hanya melalui tanggungjawab kepada mereka yang telah dipertanggungjawabkan. Kita tidak berkehendakkan mereka yang diberi tanggungjawab tanpa mengirakan latar belakang mereka untuk diberikan peluang menjadi ahli-ahli lembaga, lembaga ini akan hancur dan musnah bilamana mereka ini tidak berpengalaman dan tiada perkara-perkara yang sealiran dengan mereka bilamana mereka ini dilantik sebagai ahli-ahli lembaga pengarah yang dikehendaki oleh Kerajaan di dalam sesuatu peruntukan lembaga yang tertentu.

Tuan Yang Dipertua, saya berharap supaya dapat Menteri yang berkenaan supaya menerangkan berapa banyakkah hutang-hutang Lembaga ini, sebab kita hendak tahu tentulah ada satu perkara yang sampai sebegitu rupa dikehendaki membubarkan Lembaga ini melalui Rang Undang-undang ini. Tentulah ada perkara-perkara yang tertentu yang tidak dapat dipastikan ataupun telah dipastikan, kita hendak memastikan supaya penerangan yang sejelasnya dapat kita memahami bersama.

Dengan ini, Tuan Yang Dipertua, saya menyokong dengan sepenuhnya dan saya berharap apa yang saya perkatakan tadi supaya diambil perhatian oleh pihak yang berkenaan.

5.04 ptg.

Tuan Haji Ariffin bin Haji Salleh:

Tuan Yang Dipertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang iaitu memansuhkan Akta Lembaga Kemajuan Perusahaan Haiwan Negara 1972.

Sebelum daripada saya menyentuh sedikit sebanyak berkenaan dengan Rang Undang-undang ini, saya juga meminta supaya persidangan-persidangan Dewan Negara akan datang segala Rang Undang-undang ini hendaklah diedarkan lebih dahulu sedikit kepada Ahli-ahli Dewan Negara supaya mereka dapat sehari dua membaca, tidaklah datang ke Dewan pada hari ini menerima segala kertas-kertas seperti ini.

Tuan Yang Dipertua, saya menyokong dan memberi setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan, khususnya Menteri yang berkenaan yang telah berani dan sanggup mengemukakan satu Rang Undang-undang membubarkan sebuah Lembaga iaitu yang dikenal dengan nama Lembaga Majuternak. Sebab yang saya katakan demikian, kita berharap dengan pindaan Kerajaan

mengambil langkah membubarkan sebuah Lembaga begini, adalah diharap supaya Lembaga-lembaga lain yang ada yang sedang berjalan, yang akan berjalan dan yang akan ditubuh kemudian hari akan berhati-hati akan bercermat supaya tidak berlaku seperti Lembaga Majuternak ini.

Sebagaimana yang kita semua maklum suratkhbar telah mengeluarkan berita-berita berkenaan dengan Lembaga Majuternak, rakyat seluruh negara juga mengetahui bagaimana keadaan perjalanan Lembaga ini pada masa-masa yang lepas, sehingga kepercayaan rakyat kepada Lembaga Majuternak sudah tidak ada lagi disebabkan rakyat mengetahui perjalanan Lembaga itu tidak begitu lancar dan ada benda-benda yang menyeleweng yang diketahui oleh rakyat secara diam-diam atau secara terbuka.

Kita semua juga mengetahui bahawa dalam mana-mana Lembaga ditubuh pun memang ada Ahli-ahli Lembaga, di sebalik itu ada pula kuasa-kuasa tertentu kepada Ketua Pengarah dalam Lembaga itu. Kadang-kadang Ahli-ahli Lembaga tidak dapat atau tidak sempat meneliti dengan sejelasselajusnya keadaan yang berlaku ataupun perkara-perkara yang dilakukan oleh pegawai-pegawai yang berkenaan, tetapi di mesyuarat-mesyuarat Lembaga kesemuanya dilaporkan perkara-perkara yang baik sahaja. Saya tidak salahkan sesiapa tetapi pada pendapat saya, adalah satu daripada sebab yang besar amalan Kerajaan kita di masa melantik ahli-ahli Lembaga Pengarah. Pada pendapat saya sehingga hari ini pun masih terdapat seorang pegawai Kerajaan memegang kadang-kadang tiga empat menjadi ahli Lembaga Pengarah. Setengah-tengah daripada pegawai Kerajaan itu yang telah banyak dilantik duduk di dalam Lembaga Pengarah itu, Lembaga Pengarah itu, rakyat hendak berjumpa

pun atau kita hendak jumpa mereka pun tidak dapat. Hari ini kerana ada mesyuarat Lembaga Pengarah ini, besok ada mesyuarat Lembaga Pengarah ini, lusa ada mesyuarat Lembaga Pengarah itu.

Jadi keadaan ini tentulah satu orang barangkali tidak sempat beliau meneliti kesemua perjalanan di tiap-tiap Lembaga. Untuk hendak mengelakkan daripada terjadinya Lembaga-lembaga lain seperti Lembaga Majuternak ini, saya mengesyorkan kepada pihak Kerajaan supaya mengkaji semula kesemua Lembaga-lembaga yang ada, terutama sekali dari segi kedudukan ahli-ahli Lembaga Pengarah itu, janganlah sampai satu pegawai Kerajaan diberi tanggungjawab atau tugas beban kepada mereka empat lima Lembaga yang mereka mesti duduki. Kita masih banyak orang yang berpengalaman, kita masih banyak orang yang layak kita boleh pilih. Saya rasa, selain daripada kakitangan Kerajaan atau pegawai-pegawai Kerajaan yang boleh bertanggungjawab atas maju mundurnya sesebuah Lembaga yang ditubuhkan oleh Kerajaan ini, ahli-ahli politik juga bertanggungjawab dan boleh dipertanggungjawabkan kepada mereka, apa salahnya jika ahli-ahli diberi tugas menduduki dalam tiap-tiap Lembaga, satu dua orang misalnya supaya ahli-ahli politik, bersama-sama dengan pegawai-pegawai Kerajaan mengawasi setiap Lembaga-lembaga yang ditubuhkan oleh Kerajaan ini berjalan dengan baik dan tidak akan berlaku lagi sehingga terpaksa membuat undang-undang untuk membubarkan Lembaga MAJUTERNAK.

Tuan Yang Dipertua, huraian berkenaan dengan pembubaran ini sudahlah jelas dinyatakan dalam undang-undang ini, akan tetapi kakitangan Lembaga MAJUTERNAK yang dibubarkan ini tentulah barangkali Kerajaan telah

bersiap sedia untuk menyerap dalam badan-badan lain. Dalam hal yang demikian, saya suka juga mengesyorkan kepada pihak Kerajaan dalam masa hendak menyerap kakitangan yang ada di Lembaga MAJUTERNAK ini kepada Lembaga-lembaga lain hendaklah kita awasi dan berwaspada supaya jangan penyakit yang timbul dalam MAJUTERNAK akan menjalar atau akan berjangkit dalam Lembaga-lembaga lain pula. Tetapi jikalau ini diawasi, jika ini selalu diingat-ingatkan ataupun diawasi dengan secukupnya, saya percaya perkara-perkara seperti ini tidak akan berlaku. Tetapi walau bagaimanapun pihak Kerajaan tentulah sedar, pihak Kerajaan tentulah sudah mengkaji sedalam-dalamnya akan perkara-perkara seperti yang saya sebutkan tadi. Cuma saya mengingatkan balik kepada Kerajaan bahawa kita tidak mahu dengar lagi pada masa yang akan datang ini ada Lembaga-lembaga lain pula dibubarkan dengan sebab penyelewengan seperti yang berlaku kepada Lembaga MAJUTERNAK. Kerana sebelum daripada kita menubuhkan sesebuah Lembaga itu tentulah kita juga memikirkan dari segi baik buruknya, dari segi untung ruginya kepada rakyat. Tetapi apakala kita tubuhkan Lembaga tidak salah, yang mengendalikan Lembaga itu kalau tidak dijaga dan tidak diawasi boleh jadi seperti yang berlaku kepada MAJUTERNAK.

Tuan Yang Dipertua, itulah sedikit sebanyak ingatan saya dengan harapan supaya perkara pembubaran ini tidak akan berlaku pada masa-masa yang akan datang dan kita bersama-sama berdoa, mudah-mudahan dengan pembubaran Lembaga MAJUTERNAK ini, Lembaga-lembaga lain akan berwaspada, akan mengambil perhatian yang sungguh-sungguh iaitu dengan harapan tidak berlaku sebarang penyelewengan dalam Lembaga-lembaga lain.

Saya menyokong Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Ternakan Negara (Pembubaran) 1972 ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang Dipertua: Yang Berhormat Datin Hajjah Mahimon.

5.15 ptg.

Datin Hajjah Mahimon binti Haji Harun: Tuan Yang Dipertua, saya ingin mendapat sedikit penjelasan daripada Menteri yang berkenaan kerana tidak langsung menyebut ke manakah kakitangan-kakitangan Lembaga ini akan diserapkan. Ini adalah tandatanya kepada saya. Sebab semasa Kerajaan berura-ura setahun dahulu untuk membubarkan Lembaga ini ada diantara kakitangannya menangis, kemanakah mereka akan pergi dan kemanakah mereka ini akan diserapkan atau terpaksa diberhentikan. Jadi saya juga rasa sangat dukacita dan juga saya berharap pada masa yang akan datang tidak mahu rakyat bersungut dengan menyatakan duit-duit yang digunakan ialah duit rakyat. Jadi pada masa yang akan datang, saya rasa Kerajaan hendaklah berhati-hati sebelum menubuhkan satu-satu Lembaga.

Itulah sahaja kemuskilan saya dan saya menyokong Rang Undang-undang ini. Terima kasih, Tuan Yang Dipertua.

Timbalan Yang Dipertua: Yang Berhormat Tuan Haji Shahrom.

5.17 ptg.

Tuan Haji Shahrom bin Haji Maasom: Tuan Yang Dipertua, saya bangun mengambil bahagian bersama-sama di dalam membahaskan Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Ternakan Negara (Pembubaran).

Tuan Yang Dipertua, pada petang ini saya merakamkan rasa saya yang amat sedih sekali kerana jika sekiranya

Lembaga Kemajuan Ternakan Negara ini sewaktu ditubuhkan dahulu ialah bertujuan untuk memberi manfaat kepada rakyat tetapi setelah Lembaga ini ditubuhkan beberapa tahun kemudian rakyat telah pun mulai bising, lembu kurus, lembu berpenyakit, bapa lembu yang dibawa dari Australia tidak beranak, pusat penempatan lembu di Paroi misalnya.....

Timbalan Yang Dipertua: Bapa lembu mana boleh beranak. (*Ketawa*).

Tuan Haji Shahrom bin Haji Maasom: Dibawa bapa lembu daripada Australia, lembu kita sini tidak beranak. Ada yang beranak pula tidak kuat, kerana anak yang di dalam kandungannya boleh dikatakan hampir sama besar dengan anak lembu kita. Dan cerita-cerita yang semacam ini telah menjadikan Dewan Rakyat dan Dewan Negara beberapa tahun dahulu gegak gempita. Di susuli pula beberapa tahun kemudian apabila setiap kali hendak menjelang hari raya daging lembu tidak cukup, daging lembu tidak cukup juga! Tetapi pihak yang berkenaan tegasnya Yang Berhormat Menteri pada masa itu menjawab, daging cukup. Cara hendak mencukupkan daging ialah kita bawa lembu daripada luar negeri. Tetapi apabila lembu yang dibawa daripada luar negeri tadi disinggahkan pula di satu bangunan yang dikatakan Pusat Kuarantina di Pelabuhan Kelang, tidak tahulah sama ada pagar pusat itu tidak kukuhkah ataupun lembu itu apabila sampai di sini tengok rumput itu hijau dia melompat, atau ada pula barangkali kakitangan di dalam itu tidak jujur maka lembu sembelih itu dikatakan lembu mati. Jadi padamlah kesah lembu yang hilang tadi. Dipindahkan pula lembu itu ke MARDI di Serdang dengan kawasan yang luas dan jadi bermacam-macam cerita. Kemudian Pusat Ternakan di Air Hitam Johor pun jadi macam-macam cerita.

Ramai orang berkata lebih baik MAJUTERNAK ini ditutup, kerana tidak menguntungkan rakyat dan saya teringat semasa Allahyarham Dato' Ali Haji Ahmad menjadi Menteri Pertanian beliau mempertahankan bermati-matian Lembaga MAJUTERNAK ini dan apabila Kementerian Pertanian diambilalih oleh seorang Menteri lain pun bermati-matian mempertahankan Lembaga ini.

Tetapi hari ini saya katakan saya merasa dukacita kerana perkara atau benda yang dipertahankan bermati-matian tujuh, lapan tahun dahulu, hari ini Dewan ini terpaksa meluluskan satu undang-undang untuk membubarkannya. Jadi bagaimanakah membina suatu binaan yang tiba-tiba boleh hendak diruntuhkan begitu sahaja. Ini menunjukkan bahawa di dalam sendi-sendi bangunan binaan, di dalam sendi-sendi Lembaga itu sendiri tidak kukuh, goyang, kata bahawa orang Jakarta "goyangdeh". Jadi, macam orang tua sudah umur 80 sendi-sendinya sudah goyang. Sendi-sendi goyang ini kerana beberapa sebab, kemungkinan kerana penyakit, kemungkinan kerana tidak cukup makan zat protin tidak cukup peruntukan, kemungkinan kerana memang tidak jaga badan, boleh jadi Lembaga itu tidak jaga badan. Ahli Lembaga, kakitangannya, dia tidak jaga Lembaga ini maka sebab itu badan itu mengalami kerugian sehingga dibubarkan.

Tuan Yang Dipertua, saya berpendapat dan saya telah berfikir beberapa tahun dahulu mengenai dengan Lembaga MAJUTERNAK ini, terutama sekali apabila rakyat berpekek daging tidak cukup, daging tidak cukup, timbullah fasal apa daging tidak cukup kerana ada penyakit kuku, penyakit mulut. Hari ini sebenarnya timbul jawapan bukan kerana penyakit kuku dan penyakit mulut, yang sebenarnya penyakit hati. Sakit hati dalam Lembaga itu, sakit hati dalam petugas-petugas yang diamanahkan

memaju, menyelamatkan menyuburkan Lembaga itu, ada penyakit di dalam hati, penyakit tidak bersih, penyakit tidak cekap, penyakit tidak amanah. Jadi, apabila Kerajaan hari ini membuat sikap bersih, cekap dan amanah, yang tidak bersih, yang tidak cekap, yang tidak amanah bubar. Saya menyokong pembubaran itu. Ini sudah lambat, sudah banyak rugi. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri berapa banyak rugi sejak Lembaga ini ditubuhkan? Beritahu kepada rakyat. Kita tidak mahu berulang. Ada lembaga lain yang beli barang \$9 juta, diletakkan di dalam setor—ini suratkhbar. Satu anak syarikat di dalam satu badan—boleh saya sebutkan?

Timbalan Yang Dipertua: Sila.

Tuan Haji Shahrom bin Maasom: Syarikat Pembangunan Pekebum Kecil Sdn. Bhd. sebuah anak syarikat RISDA telah membeli sejumlah besar jentera-jentera kecil, barang-barang mewah bernilai hampir \$9 juta dari luar negeri tanpa perancangan menyebabkan barang-barang tersebut tersadai dan tidak digunakan.

Orang kampung yang "menoreh" getah, kata orang Johor, kata orang di sini "memotong getah", hendak disuruh beli fountain pen ada jam hendak buat apa. Jam orang kampung jam loceng harganya \$8 tetapi berdering satu kampung dia boleh bangun. Dia dengar ketuk-ketuk waktu subuh, dia dengar azan subuh, dia sudah sampai bawah pokok getah menyuluh, bawa lampu atas kepala tidak payah pakai fountain pen yang ada jam. Yang hendak pakai fountain pen yang ada jam ini, Ahli Dewan pun banyak yang tidak pakai. Kenapa Lembaga ini hendak jual pen yang semacam itu? Pinggan mangkuk jenis stainless steel, kasut jogging berharga mahal. Penoreh getah hendak suruh pakai kasut jogging alamat tumpah baldi. Dia tidak payah jogging. Daripada rumah naik basikal bawa

baldi itu sudah jogging. Fasal itu orang kampung ini kurang yang kena sakit darah tinggi, kencing manis. Dia sudah jogging dengan tidak payah pakai kasut jogging. Kain baju dan jam yang diimport dari Taiwan dan Korea untuk dijual kepada pekebun-pekebun kecil. Ini yang saya baca. Sebab masalah MAJUTERNAK tidak keluar dalam suratkhbar. Kalau MAJUTERNAK keluar dalam suratkhbar nanti orang kampung boleh beli daging di kampung dengan harga \$5.30 tetapi daging yang dikeluarkan daripada Pusat Penyembelih Shah Alam harganya \$6.20. Siapa hendak beli daging daripada Shah Alam—daripada pusat Penyembelih, tentulah orang pilih beli daging yang disembelih di kampung, sembelih di tepi jalan, diikat dekat tiang elektrik, maka Pegawai Penguatkuasa Majuternak pun datang tangkap yang menyembelih lembu di kebun-kebun untuk menampung keperluan rakyat yang hendak menyambut hari raya. Apabila tangkap, mereka mengadu kepada Wakil Rakyat, mengadu kepada Yang Berhormat, mengadu, mengadu, mengadu senyap begitu. Apabila senyap rupa-rupanya Lembaga ini hendak ikut senyap. Kalau Lembaga ini masih kukuh saya percaya hari raya tahun sudah entah macam mana kecoh fasal daging tidak cukup. Tuan Yang Dipertua, ini penyakit hati, bukan hati lembu, bukan hati ternakan yang dalam Undang-undang ini, hati manusia yang diberikan amanah menjaganya.

Tuan Yang Dipertua, saya ingin tahu apabila Rang Undang-undang ini kita luluskan untuk dibubarkan, kemanakah harta-harta beku yang merupakan bangunan-bangunan, ladang-ladang, jentera-jentera yang ada di Pusat Lembaga MAJUTERNAK ini, takkan untuk lembu hendak bubuh tempat ternakan ayam tak jadi, rugi lagi. Inilah orang tua-tua kata berniaga buluh kasap, untung tak tentu modal lesap.

Tuan Yang Dipertua, masalah kakitangan dalam Majuternak, insyaa Allah, saya percaya Kerajaan kita, pimpinan Dato' Seri Dr Mahathir dan Dato' Musa Hitam ini akan menyelamatkannya dipindahkan ke mana-mana badan berkanun yang lain, dipindahkan kepada jabatan-jabatan Kerajaan yang lain. Nanti ini akan berlaku satu penyakit lagi dalam Lembaga berkanun ini juga. 'Ini gesa siasat subsidi \$7 juta LPN—ini Lembaga lagi. Ini besok barangkali kita hendak bubar ini pula kerana rugi selalu. Penanam padi tidak dapat kupon, yang dapat kupon orang lain. Ini \$7 juta timbul daripada satu kawasan dekat Tumpat sahaja, belum Tanjong Karang, belum Sabak Bernam, belum Sekincan, belum di kawasan MADA, kawasan MADA, belum lagi sawah dekat Mersing yang hidup segan mati tak mahu—dekat Endau sana ada juga kupon itu. Kalau Rancangan Barat Laut Selangor yang menelan belanja \$150 juta ini berjaya lagi banyak kupon lesap besok. Ini sepatutnya slogan bersih, cekap, amanah ini benar-benar diamalkan, jangan dijadikan slogan; slogan tulis dekat tepi bukit pandang jauh, orang tengok tulisan cantik kereta berdentom sodok kereta orang kerana tengok tulisan slogan "Kepimpinan Melalui Tauladan".

Jadi kalau sudah bosnya tidak betul, macam mana Budak Pejabat hendak betul, ini dalam Lembaga yang kita hendak bubarkan itu. Mengapa ini berlaku? Mengapa penyelewengan-penyelewengan semacam ini berlaku? Kalau ada pula penanam getah di dalam Lembaga Tanam Semula Getah yang dikatanya di dalam sekampit bajanya kalau ditimbang nanti ada 15 kati pasir sahaja. Macam mana pokok getah kami hendak berbuah. Lembaga Tanam Semula Kelapa, beri benih kelapa 12 tahun tidak berbuah. Kalau keluar dua biji alakulihal, 3 biji setandan alakulihal, tidak berbuah sudah 12 tahun. Apabila panggil

pegawai minta siasat, dia kata tanah tuan-tuan ini tidak sesuai. Eh! dahulu masa hantar benih, ini tanah tuan-tuan patut tanam kelapa. Batang cukup semangat, kelapa dahululah—benih dahulu. Apabila kelapa dahulu tidak boleh menghasilkan buah sekarang timbul program tanam kelapa mawar. Apabila kelapa mawar besok buahnya besar-besar buah sukun, tak jadi juga, besok kita buat lagi satu perkara yang merugikan.

Tuan Yang Dipertua, di manakah letaknya perancangan, dimanakah letaknya perkiraan, di manakah letaknya penyiataan bijak pandai ahli-ahli ekonomi, pakar-pakar yang menyiapkan kertas Lembaga MAJUTERNAK ini supaya ditubuhkan dengan belanja sekian juta yang disokong pula dan diberi, dijalankan. Kita tengok dahulu pada masa itu tak apalah, kita tengok, kita jalan merangkah-rangkak dahulu, tak betul kita betulkan. Hari ini terbukti kerana tidak adanya kebersihan, kecekapan, keamanahan di dalam badan inilah maka jadi seperti ini sehingga Kerajaan terpaksa mengambil satu sikap membubarkan Lembaga ini.

Satu masalah yang besar sekarang ini slogan lagi "Persyarikatan Malaysia". Lembaga ini berniaga, LPN berniaga, Lembaga Tanam Semula berniaga, Lembaga Getah berniaga, Lembaga MAJUTERNAK berniaga, Lembaga Tembakau Negara berniaga, Lembaga Ternak Ikan Air Tawar berniaga, macam mana orang berniaga yang diberi modal boleh bankrap? Ini menunjukkan tak tahu berniaga. Kalau dia tahu berniaga tak boleh bangkrap, tetapi kalau saja-saja dia hendak buat bankrap kerana hendak claim insuran, kita tak tahu, tetapi bolehkah setelah Lembaga ini bankrap boleh claim insuran? Hendak claim insuran dengan siapa? Jadi wang rakyat hangus, wang negara hangus. Jadi siapa yang menderita? Rakyat yang menderita.

Kalau rugi \$10 juta sudah boleh buat 10 sekolah. Sekolah tempat saya Sungai Kelambu sudah masuk suratkhbar hari itu, keluar tender tak jadi buat, tetapi tak sempat hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran. Sepatutnya duit lembu kurus ini boleh buat sekolah di Sungai Kelambu, di Kuala Langat sana, tak sampai \$1 juta pun, lebih kurang \$400,000-\$500,000 sahaja sekolah dua tingkat, bukannya besar sangat. Sepatutnya keuntungan lembu ini sudah boleh diagih-agihkan kepada rakyat, sekurang-kurangnya anak ini Sekolah Sungai Kelambu, duit untung jual lembu.

Tuan Yang Dipertua, menyebut ini berbalik kita kepada satu program. Sekarang ini kita menggalakkan kepada rakyat luar bandar memelihara, menternak lembu susu. Apabila MAJUTERNAK ini tutup nanti susu pula tak ada, satu hal, tubuh pula Lembaga Susu (*Ketawa*), hendak bawa susu dari mana? Sekarang kita menggalakkan rakyat kita minum susu cukup sampai diadakan satu Lembaga Menternak Lembu Susu, Jabatan Haiwan pun kutip tiap-tiap petang, tiap-tiap pagi, diberi subsidi, kalau lembu dari harga \$2,000 hanya bayar separuh sahaja. Ini akan berlaku, mulalah nanti. Kalau tadi sahabat saya berkata kakitangan di dalam Lembaga ini sudah ada yang menangis, besok kalau lembu ini ada Jabatan lain tarik: Pak Mat, lembu ini saya terpaksa tarik kerana dahulu MAJUTERNAK punya, sekarang MATITERNAK punya. Dahulu Lembaga MAJUTERNAK, sekarang Lembaga MATITERNAK, sudah mati, sudah bubarkan, tarik lembu itu, perang di kampung ini nanti. Kalau sama-sama orang menyokong Kerajaan tak apa, dia faham, kalau kebetulan orang yang dapat itu orang yang menentang Kerajaan, hendak kempen Kemumin/Tampin besok—bala. Ini akan jadi isu. Ini menunjukkan Kerajaan tidak cekap, tengok dia tutup anak yang dia buat dahulu—rugi, rugi, rugi. Timing

ini tak kena dekat hendak pilihanraya hendak bubarkan ini, ini akan jadi isu pilihanraya. Jadi kita kena betul-betul jawab, kita akan jawab inilah kejujuran Barisan Nasional sanggup tutup kalau rugi kerana hendak menyelamatkan wang rakyat.

Tuan Yang Dipertua, kerana tidak ada sikap kejujuran amanah tadi, sekarang ini kita bawakan kepada persyarikatan Malaysia, apa yang Perdana Menteri kita sudah sebut "segala konsep dan pendekatan ada pegawai Kerajaan tak faham". Ini dia kerana tak fahamlah MAJUTERNAK hendak bubar, bubar ini besok tak faham lagi, lagi satu Lembaga bubar lagi, tak faham lagi bubar, tak faham lagi teruk. Mengapa sampai Yang Amat Berhormat Perdana Menteri cakap ada pegawai Kerajaan tak faham. Memang ada kita tahu ada sikap pegawai-pegawai kita sekarang ini yang bersikap sudah merdeka 26 tahun ini berbalik semula macam zaman penjajah "aku boss dalam daerah", kuasa dalam tangan: hitam—hitam, putih—putih, berlaku sekarang ini perasaan ketuanan, perasaan feodal, apa lagi kalau di hujungnya itu ada macam-macam, ada sambungan lagi. Kita tidak anti feodal tetapi mengapa sikap ini di dalam peralihan yang begitu drastic di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir ini dibuat, mengapa perkara yang semacam ini terus dibiarkan? Kalau dibiarkan, biarkan, biarkan, si luncai terjun dengan labu-labunya. Ini satu daripada labu sudah hanyut—Lembaga MAJUTERNAK, labu kita sudah hanyut, besok lagi satu labu hanyut, besok lagi satu labu hanyut.

Tuan Yang Dipertua, kita tidak mahu perkara yang semacam ini berulang kerana ini akan menjadi catitan kepada sejarah. 5 tahun yang akan datang TV Malaysia akan menyiarkan di dalam "Hari Ini Dalam Sejarah" pada 8-8-83 Dewan Negara

meluluskan Lembaga Kemajuan Ternakan Negara dibubarkan kerana rugi. Cukup, titik di situ. Tetapi generasi yang akan datang akan kata kenapa rugi? Dia tak kata kurang bijaksana kalau bijaksana, kalau dikatakan kerana kurang bijaksana pemimpin-pemimpin pada masa itu sedap sikit hati kita, tetapi kalau dia kata kerana kebodohan pemimpin-pemimpin pada 8-8-83, kalau saya masih hidup sungguhpun sudah tak kuat, mahu juga menumbuk. Ini akan berlaku besok menjadi kenangan sejarah akan dibaca oleh anak cucu kita mengapa Kerajaan buat, Kerajaan tutup. Kita tidak hairan Kerajaan boleh buat, Kerajaan boleh tutup. Kalau dahulu Kerajaan buat MAHA tutup, kemudian ada RIDA tutup, ganti, ganti dan saya tidak mahu kalau Lembaga Kemajuan Ternakan Negara hari ini kita bubarkan, tiba-tiba besok wujud satu lembaga lain yang imbas ini, menternak lembu juga, tetapi namanya sahaja lain, tidak dikatakan Lembaga Kemajuan Ternakan Negara, dia kata Lembaga Kecukupan Daging untuk Negara. Jawabnya daging dari lembu, daging ternakan, ini akan timbul besok.

Hari Raya kelamarin Tuan Yang Dipertua, tahu berapa tan daging yang diimport dari luar negeri yang kita tidak tahu halal wal haram, semua dalam kotak. Kita tanya daging ini sudah berapa bulan, lebih kurang 3 bulan; dari sembelih packet, masuk dalam gudang, tunggu kapal, belayar dari sana sampai sini, naik di Port Klang, simpan lagi, kemudian Kastam mahu periksa lagi takut dalam peti daging itu ada dadah itu yang lama, sekarang Kempen Anti Dadah, baru sampai ke Pasar Besar Kuala Lumpur, diedar pula ke kampung, ke Banting, ke Sepang, ke Kajang, ke Kuala Selangor, 3 bulan, 4 bulan. Macam mana makan daging ini sudah 3, 4 bulan, pada zahirnya itu adalah sudah busuk, saya tak berani kata, tetapi daging ini kerana disejukkan 3 bulan

pun dia elok, tetapi pada hukumnya kalau sudah 3 bulan, pada ghalibnya sudah bukan daging lagi tetapi kerana peti sejuk tadi, dia beku, dia elok, makanlah kita, sentallah kita, sedawalah kita. Jadi banyaklah kotoran dalam, bukannya daging tadi, darah-darah daging tadi semua masuk, maka jadi hati kelam; apabila hati kelam, fikiran pun bercelaru; apabila fikiran bercelaru, mulalah datang khayalan-khayalan yang macam-macam khayal sehingga sanggup menipu rakyat, sanggup membelanjakan wang rakyat tak tentu fasal, macam yang berlaku kepada anak RISDA, yang berlaku kepada LPN, LPN yang \$7 juta ini tak jawab lagi, besok entah macam mana kilang RISDA yang \$9 juta tadi, sewa gudang dekat Gombak \$9,000 sebulan tak ada keterangan lagi. Rakyat tertanyanya. Nanti besok suratkhabar akan keluar, Lembaga Kemajuan Ternakan Negara dibubarkan, kerugian tak tahu berapa juta, 9 jutakah, 10 jutakah, 15 jutakah, hangus begitu sahaja.

Rakyat kita sekarang ini bukan rakyat sebelum merdeka, rakyat yang telah merdeka 26 tahun, banyak anak-anak kita yang sudah pandai membaca, banyak anak-anak kita yang pandai berfikir, menganalisa apa yang kita putus dan apa yang kita hendak bubarkan.

Tuan Yang Dipertua, harapan saya daging keperluan rakyat, walaupun dia makan daging setahun sekali. Ternakan daging keperluan kepentingan rakyat, kepentingan negara. Susu lembu kepentingan rakyat, kepentingan negara. Rakyat sihat, negara kuat. Apabila Lembaga Kemajuan Ternakan Negara ini dibubarkan, saya berharap satu badan pengganti yang akan mengawasi perkara ini di bawah Kementerian Pertanian barangkali akan belajar, sekali terkena, dua kali tahu. Ini kali yang kedua, sepatutnya apabila

ditubuhkan badan yang baru nanti akan tahu selok-belok Lembaga Pengarah, Lembaga Pengarahnya ahli-ahli yang dipilih, yang dilantik duduk dalam badan itu pilihlah betul-betul, semak betul-betul, kalau tidak boleh semak melalui komputer, semak melalui kaca mata politik, kaca mata parti. Dari kaca mata parti kalau tidak betul, ketua bagi bambu dia.

Kita tidak menafikan degree, kita tidak menafikan orang-orang yang bijak pandai duduk situ separuh-separuh duduk, separuh orang-orang profesion, yang ada pengajian-pengajian bidang-bidang tertentu, yang separuh diambil dari orang yang memahami keadaan suasana grass roots di bawah. Ini kerana yang duduk di situ kebanyakannya orang yang di atas, sungguhpun dia berasal daripada kampung tetapi dia sudah tidak balik kampung lagi, dia tidak tahu bagaimana keadaan di grass roots, keadaan di bawah, sikap rakyat hari ini. Kita tidak mahu wang rakyat berjuta-juta hangus begitu sahaja, malu, kita malu. Kita kata negeri lain tidak betul, negara lain tidak betul tetapi kita ini tidak betul.

Esok tahun depan Ketua Audit Negara akan keluaran laporan: itulah tidak ikut nasihat saya dahulu yang badan ini sepatutnya begini, begini. Macam Ketua Audit Negara keluaran dalam suratkhabar, dua tiga hari sudah keluar, mengapa Kerajaan Negeri ini menanggung hutang sekian juta, kerana boros, kerana tidak cekap dalam membuat pengurusan. Jadi ini esok akan ada komen daripada Ketua Audit Negara kerana boros, kerana tidak cekap, tak betul pengurusan, tak jujur, tak amanah, dahulu kita laung Bersih, Cekap, Amanah, dalam Lembaga kita ini tidak bersih, tidak ceka, tidak amanah.

Saya terpaksa menekankan ini, Tuan Yang Dipertua, kerana inilah sekarang method, kerana inilah satu gambaran

Kerajaan kepimpinan 2M sekarang ini mahukan Bersih, Cekap, Amanah ini menjadi setinggi-tinggi sampai ke bawah-bawah. Jangan kepada rakyat sahaja kita lantakkan Bersih, Cekap, Amanah. Penanam padi, penoreh getah, penangkap ikan, dia hendak Bersih, Cekap, Amanah apa? Dia memang sudah bersih, sudah cekap, amanah pada keluarga dia. Yang hendak bersih ini kita ini semua, kena bersih zahir, kena bersih batin, kena bersih perbuatan, perkataan, niat, cekap kita ini hendak cekap di dalam perbuatan, cekap dalam niat, cekap dalam cara-cara bertindak, berfikir, amanah kita ini menerima amanah yang diberi oleh Kerajaan, makan gaji dalam Lembaga supaya jangan tuntutan berlaku sewenang-wenang. Seperti berlaku beberapa kali di dalam perbicaraan mahkamah tidak pergi tuntutan mileage, tidak tidur sana, claim hotel, 42 kilometer jadi lima kali ganda, sampai pergi mahkamah, terbangkar rahsia.

Hari ini sudah diputuskan, Jabatan Perdana Menteri sudah keluarkan surat pekeliling, pegawai-pegawai tinggi tidak boleh lebih daripada \$1,000 tuntutan perbatuan T & Tnya. Sudah mula bunyi. Amatlah Hari Raya tahun depan kita tidak buat rumah terbuka sebab T & T itu juga akan menjadi kita punya modal untuk buat ketupat lebih, rendang lebih, hendak beri angpau kepada anak-anak cucu lebih, tetapi apabila dibuat sistem yang seperti itu menjadi rungutan tetapi memang tidak ada sistem, tidak ada ceiling, tidak ada sekatan seperti itu, buat tuntutan lebih daripada gaji. Berlaku beberapa banyak di Jabatan-jabatan Kerajaan, buat tuntutan T & T itu lebih daripada gaji.

Dalam Lembaga ini saya percaya, saya yakin 12 ekor lembu hilang di Pusat Ternakan di Jalan Keluang Mersing ditunggu 15 hari, 15 malam lembu tidak dapat, T & T jalan terus.

Sudah berapa rugi. Lembu 12 ekor berapa tetapi T & T 7 orang pegawai tunggu lembu hilang berapa. Sudah dua kali rugi. Jadi tidak cekap, tidak bersh. Sepatutnya dalam Lembaga yang separuh Kerajaan ini, Lembaga yang dibenarkan, diberi modal berniaga, carilah untung, tidak sampai rugi sepatutnya.

Sekarang kita Pandang ke Timur, tengok Jepun dan Korea. Jadi apabila sudah ada Lembaga ini esok, Lembaga Kemajuan Ternakan Negara dibubarkan kerana Jepun, Korea ikan emasnya cantik, ikan warna-warni, esok kita suruh rakyat pula adakan Lembaga Ternakan Ikan Air Tawar yang warna-warni, alamat hilang semua, kolam entah ke mana, jaring entah ke mana, motorbot entah ke mana.

Tuan Yang Dipertua, saya bercakap pada petang ini, saya banyak menyelitkan rasa rakyat, rakyat di bawah, cara rakyat di bawah begitulah cakupnya. Apalah ini. Ini yang kita mesti fikir. Yang membuat kerja silap satu orang tetapi yang menanggung beban rakyat yang terlibat ini tidak tahu berapa juta. Yang buat silap satu orang yang diamanah dengan gaji sekian ribu tetapi yang menanggung akibatnya negara. Yang buat silap satu alat komputer tetapi yang menanggung kesan negara, rakyat, wang negara, wang rakyat, imej Kerajaan gelap, gelap masa depan, bukan cerah. Kalau begini, ini sudah nampak bukan cerah masa depan—gelap. Jadi kita berharap perkara seperti ini tidak akan berulang lagi.

Tuan Yang Dipertua, saya menyampaikan rasa sedih saya pada mula-mula tadi kerana saya tidak fikir yang Lembaga ini satu masa akan menghadapi, bolehlah saya katakan ini pembacaan talkin sebab hendak bubar, pembacaan talkin, minta izin, Tuan

Yang Dipertua, pembacaan talkin kepada Lembaga Kemajuan Ternakan Negara. Jadi kalau sudah sampai masa baca talkin, itu kita tidak boleh hendak cerita balik, tidak usah kita ungkit-ungkit, jangan kita libat-libatkan balik siapa yang membuat salah, kalau dia salah taubatlah. Kalau dia termakan dia pulangkanlah kalau hendak pulang, kalau tidak pulang pun terserah kepada badan penyiasat esok. Barangkali dalam Dewan esok kita ada menyebut kenapa tidak dibentuk satu suruhanjaya bebas supaya mengeluarkan satu kertas putih, siapa yang menyeleweng kemukakan ke depan pengadilan. Banyak, elok, pakai sampin bawa ke pengadilan. Kesah badan itu bawa pengadilan. Yang arwah Jalil Ibrahim itu belum selesai hendak bawa pengadilan. Ini esok ada orang sebut mengapa Kerajaan tidak berani menubuhkan satu suruhanjaya penyiasat, berapa juta wang negara, wang rakyat hangus ke depan, ke muka pengadilan siapa yang bersalah jatuhkan hukuman kalau betul-betul Bersih, Cekap dan Amanah.

Cabaran daripada Pembangkang, cabaran daripada Opposisi dan orang kita pula ada yang nanti kata, ya, kami akan tubuhkan satu suruhanjaya untuk menyiasat siapa yang salah akan dibawa pengadilan. Orang pun tunggu, tunggu, sekali kena orang yang macam kita, yang pakai songkok tajam, tidak sangka orang itu rupanya macam itu kelakuannya. Ini yang kita tidak mahu berlaku semacam ini, tepuk air di dulang kena ke muka. Cubit peha kanan, peha kiri sakit tetapi undang-undang tidak kenal siapa, jalan terus. Jadi, saya berharap kepada pihak Kerajaan setelah pembubaran Lembaga ini supaya berhati-hati, jangan sampai rumah sudah siap, pahat berbunyi. Jangan sudah berlaku ini timbul pertaliannya esok, jadi biarlah kita cakap siang berpandang-pandang, cakap malam dengar-dengarkan. Sekian, terima kasih.

5.50 ptg.

Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah:
Tuan Yang Dipertua, saya bangun menyokong Akta Lembaga Kemajuan Perusahaan Haiwan Negara 1972, membubarkan Lembaga Kemajuan Ternakan Negara yang ditubuhkan di bawah Akta itu.

Tuan Yang Dipertua, apabila kita membuat analisa apa sebab musabab sampai tindakan begini tegas dan begini keras terhadap Lembaga Kemajuan Perusahaan Haiwan dan dibubarkan Lembaga Kemajuan Ternakan Negara, maka timbul beberapa soalan bahawa kita ubah alih mendapatkan satu titik yang perinci. Malangnya saya tadi tak dapat mendengar Yang Berhormat Menteri berkenaan menerangkan sebab musabab mengapa tindakan begini tegas dibuat tetapi apa yang saya difahamkan sedikit sebanyak kerana telah berlaku kerugian dan kemerosotan yang bertimpa-timpa yang begitu banyak dan meluas.

Rasa saya, kita tidak adil apabila kita menyebut di sini semuanya salah kepada pihak Lembaga ini, sebab di manapun perusahaan ternakan dalam dunia ini, kalau kita melawat di Eropah, Australia atau Jepun atau di mana-mana sahaja dalam negeri itu juga ada berlaku beberapa kerugian yang macam ini. Jangan katakan tidak ada, katalah misalnya serangan tiba-tiba penyakit menular, katalah penyakit bahawa pada ternakan. Ini bukan dikehendaki ia datang tetapi ia tiba, serupa juga penyakit taun yang melanda sekarang dan dahulu bukan negeri ini sahaja, di seluruh dunia juga berlaku. Jadi rasa saya ada juga yang harus kita kenangkan kepada Lembaga ini, mungkin mereka telah menjalankan usaha sedaya upaya yang boleh sebagai teras harapan negara dan bangsa, tidak boleh dinafikan. Mereka telah berusaha sungguh-sungguh memajukan perusahaan ternakan

seperti itu tetapi rasa saya sebagai saya katakan tadi mungkin bahaya menimpa di luar dugaan menular dalam negeri ini.

Ada juga saya dengar dahulu penyakit kuku dan mulut menimpa ternakan di Malaysia, beribu-ribu lembu mati, doktor haiwan datang tak terubat, sebab penyakit itu sudah timbul, susah juga hendak dihalang, banyak yang menjadi korban. Jadi dengan sebab itu sebelum saya bercakap mengkritik atau analisa secara menyeluruh, saya rasa adil dan berterima kasih kepada Lembaga ini, sebahagian ahlinya bersungguh-sungguh mencuba bagi memajukan ternakan negara kita ini, malangnya barangkali terjadi demikian rupa tetapi bagaimanapun sekarang sebelum saya hendak bercakap dalam hal ini, saya hendak membahaskan Huraian; dalam Huraian ini termaktub semua undang-undang ini yang menitikberatkan tujuan yang asasi yang ada disebutkan. Saya baru dapat Bil ini sekejap ini dan saya percaya saudara-saudara di sini baru juga dapat, saya tak tahu barangkali Dato' Yang Dipertua sudah dapat Bill ini lebih dahulu.

Saya bacaan Huraian dalam Rang Undang-undang ini:

HURAIAN

Rang Undang-undang ini bertujuan memansuhkan Akta Lembaga Kemajuan Perusahaan Haiwan Negara 1972 dan membubarkan Lembaga Kemajuan Ternakan Negara yang ditubuhkan di bawah Akta itu.

Rang Undang-undang ini membuat peruntukan—

- (a) mengenai penurunan kuasa, hak, keistimewaan, tugas, liabiliti dan tanggungan Lembaga kepada Kerajaan Malaysia;

- (b) mengenai pemindahmilikan semua harta alih dan tak alih dan aset lain kepada Kerajaan;
- (c) mengenai pembayaran semua wang yang ada atau yang kena dibayar kepada Lembaga, kepada Kerajaan;
- (d) mengenai penguatkuasaan semua kontrak yang ada oleh Kerajaan atau terhadap Kerajaan;
- (e) mengenai penerusan prosiding sivil oleh Kerajaan sebagai menggantikan Lembaga;
- (f) mengenai penerusan semua undang-undang dan peraturan yang menyentuh atau yang melindungi Lembaga dan undang-undang dan peraturan itu akan terpakai kepada Kerajaan Malaysia; dan
- (g) mengenai pemberian kuasa kepada Menteri Pertanian, yang boleh dijalankan dalam masa tiga tahun dari mula berkuatkuasanya Rang Undang-undang ini, untuk membuat perintah bagi maksud menghapuskan apa-apa kesulitan yang mungkin timbul berkaitan dengan pelaksanaan Rang Undang-undang ini.

Pindaan ini nampaknya memberi kuasa penuh (full power) kepada Menteri Pertanian, bagi pula kuasa bukan terburu-buru, tiga tahun. Dan "Rang Undang-undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan."

Saya berterima kasih, sebab Rang Undang-undang ini tidak melibatkan wang Kerajaan.

Tuan Yang Dipertua, rasa saya adalah tersilap kalau kita mengatakan tidak adil, sebab saya nampak dalam Rang Undang-undang ini Menteri yang

bertanggungjawab, sama ada dahulu atau sekarang ialah Menteri Pertanian sendiri. Rasa saya kita selalu bercakap dalam Dewan ini, saya sendiri selalu bercakap, selalu membangkitkan hak bumiputera negeri ini, tetapi apabila saya menyatakan hak bangsa bumiputera, adalah tidak adil kalau orang bumiputera sendiri misalnya membuat curang tetapi kita tidak sebut dan kita tidak sentuh dia walaupun siapa. Ini adalah berdosa kepada Allah Yang Maha Kuasa dan berdosa kepada rakyat jelata. Sebab itu kepada siapa-siapa yang bertanggungjawab yang merugikan bangsa dengan begitu banyak wang Kerajaan, dia adalah menanggung reaksi dan implikasi dari perbuatannya itu. Dan wajarlah Kerajaan—saya tak kira siapa juga yang memegang teraju Kerajaan menjalankan tindakan yang sewajarnya dengan adil dalam hal yang demikian. Sebab kita adalah menjadi satu contoh; Lulus jarum, lulus kelindan, kata pepatah Melayu. Sebarang kerja, sebarang perbuatan yang kita luluskan itu ada membawa akibat. Kalau kita luluskan perkara yang tidak benar, kita katakan benar. Akibatnya bahaya kepada kita, bahaya kepada negara, bahaya kepada detik-detik sejarah, nadi, nasib bangsa dan negara masa hadapan. Sebab itu sebarang kecurangan, sebarang kesilapan yang begitu besar, kepada negara dan rakyat ia harus mendapat tindakan yang sewajarnya mengikut keadilan dan undang-undang negara kita tetapi sebaliknya adalah tidak adil kalau kita pula menjalankan undang-undang dengan tidak ada kesalahan yang sungguh-sungguh nyata terhadap siapa juga dalam negara ini.

Apa yang kita hendak bertanya, adakah kita sudah mempunyai pengetahuan yang cukup dalam melaksanakan projek ternakan di negara ini, sebab mengikut saikoloji dunia, kita menanggung satu tanggungjawab kepada seseorang, kita mesti pandang dua tiga segi bukan

sahaja daripada kelayakannya tetapi daripada pengalaman yang diterimanya. Kalau bukan dia mempunyai pengalaman, bukan tempatnya kita letakkan dia, kita yang memberi kuasa itu pun tak betul. Sebab itu kalau kesilapan macam ini berlaku sebenarnya tidak adil kita menyalahkan dia semata-mata, bahkan kita yang memberi kuasa itu juga sebagai satu kesalahan. Sebab itu Kerajaan haruslah waspada kepada sesiapa Menteri yang hendak dilantik, kepada siapa tugas yang hendak diletakkan bagi membimbing Kerajaan negara kita, letakkanlah betul-betul pada tempatnya. Jangan kita letakkan Menteri pada yang bukan tempatnya, orang yang berkuasa di dalam satu-satu jawatan dalam negeri ini, sebab akibatnya dia akan menjalankan perkara itu dengan tidak ada pengalaman yang sebenarnya. Apabila tidak ada pengalaman sebenarnya, ini akan merugikan rakyat, merugikan negara dan menjatuhkan imej bangsa kita, 100 tahun atau 1,000 tahun di masa akan datang. Kesilapan ini serupa juga kesilapan yang telah berlaku pada negara kita, terlepasnya hak bumiputera kepada negara lain, terlepasnya hak bumiputera kepada bangsa lain. 100 tahun atau 1,000 tahun kita dalam kubur, anak cucu mencerca kita. Apa sebab begini punya penganiayaan telah berlaku kepada bangsa kita sendiri? Sebab itu saya ingin mengingatkan pentadbiran atau pemerintahan negara kita, hendaklah meletakkan benar-benar tempat baik pun Menteri ataupun pegawai Kerajaan yang atasan, betul-betul orang yang berpengalaman dan mempunyai tempat yang sewajarnya diletakkan di tempatnya.

Tuan Yang Dipertua, mengenai perkara-perkara yang memalukan ini seperti kata orang tua-tua Melayu; janganlah kita buka pekung di dada kita. Apabila kita buka pekung di dada bukan sahaja malu kepada diri sendiri, keluarga keliling dan bangsa sendiri

pun malu, tetapi sebaliknya jangan kita tutup pula keburukan itu, misalnya keburukan seperti kuman di seberang sana kita nampak, tetapi gajah di bibir mata tidak nampak, itu pun tidak harus berlaku. Sebab itu adillah kita memperkatakan yang hak dan benar dihukumkan dalam satu-satu perkara terutamanya yang mengaitkan nasib bangsa dan negara kita di masa hadapan.

Walau bagaimanapun, saya bersetuju dengan sahabat saya tadi ini adalah menjadi satu pedoman atau menjadi satu pandangan yang nyata kepada seluruh Lembaga dalam negara kita ini, pegawai-pegawai Kerajaan, Menteri-menteri termasuk siapa juga yang mahu dirinya terlibat kepada bangsa dan negara supaya mengaku membuat jaminan pada dirinya tidak melakukan yang sedemikian itu.

Sebagai orang Islam kita pun tahu dan saya selalu menyebutkan pada saudara saya yang bukan Islam kalau hendak dirasmikan agama Islam ini tidak ada penganiayaan, Islam tidak pernah menganiaya pada sesiapa juga, penganut agama apa bangsa dalam dunia begitu juga, Islam satu agama yang tegas, satu kebenaran dan kenyataan, siapa yang buat salah dia mesti menerima hukuman, tidak kira siapa. Adakah patut kita ambil ingatan dalam hal ini dan kita hukum ini terus kita bubarkan dengan tidak memberi satu kenyataan yang tegas kepada rakyat, apakah patut kita menghukumkan atau kita bubarkan ini sama sekali dengan tidak ada kenyataan yang sungguh nyata di hadapan rakyat, sebab rakyat pada hari ini bukan rakyat zaman 50 tahun yang telah lalu, kebanyakan rakyat kita pada hari ini rakyat yang sedar dan mahu tahu, ada perasaan mahu tahu sebab musabab yang berlaku dalam negara ini. Jadi, tiap-tiap masalah, tiap-tiap perkara yang berlaku dalam negeri ini janganlah menyangkakan hilang di sebalik tabir sahaja ataupun 2-3 hari

sahaja akan hilang. Misalnya, orang membunuh seorang pegawai Audit kita di Hongkong, orang ingat boleh hilang—tidak, darah yang teraniaya itu senantiasa berombak dalam lengkungan udara negeri dia, sentiasa berombak menyentuh seluruh tulang-belulang bangsa dia sendiri, penganiayaan itu mesti dituntut, penganiaya itu akan dapat sebab dia tidak boleh lari. Itu saya hendak beritahu, siapa juga yang bersabit dengan perkara ini. Walau bangsa apa yang membuat penganiayaan, yang dilakukan ke atas pegawai audit kita yang pergi ke Hongkong misalnya dia janganlah hendak lari, kita kejar dia dan titisan darah-darah yang hidup mengalir, kita tidak lepas satu penganiayaan pada orang kita yang demikian, Begitu juga sebarang penganiayaan yang berlaku dalam negara ini dan agama kita menyuruh perkara yang hak mesti dicakapkan, mesti dijalankan, mesti diambil langkah yang stabil, jangan zalim dan jangan sampai menganiaya walau sedikit pun.

Kalau saya tanya apakah hukum kalau berlaku perkara yang semacam ini, hukumnya mesti secara adil, mesti dihukum sebab kita mengikut perintah Allah dan perintah kemanusiaan yang sejati, stabil dengan kebenaran semata-mata, jangan sedikit pun teraniaya orang yang kena hukum itu. Sebaliknya pula dia jangan dilepaskan begitu, mesti dibuat hukuman yang seadilnya, kemudian daripada itu rakyat diberitahu. Saya selalu menyebutkan perkara yang berlaku di zaman ini selalu hendak ditutup-tutup, tidak ada munasabah, zaman ini tegas, terangkan ini kenyataan, sebab MAJUTERNAK telah rugi ribu, berapa million, sebut salah satu daripada sebabnya misalnya binatang kena penyakit membunuh 20,000 ekor kerbau atau lembu dan 20,000 ekor kerbau ini berapa ruginya mestilah disebutkan sebab itu adil. Memang ya, mustahil tidak kena penyakit hawar,

binatang itu memang mengorbankan wang yang banyak, jadi tidak adillah dia lakukan demikian, kata dia tadbir tidak betul, wang masuk poket dia sahaja misalnya—mustahil, mesti kita terangkan dengan adil.

Pada pendapat saya, Kerajaan harus terangkan kalau kata: ya sudah bayar tidak apa. Saya kata rakyat sudah kritik, orang sudah tahu membezakan buruk baik. Kalau kita sudah cakap sekarang bersih, amanah, kita mesti tunjuk bersih kita, amanah kita, tegas. Saya memuji Perdana Menteri kita ini bukanlah tujuan harapkan apa-apa—tidak, sebab yang berkuasa hanya Allah lain tidak, siapa-siapa yang berkuasa hanya sementara sahaja. Allah s.w.t. yang berkuasa, kita manusia biasa belaka, walaupun Tuan Yang Dipertua boleh stop saya kuasanya terhad selepas pukul 6.30 petang nanti dia sudah tidak ada kuasa lagi terhadap saya. Jadi, ketegasan ini kita mahu dan ini satu pengajaran kepada kita dan saya pandang satu kesedihan berlaku.

Satu benda yang sedih terjadi dalam negeri kita ini dan lebih sedih saya dengar sahabat saya tadi mengatakan ada dalam LPN dan sebagainya, yang kebetulan kesemuanya orang Melayu di dalamnya. Saya hendak beritahu terus terang, saya tidak berasa malu dalam hal ini, saya terkejut, tetapi saya hendak menyebutkan tidak adil mengatakan orang Melayu berbuat semua sebab ada banyak orang Melayu yang berjiwa kestartia ini, yang berjiwa biar kita mati asalkan bangsa dan negara dia bangun, banyak yang ada ini, tidak pernah tak jadi, banyak yang macam ini keuntungan kepada dia tidak apa, sebab itu saudara kita orang-orang Cina, orang-orang India yang melioner-melioner berapa ramai orang kita yang hanya berpendapatan 10 sen, 20 sen atau \$1.00, \$2.00 tidak pernah gaduh, itu jiwa orang kita.

Baru-baru ini saya pergi ke England dan berhari raya di sana. Perkara ini betul-betul berlaku pada penuntut-penuntut kita di sana, mereka jumpa saya mengatakan ini, ini tidak adil. Jadi saya hendak beritahu terus terang saya kata: awak semua cakap dahulu, tidak usah minta saya cakap dahulu. Ada penuntut kita mengatakan dia tidak dapat biasiswa, tidak adil Kerajaan kita. Ini rakyat semua serupa sahaja, saya biarkan dia bercakap, ada yang lain pula mengatakan semua kita satu bangsa sahaja, orang lain tak ada—apa ini?

Saya cakap saya hendak beritahu terus terang saya kata: awak boleh saman saya, boleh tanya balik Kerajaan Malaysia atau siapa sahaja, boleh. Betul disegi cakap awak yang pertama itu betul. Tetapi itu kenyataan salah, orang bukan Melayu yang pergi sini belanja sendiri itu yang berpuluh ribu, yang diberi biasiswa kepada penuntut Melayu kerana orang miskin. Saya kata mereka ini mesti diberi, yang awak tidak ada diberi biasiswa, awak dapat daripada mana? Daripada negeri lain daripada Malaysia? Ditanggung daripada negeri lain—tidak. Ayah awak dapat lombong di Malaysia, ayah awak dapat kayu besar dalam Malaysia. Ayah dapat bijih besar, orang Melayu yang datang ke sini miskin dalam negerinya sendiri, tidak pernah gaduh itu sebabnya dihantar awal belanja. Dia datang dahulu ke Malaysia dengan satu seluar sahaja, kebanyakannya, barangkali ada juga yang bawa barang banyak tetapi dia bukan kaya yang datang itu, tetapi orang Melayu tidak pernah bergaduh saya kata.

Awak datang ke sini walaupun Kerajaan tidak beri, negeri dia, Tanah Melayu, Malaysia beri awak belanja. Cuba awak fikirkan, balik tanya, hantar surat balik tanya, tetapi kita orang Melayu pun tidak pernah bergaduh, tidak pernah sebut. Tetapi awak jangan salah fahamkan, jangan

awak tikam balik Kerajaan kita—salah. Ikut perumpamaan Melayu saya kata: Itu pantang sekali; walaupun emas, perak, mutiara, berlian ataupun hujan emas di negeri orang; hujan batu ataupun keris, lembing di negeri awak sendiri, timpa awak mati tetapi awak mesti terpacak diri di atas negeri awak sendiri. Jangan awak hendak kotorkan negeri awak sendiri kalau awak betul seorang manusia sejati.

Saya bercakap, saya panggil wartawan orang Amerika, orang putih, mari, saya orang kecil bercakap tetapi saya selalu bercakap yang benar. Saya tidak berpura-pura atau menambah mana yang tidak, tetapi saya hendak balik mereka tidak tidur, hantar, fasal tidak tidur saya hendak balik pukul 6.00; Tuan-tuan tahulah di England pukul 6.00. Dia tidak hantar, dia hantar beg saya semua, saya bersyukur kepada Tuhan. Tetapi yang saya jelas saya mahu mereka faham ini dia, dia faham adil kita cakap pun. Sedangkan saya bercakap di Dewan ini ada juga kawan-kawan saya kata: "Hei, banyak busuklah ini orang, apa Melayu, Melayu, Melayu!" Itu biarlah dia bercakap tetapi saya tidak berfahaman begitu, saya bercakap keadilan dan hak yang sebenar-benarnya yang kalau dia fikir balik ke rumah itu benar.

Jadi, Tuan Yang Dipertua, saya hendak beri pengadilkan kepada yang berlaku ini, satu tragedi yang sedih dan kalau betul seperti yang dikatakan oleh sahabat saya ada lagi dalam lain-lain perkara ini pun berlaku, kita juga turut sedih. Walau bagaimanapun, saya memang sedih sebab ini pembaharuan, orang Melayu yang sebenarnya dapat pembaharuan, tiap-tiap pembaharuan itu tentu ada membuat salah, kadang-kadang bukan sengaja, Tuan Yang Dipertua. Kita mula berniaga sebab kita tidak pandai tektik kita boleh rugi, habis bankrap. Bukannya salah tetapi sebenarnya pengalaman kita belum ada, baru mencuba. Saya suka berterus-

terang jangan dijadikan satu modal pula dikatakan orang Melayu tidak boleh diberi peluang, kalau diberi peluang tengok, habis wang negeri ini, bankrap semuanya. Jangan begitu, itu silap.

Sekianlah, Tuan Yang Dipertua, saya fikir apa yang patut fasal pemansuhan ini saya setuju sebab apabila kita nampak satu penyakit yang tidak boleh diubati adalah bijak kita tutup sahaja, kita buat cara baru yang lain mengatasinya. Dan itu kita pandang sebagai satu pengalaman tetapi janganlah itu sebagai satu kezaliman pula yang menyentuh peribadi manusia-manusia yang tidak berdosa, melainkan sebahagian yang berdosa memang kita hukum. Tetapi saya yakin banyak yang tidak berdosa dan menjalankan kewajipan yang sebenar-benarnya dalam masa yang telah lalu dalam Lembaga ini.

Sekianlah, saya menyokong Rang Undang-undang ini.

6.14 ptg.

Tuan Fadzil bin Mahmood: Tuan Yang Dipertua, saya juga bangun untuk menyokong satu Akta bagi memansuhkan Lembaga Kemajuan Perusahaan Haiwan Negara, 1972 sepertimana yang diucapkan oleh saudara-saudara yang baru bercakap sebentar tadi.

Tuan Yang Dipertua, saya sekali lagi menyokong Rang Undang-undang ini kerana bagi saya tindakan Kerajaan memansuhkan Lembaga ini bukanlah satu perkara yang terlewat tetapi adalah satu perkara ataupun satu tindakan Kerajaan yang tidak begitu lewat lagi kerana sepertimana yang disebutkan oleh saudara saya Yang Berhormat tadi, sesuatu yang kita buat ini adalah dibuat oleh manusia yang baru, mungkin ada kesalahan-kesalahan yang berlaku. Tetapi sepertimana yang disebutkan oleh rakan saya tadi kesalahan-kesalahan

ataupun kelalaian-kelalaian yang dilakukan oleh Lembaga ini kadangkala kita patut beri sesuatu tindakan ataupun teguran yang agak memberi faedah ataupun memberi sesuatu ingatan kepada Lembaga-lembaga ataupun pihak-pihak yang tertentu, di pihak yang akan mengendalikannya pula untuk mengambilalih daripada Lembaga Ternakan ini.

Tuan Yang Dipertua, saya kadang-kadang berasa hairan juga sesuatu perkara yang dibuat oleh agensi-agensi Kerajaan selalunya rugi. Contoh yang tepat ialah berkenaan dengan Lembaga Kemajuan Perusahaan Haiwan Negara ataupun Lembaga Kemajuan Ternakan ini, apa sahaja yang dipegang oleh agensi Kerajaan semuanya rugi. Ini menghairankan saya. Kita tengok LPN rugi, RISDA rugi, Ternakan ini pun rugi—mengapa kita tidak tahu, runsing bagi saya. Jadi pihak Kerajaan ataupun pihak agensi Kerajaan yang mengendalikannya perkara-perkara yang tersebut di atas ini mungkin mereka ini pandai dalam segi teori. Saya beri contoh selain daripada Lembaga Ternakan ini LPN di negeri Perlis akan dibuat satu kompleks LPN di satu kawasan bendang. Jadi apabila dikemukakan kepada pihak petani-petani, petani-petani ini membuat teguran mengatakan: Encik, di sini kalau hendak buat kompleks LPN kena tambun, timbus bagi tinggi sedikit. Dia jawab: Mengikut kajian kami yang kami belajar, mengikut sukatan kami, ini sudah pun lebih daripada sepatutnya. Jadi pengalaman yang dikeluarkan oleh pihak yang betul-betul berpengalaman dalam masalah ini selalunya tidak diambil ingatan oleh pihak-pihak yang tertentu. Jadi kompleks LPN itu pun didirikan, setahun bagus, 2 tahun bagus tetapi apabila datang banjir maka hapus kompleks itu, boleh dikatakan 7 kaki daripada paras tanah. Maka habis basah dan tenggelam padi-padi yang

ada dalam kompleks LPN itu, dan Kerajaan rugi berpuluh-puluh juta ringgit. Ini bukti yang nyata yang berlaku dalam Kerajaan kita sekarang ini.

Begitu juga berkenaan dengan Ternakan ini. Jadi pihak Lembaga ini buat kajian, kalau sehari tidak makan sekian-sekian berat akan susut; mengikut kajian setakat 10 hari tidak mengapa lagi. Sebab itulah lembu dan kerbau mati beribu-ribu, beratus-ratus ekor. Ini teori banyak. Kalau petani-petani, penternak-penternak di kawasan-kawasan kampung beri pandangan, mereka tepuk dada mengatakan: oh, saya 6 tahun belajar berkenaan dengan lembu kerbau, sampai orang gelas saya Mat Kerbau kadang-kadang. Itulah cara yang berlaku pada hari ini.

Jadi kita berharap sesuatu yang Kerajaan hendak rancang untuk menjalankan sesuatu untuk kepentingan rakyat, saya harap pendapat-pendapat daripada orang ramai dan rakyat patut kita ambil kira supaya perkara ini tidak berlaku lagi masalah-masalah kerugian yang dialami oleh Kerajaan pada hari ini.

Jadi kita berbalik kepada masalah Lembaga Ternakan lembu kerbau yang dibuat oleh Lembaga MAJUTERNAK ini selalu rugi tetapi yang menghairankan saya lagi di sebelah utara, kalau tanya Timbalan Menteri, beliau tahulah, orang yang terkaya sekali dalam negeri Perlis adalah orang yang berniaga lembu-kerbau. Rumah dia yang terbesar sekali dalam negeri Perlis, sampai ke saat ini orang itu sedang menjalankan perniagaan lembu-kerbau daripada negeri Siam, tidak pernah dia sebut kata rugi, untung ada. Dia tidak belajar di universiti mana. Dia tidak pergi ambil kursus mana-mana, dia buat kerja melalui pengalaman dan dedikasi dia. Sampai hari ini dia masih terkenal

dengan seorang yang kaya-raya kerana berniaga lembu kerbau. Tetapi pihak Kerajaan dengan berbagai-bagai kemudahan, beratus-ratus pegawai, pekerja dan sebagainya masih lagi rugi dan akhirnya sepertimana yang disebutkan oleh saudara Yang Berhormat tadi, hari ini kita sedang membaca talkin, sudah habis riyawatannya. Jadi ini yang menghairankan. Mungkin salah satu sebabnya selain daripada pegawai-pegawai yang saya sebutkan tadi ialah sebab amanah ataupun kejujuran itu tidak ada. Sebab itulah Perdana Menteri kita selalu mengeluarkan selogan-selogan untuk menyedarkan orang-orang Melayu kita ini supaya bekerja keras, ada manah, kejujuran dan sebagainya.

Saya minta maaf pegawai-pegawai yang terlibat dalam mana-mana agensi pun, terutama sekali agensi-agensi yang hendak tutup sekarang ini yang masih ada lagi agensi yang mengalami kerugian kerana mereka ini menganggap mengatakan ini bukan hak kita, ini hak Kerajaan. Kalau rugi bukan kita yang rugi tetapi Kerajaan yang rugi. Gaji kita masih berjalan. Semangat inilah yang ada pada hari ini pada orang-orang Melayu.

Satu lagi sebab macam Lembaga Ternakan ini adalah satu badan perniagaan. Badan perniagaan ini dijalankan mengikut cara orang berniaga tetapi sebaliknya pihak-pihak kakitangan yang saya sebutkan ini mereka menjalankan mengikut cara pegawai Kerajaan. Datang pukul 8.00, pukul 4.00 petang balik. Kalau lembu tidak makan lingkuplah, kalau tidak minum air pun tidak jadi apa-apa bukan kita punya, ini Kerajaan punya. Inilah yang jadi. Perniagaan ini kita mesti lakukan dengan cara sistem perniagaan. Tetapi apa yang berlaku sekarang adalah cara sistem pegawai Kerajaan sebab inilah yang berlaku kerugian pada hari ini.

Di dalam segi amanah seperti yang disebutkan tadi, saya tidak mahu sebutlah, banyak masalah amanah dan sebagainya tetapi salah satu sebabnya adalah amanah dan amanah dan kejujuran yang dipertanggungjawabkan kepada pegawai-pegawai Kerajaan tidak menjalankan tugas mereka secara jujur dan amanah maka inilah kesudahan yang berlaku. Kita berharap agensi-agensi yang lain yang sekarang ini walaupun tidak disuarakan oleh Kerajaan untuk menutup tetapi ada bunga-bunga yang ada di antara agensi-agensi yang lain yang masih sekarang ini mengalami kerugian. Saya tidak mahu sebut agensi ini dan mungkin satu masa pihak Kerajaan akan sedar bahawa agensi ini juga akan ditutup.

Saya tekankan di sini kalau agensi-agensi itu hendak menjalankan perniagaan seperti yang disebutkan tadi mestilah mengikut cara perniagaan, janganlah kita mengikut cara sistem Kerajaan atau cara pegawai-pegawai Kerajaan, datang pukul 8.00 pagi, balik pukul 4.00 petang. Kalau lembu tidak masuk, tidak makan pun tak apalah. Inilah yang berlaku sekarang ini.

Saya berharaplah kepada pegawai-pegawai yang telah terlibat dalam perkara ini tentulah akan sedar dan akan bertaubat tidak akan berlaku lagi perkara-perkara yang mereka lakukan hari ini sekiranya mereka diberikan tugas di lapangan yang lain. Saya difahamkan pegawai-pegawai daripada Lembaga Ternakan ini akan ditempatkan di jabatan-jabatan yang lain. Saya berharap inilah satu pengajaran kepada pegawai-pegawai ini supaya penyakit berkuman yang mereka bawa dari tempat ini jangan dibawa ke tempat-tempat lain supaya tempat-tempat lain, agensi-agensi itu tidak akan dijangkiti dengan kuman-kuman yang dibawa oleh mereka daripada tempat asal mereka ini. Inilah

satu perkara yang saya rasa Kerajaan bertindak dengan sewajarnya dan ada di antara rakan saya yang mengatakan ini terlambat tetapi bagi diri saya tindakan Kerajaan bertindak atas perkara ini tidaklah terlambat lagi, kerana saya rasa masih ada lagi peluang untuk kita mengatasi masalah-masalah yang sedang berlaku ataupun yang sedang berjalan sekarang ini supaya perkara ini dapat kita mempertingkatkan mudah-mudahan agensi-agensi Kerajaan ini akan dapat kejayaan.

Yang menyedihkan kita ini walaupun sesuatu agensi ini mendatangkan sesuatu kesulitan atau kerugian, yang mendapat keburukan ataupun yang mendapat celaan ialah Kerajaan. Pihak Pembangkang akan menyebutkan ini adalah dasar Kerajaan yang Kerajaan tidak memikirkan untuk membuat sesuatu sebelum perkara ini dijalankan maka sebab itulah perkara ini berlaku kerugian. Jadi pada akhirnya Kerajaan juga akan mendapat tohmahan-tohmahan daripada pihak-pihak yang saya sebutkan tadi.

Saya berharap dengan ini pihak Kerajaan akan berhati-hati dalam mengawasi segala agensi-agensi yang lain supaya perkara yang berlaku di dalam Majuternak ini tidak akan berlaku di agensi-agensi yang lain dan

kita berharap kejayaan ini akan diperolehi oleh pihak Kerajaan dan akhir sekali saya sudah dengan sekali lagi menyokong Rang Undang-undang ini.

Timbalan Yang Dipertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum saya tangguhkan mesyuarat ini, saya suka memberi sedikit pengumuman yang ditetapkan kepada kita kalau dapat pada hari besok dan lusa membahaskan pindaan Perlembagaan. Apabila telah dihantar kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian sesiapa yang hendak berucap, didapati seramai 22 orang yang hendak berucap dalam masa dua hari. Ini terpulanglah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat untuk menentukan masa. Jika sekiranya Rang Undang-undang yang kita bahaskan sekarang ini kalau sesiapa tidak hendak mengambil bahagian lagi pada hari besok, jadi Menteri yang berkenaan dapat menjawab. Selepas Menteri berkenaan menjawab barulah Rang Undang-undang Perlembagaan dapat kita bahaskan dalam masa dua hari, ini cuma kenyataan saya sahaja kepada Ahli-ahli Yang Berhormat.

Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sekarang sehingga pukul 2.30 petang hari besok, 9hb Ogos, 1983.

Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.